

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KEDUA

Bil. 13

Khamis

29 Julai 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 (Halaman 29)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 29)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 29 Julai 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggalakkan orang awam menggunakan beg kertas yang disebut "*biodegradable*" menggantikan beg plastik yang mencemarkan alam sekitar.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kementerian saya belum mencadangkan untuk menggalakkan orang awam menggunakan beg kertas yang disebut "*biodegradable*", dengan izin, bagi menggantikan beg plastik sedia ada. Walau bagaimanapun, kementerian ini berpendapat bahawa penggunaan beg jenis "*biodegradable*" dapat membantu mengurangkan masalah-masalah di tapak pelupusan sisa pepejal. Sekian.

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah cadangan untuk memaksa pasar raya-pasar raya dan juga pasar-pasar besar di bandar menjual beg-beg plastik tersebut kepada pelanggan-pelanggan seperti dilaksanakan di Ireland, supaya menggalakkan pelanggan-pelanggan tersebut bawa begnya sendiri dari rumah.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah jawab tadi belum ada cadangan. Sila Yang Berhormat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Belum ada cadangan, tetapi cadangan dari Yang Berhormat ini memang baiklah, kami akan bawa balik kepada kementerian untuk dikaji. Sekian.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya selain daripada beg plastik, pemakaian lampin bayi pakai

buang juga jadi faktor yang mencemarkan alam sekitar terutama di kawasan perumahan, jadi apakah cadangan perancangan di pihak kerajaan supaya perkara ini dapat menjamin alam sekitar kita di masa akan datang?

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawab tadi iaitu kementerian saya belum ada apa-apa cadangan tetapi hal-hal ini kami akan memberi perhatian dan kajian semula.

[Soalan No.2 – Y.B. Tuan Saravanan a/l Murugan tidak hadir]

3. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah perancangan kementerian untuk menentukan nelayan-nelayan dan para petani kita mencapai kejayaan seperti nelayan di negara-negara lain terutamanya Jepun dan Thailand.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab dengan sedikit panjang lebar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang berhasrat untuk memajukan nelayan dan petani kita sebagaimana kejayaan yang dicapai oleh nelayan-nelayan dan petani di negara-negara lain.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, izinkan saya sebentar hendak memberi sedikit teguran. Sila duduk sebentar, Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli memberi penghormatan kepada kerajaan apabila soalan timbul, sila pastikan hadir dalam Dewan. Sila.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang berhasrat untuk memajukan nelayan dan petani kita sebagaimana kejayaan yang dicapai oleh nelayan-nelayan dan petani di negara-negara lain terutamanya Jepun dan Thailand.

Dasar Pertanian Malaysia Ketiga iaitu dari tahun 1998 hingga 2010 telah pun menggariskan hala tuju sektor pertanian hingga ke tahun 2010. Beberapa pendekatan dan strategi telah dirangka bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Salah satu strategi utama yang sedang diberikan tumpuan oleh kementerian ialah mentransformasikan sektor pertanian berteraskan teknologi moden.

Beberapa langkah telah dan sedang diambil untuk menjayakan matlamat ini dan di antaranya ialah:-

- (i) meningkatkan program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bagi menghasilkan produk pertanian yang berkualiti, bernilai tinggi dan berdaya saing;
- (ii) mengkaji dan memperkenalkan teknologi dan peralatan baru dalam bidang pertanian bagi meningkatkan produktiviti dan daing saing;
- (iii) menyediakan tenaga pekerja mahir dan terlatih melalui program latihan bersijil di Institut Pertanian, Institut Perikanan Malaysia serta National Agricultural Training College, dengan izin. Program khusus dan latihan ini akan melahirkan tenaga pekerja yang mahir dan bertauliah yang akan menerajui....

Tuan Yang di-Pertua: soalan asal menjuruskan kepada perbandingan mereka di Jepun dan Thailand, bagaimanakah penerangan Yang Berhormat?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang inilah, *points* inilah sebab ini ada di Thailand dan Jepun, jadi itulah kita juga menjuruskan beberapa strategi ini mengikut modul-modul itu.

- (iv) menggalakkan petani dan pekebun kecil berusaha untuk melaksanakan projek secara berkelompok bagi membolehkan perancangan dan pengurusan secara sistematik dapat dilaksanakan;
- (v) mewujudkan sistem pengezonan (*zoning*) bagi menggalakkan penyertaan sektor swasta serta pengusaha-pengusaha baru dan sedia ada untuk melabur dalam sektor pertanian secara intensif berskala besar serta berteknologi tinggi;
- (vi) menggalak industri pemprosesan dan nilai tambah supaya produk yang dihasilkan bernilai tinggi dan memberi pulangan yang lebih baik ;
- (vii) penyediaan kemudahan infrastruktur yang baik dan mencukupi bagi merangsang pertumbuhan industri perikanan melalui penyediaan kompleks pendaratan ikan yang bersepadu, moden

dan lengkap di seluruh negara, di antaranya ialah di Tok Bali, di Kelantan, Tanjung Manis di Sarawak.....

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sedikit lagi. Kuantan di Pahang dan Batu Maung di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab negara perlu tahu berkenaan banyak perkara lagi. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Dua *points* lagi, Tuan Yang di-Pertua.

- (viii) memodenkan industri perikanan melalui pakej pinjaman yang menarik di bawah pakej rangsangan ekonomi; dan
- (ix) meningkatkan kualiti dan keselamatan hasil pengeluaran menepati pengeluaran pengguna dan piawaian antarabangsa iaitu kita sekarang ada Skim Akreditasi Ladang Malaysia untuk buah-buahan dan tumbuhan; Skim Persijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPAM) untuk perikanan dan akuakultur; dan Skim Akreditasi Ladang Ternakan (SALT) untuk ternakan.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana kita lihat pada ketika ini, pendapatan nelayan mungkin berkurangan kerana ikan dan hidupan laut ditangkap tanpa had sehinggakan ikan yang masih kecil pun sudah ditangkap. Apakah rancangan kerajaan supaya memastikan ikan-ikan dan tumbuh-tumbuhan laut tidak dipanen apabila ia masih kecil lagi? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, sebab itulah kita memang ada peraturan-peraturan. Kadang-kadang nelayan tradisi itu ditepi atau dekat-dekat dengan tepi laut, selepas itu kita ada zon-zon yang seperti saya katakan tadi supaya memastikan bahawa sumber-sumber ikan ini tidaklah ditangkap seperti Yang Berhormat katakan tadi. Jadi masalah yang sebenarnya Yang Berhormat, penangkapan sumber ikan-ikan kita memang masih banyak. Kita di Malaysia ini satu daripada negara yang memang masih banyak sumber ikan tetapi masalahnya penglibatan nelayan kita mungkin dari segi kurang kepakaran, mungkin dari segi kurang pengalaman, mereka tidak dapat tinggal di laut dalam lama sangat macam bot-bot Thailand dan Vietnam.

Jadi oleh yang demikian, sebab itulah kita cuba hendak mengadakan kursus-kursus dan strategi seperti saya katakan tadi supaya mereka ini betul-betul menjadi nelayan yang profesional supaya sumber-sumber ikan yang banyak ini dapat diterokai dan dengan apa Yang Berhormat tadi katakan memang kalau yang ditepi itu kita sekarang ini sudah turunkan unjam-unjam yang berbentuk bebola. Jadi bagi pukat-pukat tunda, yang mana pukat tunda inilah menyeksakan ikan-ikan kecil ini termasuk sekali. Jadi....

Tuan Yang di-Pertua: Perkara-perkara yang utama Yang Berhormat boleh tambah apabila menggulung atau Ucapan Belanjawan Tambahan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saravanan.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyoal balik, pagi tadi sebelum saya masuk ke kawasan Parlimen, saya telah menghadapi sebuah kemalangan di mana

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Soalan saya soalan kedua. Terima kasih.

[Ketawa]

2. Tuan Saravanan a/l Murugan minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan jumlah kes Ceti Haram "Along" yang dapat ditangkap dalam masa 2 tahun yang lalu dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh dua tahun yang lalu daripada tahun 2002 sehingga 2003 sejumlah 45 orang telah ditangkap kerana disyaki menjalankan kegiatan ceti haram atau "Along". 14 orang telah ditangkap bagi tahun 2002, dan sejumlah 31 orang bagi tahun 2003. Daripada jumlah tersebut, seramai 12 orang telah dikenakan perintah sekatan di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 kerana terlibat dalam kegiatan ceti haram. Kegiatan ceti haram ini juga boleh diambil tindakan di bawah undang-undang seperti Akta Pemberian Pinjaman Wang (Pindaan) 2003 dan sekiranya terdapat unsur-unsur jenayah dalam kegiatan ceti haram tersebut, maka Kanun Keseksaan atau *Penal Code* boleh digunakan ke atas mereka. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini mengkaji kenapa pihak-pihak masih memerlukan perkhidmatan daripada "Along", adakah ini kerana kerajaan tidak menyediakan kemudahan alternatif bagi mereka dalam kesusahan? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, bukan senang untuk memastikan kenapa mereka meminjam kerana kadang-kadang dalam masa kecemasan dan mereka memerlukan wang mungkin perlu meminjam wang kerana mungkin mereka tidak ada cara-cara lain di mana bank-bank boleh dikatakan dari segi pinjaman mungkin lebih payah untuk memperolehi pinjaman. Sekian, terima kasih.

4. Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa peratuskah rakyat Malaysia yang mempunyai rumah sendiri dan berapa yang masih diklasifikasikan dalam golongan setinggan. Apakah cadangan dan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan negara kita bebas dari setinggan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

[Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut banci penduduk dan perumahan tahun 2000, terdapat jumlah isi rumah persendirian iaitu *total private household*, 4,777,576 dan daripadanya 3,216,599 iaitu 67.32% ada memiliki rumah persendirian dan 1,110,395 iaitu 25.33% tidak mempunyai rumah persendirian. Keadaan yang 7% yang lagi itu tidak boleh ditetapkan. Sehingga bulan Julai 2003 jumlah setinggan di Malaysia mengikut bilangan penduduk adalah seramai 506,519 orang manakala bangunan setinggan adalah 104,083 unit.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama kerajaan negeri dan pelbagai agensi jabatan yang terlibat sedang dalam proses menempatkan semula setinggan ke rumah-rumah awam yang dibina oleh kerajaan dan swasta di seluruh Negara. Malah kerajaan telah menetapkan tahun 2005 untuk mencapai setinggan sifar. Sehubungan dengan ini pelbagai usaha telah dan sedang diambil untuk menyelesaikan masalah setinggan di negara ini, antara usaha yang dilakukan ialah menyediakan perumahan kos rendah dan sederhana melalui projek-projek kerajaan dan pihak swasta, kerajaan melalui program perumahan rakyat di bawah Jabatan Perumahan Negara telah dan sedang menyediakan kemudahan perumahan bagi menempatkan semula setinggan seperti berikut, melalui projek PPR bersepadu,

52 projek yang akan menyediakan 54,679 unit rumah. Melalui PPR sewa dan PPR dimiliki dan sejumlahnya 66,681 unit rumah akan disediakan dan di dalam rancangan pula ialah untuk membina 50,000 unit perumahan yang lain. Kalau kelulusan diberi daripada Kementerian Kewangan dengan jumlah unit-unit rumah ini kita boleh menyelesaikan masalah setinggan, terima kasih.

Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya...

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Tuan Wilson Sagamani dahulu.

Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam: Soalan tambahan saya adalah berapakah pemohon rumah kos rendah yang telah dipohon dari golongan setinggan dalam golongan ini terdapat dua kategori iaitu warganegara dan penduduk tetap. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi memastikan semua warganegara golongan setinggan memiliki rumah kos rendah?

Dr. S. Subramaniam: Saya ingat saya telah jawab soalan ini tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Memang benar.

Dr. S. Subramaniam: So, tidak payah jawab lagi! Hasrat kerajaan dan dasar kerajaan ialah untuk memastikan, memberi rumah kepada setiap setinggan dan keutamaan diberi kepada warganegara. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya ialah, sejauh manakah tahap keyakinan kerajaan untuk mencapai sasaran sifar dari segi setinggan, kerana hanya tinggal lima bulan lagi. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, di dalam tahun ini, kerajaan akan menyediakan 66,681 unit rumah, seperti yang saya telah beritahu tadi, jumlah penduduk setinggan iaitu kediaman setinggan ialah 600,000 dan yang tinggal adalah lebih kurang 40,000 dan di dalam rancangan ada untuk membina lagi 50,000. Jadi dengan itu kita boleh mencapai dasar itu. Terima kasih.

5. Tuan Tan Cheng Tee minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi masalah sosial di kalangan remaja di negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah di kalangan remaja dengan menerapkan nilai-nilai murni kepada remaja melalui program dan aktiviti yang dijalankan.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk membendung gejala sosial khususnya di kalangan remaja merupakan tanggungjawab bersama semua pihak termasuk ibu bapa dan ahli-ahli masyarakat dan bukannya terletak di bahu kerajaan atau sesuatu kementerian semata-mata. Ia memerlukan suatu tindakan yang kolektif, bersepadu dan menyeluruh semua pihak.

Secara amnya kerajaan telah mengambil pelbagai langkah melalui tiga pendekatan iaitu pencegahan intervensi dan pemulihan bagi menangani masalah sosial di kalangan remaja.

Bagi pendekatan pencegahan, usaha yang dilakukan adalah di peringkat awal bagi mencegah seseorang itu daripada terjebak dalam masalah sosial. Bagi pendekatan intervensi pula, ia merupakan tindakan yang diambil semasa seseorang itu sudah pun terlibat dengan masalah sosial.

Di peringkat ini kaunseling dan mediasi merupakan dua kaedah utama yang diambil bagi meringankan beban dan masalah yang dihadapi oleh individu atau kumpulan yang terlibat.

Manakala pendekatan pemulihan merupakan langkah yang diambil untuk memulihkan seseorang yang telah terjebak dalam masalah sosial dengan hasrat individu tersebut dapat dipulihkan dan seterusnya dapat diintegrasikan semula dalam masyarakat.

Kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia turut juga menyediakan perkhidmatan pemulihan di institusi-institusi pemulihan seperti Sekolah Tunas Bakti, Taman Seri Puteri dan Asrama Akhlak bagi juvana yang terjebak dalam masalah sosial atau jenayah ringan.

Institusi-institusi pemulihan tersebut telah menyediakan program-program pemulihan seperti kaunseling, pendidikan, agama, moral, penerapan nilai-nilai murni, pendidikan akademik, latihan vokasional dan rekreasi. Sekian, terima kasih.

Tuan Tan Cheng Tee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memandangkan kes-kes pembunuhan remaja kian bertambah, haruskah tidak hukuman yang lebih berat dikaji terhadap penjenayah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh memohon notis atau boleh enggan menjawab.

Puan Chew Mei Fun: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab asasnya soalan tambahan ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Puan Chew Mei Fun: Ya, ya, dan inilah jawapan saya yang ingin saya kemukakan juga. *[Ketawa]*

6. Tuan Ismail bin Kasim minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil terhadap hospital-hospital kerajaan dan swasta yang melambatkan proses pembedahan atau perubatan pesakit-pesakit kronik akibat daripada karenah birokrasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, proses pembedahan dan perubatan pesakit-pesakit kronik di hospital kerajaan atau swasta adalah mengikut prosedur dan piawaian atau *standard* yang diterima pakai di seluruh dunia.

Memandangkan jumlah kes-kes pembedahan di hospital kerajaan lebih banyak, maka masa menunggu lebih panjang jika dibandingkan dengan hospital swasta.

Pesakit yang dirawat di hospital-hospital kerajaan dan swasta, dirawat mengikut keutamaan. Rawatan segera diberikan kepada kes-kes kecemasan. Untuk kes-kes yang lain, yang memerlukan pembedahan, pembedahan dijadualkan secara elektif. Sekian.

Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, apakah punca yang besar kerana kita tahu bahawa banyak dalam akhbar mengatakan birokrasi yang begitu tinggi di hospital-hospital, adakah puncanya daripada kekurangan doktor, pengurusan dan juga hospital? Kalau sekiranya punca ini, apakah peranan kementerian untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Di soalan asal tersirat dakwaan sebab ada perkataan 'melambatkan proses', Yang Berhormat belum menafikan perkara tersebut.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, kelambatan pembedahan kadang-kadang adalah disebabkan oleh beberapa faktor, di antara faktor yang kita hadapi adalah kekurangan pakar bius, yang ada di negara ini, kalau kita melihat statistik yang kita ada, di United Kingdom kita ada satu pakar bius kepada satu pakar bedah. Satu pakar bius kepada 2.5 pakar bedah, tetapi di Malaysia ini kita hanya ada satu pakar bius kepada 4.8 pakar bedah. Ini bermakna kita kekurangan pakar bius dan apabila kita perlu mengadakan pembedahan, kita mesti ada pakar bius, supaya kita boleh membuat pembedahan itu.

Dan tindakan telah diambil untuk menambahkan pakar-pakar bius ini supaya kita dapat singkatkan lagi masa pembedahan ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Zainal bin Rampak.

[Soalan No. 7 – Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak tidak hadir]

8. Dato' Hamzah bin Zainuddin minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang dilakukan oleh kementerian bagi memastikan bilangan guru lelaki yang menyertai profesion perguruan dinaikkan dalam usaha membendung gejala sosial yang makin serius di sekolah-sekolah sekarang.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi dan *good morning to you*. Nampak

Tuan Yang di-Pertua: Dengan izin. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dengan izin, sebab Tuan Yang di-Pertua nampak serius sangat pagi ini.

Kementerian Pelajaran sedia maklum ketidakseimbangan *gender* dalam profesion perguruan khususnya di kawasan bandar. Untuk mengurangkan jurang tersebut Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa tindakan seperti:-

- (i) memastikan dalam setiap pengambilan pelatih untuk mengikuti kursus perguruan yang dikendalikan oleh Bahagian Pendidikan Guru mempunyai nisbah yang agak seimbang antara lelaki dan perempuan. Ini telah dilakukan oleh Bahagian Pendidikan Guru dalam proses pengambilan peserta untuk kursus persediaan guru dalam proses pengambilan peserta untuk Kursus

Persediaan Program Sarjana Muda (Pendidikan) Sekolah Rendah yang baru bermula pada 19 Julai 2004.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna ada langkah menambahkan guru lelaki.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, itu memang serius, kita sedang mengambil langkah.

Nisbah mengikut jantina ialah 43:57 iaitu setelah rombakan dibuat beberapa kali untuk memenuhi keperluan keseimbangan gender;

- (ii) mulai tahun ini, kita akan membuat penerangan kepada penuntut-penuntut SPM khususnya yang ingin menyertai kerjaya perguruan serta program-program perguruan yang sesuai untuk lepasan SPM. Begitu juga dengan program kembar perkhidmatan TESL, dengan izin, dan program penghantaran pelajar cemerlang ke universiti terkemuka luar negara;
- (iii) kenaikan kadar elaun untuk peserta program KPLI bagi mereka yang mempunyai ijazah, elaun dia mula sahaja ialah kalau tidak silap saya lebih kurang 1,200 waktu dalam latihan;
- (iv) *cut off point* juga, kita akan cuba sedaya upaya untuk menggalakkan pihak calon lelaki menyertai dalam temu duga, ini bukan menidakkan hak ataupun calon perempuan; dan
- (v) untuk menyatakan kerana terlalu ramai guru perempuan daripada lelaki sebagai pemboleh ubah, dan faktor yang dianggap penyebab gejala sosial mungkin tidak tepat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat menjawab soalan saya tadi. Soalan tambahan saya, di atas jawapan yang begitu baik sekali tadi, saya hendak tanya, apakah kerajaan ada pula rancangan untuk bukan menambahkan guru lelaki, tetapi untuk menambahkan jawatan pegawai disiplin dalam sekolah-sekolah, kalau tidak boleh menambahkan guru-guru lelaki.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat kerana puji saya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, sekarang ini kita mempunyai guru lelaki sekolah rendah sahaja 59,558 berbanding dengan cikgu perempuan 120,064. Bagi sekolah menengah guru lelaki terdapat seramai 46,557 manakala guru perempuan 83,815. Jadi, inilah yang kita hendak tambah.

Soalan yang kedua daripada Yang Berhormat mengenai dengan masalah disiplin tadi, Yang Berhormat mesti tahu, kalau saya cerita ini, ini bukan saya hendak masukkan dalam satu perbahasan yang hangat, kalau kita lihat kebanyakan masalah disiplin ialah di mana terdapat pengetua-pengetua terdiri daripada lelaki atau perempuan, yang ini kita belum lagi dapat pastikan.

Walau bagaimanapun, langkah yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna anggapan lelaki itu boleh lebih tegakkan disiplin tidak betullah?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak betul, tidak betul. Kerana ia boleh berlaku keadaan ini Tuan Yang di-Pertua, bukan kerana perempuan, bukan kerana lelaki, masalah ini daripada

Dato' Hamzah bin Zainudin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak dibenarkan soalan tambahan di atas tambahan. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bagi saya pemboleh ubah ini masalah disiplin, pemboleh ubah atau *variable*, dengan izin, ialah disebabkan oleh perkara-perkara yang lain, seperti baru-baru ini

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: dapatan oleh Profesor Madya Dr. Zsmani seorang pakar psikiatri HUKM telah menyatakan besar kemungkinan persoalan psiko sosial iaitu di mana anak-anak muda

Tuan Yang di-Pertua: Dia hendak jadi panjang itu, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Boleh ya, sedikit sahaja! Tadi saya puji Tuan Yang di-Pertua, hendak beri masa sedikit. *[Ketawa]* Sebab ini masalah sosial, di mana psiko sosial tadi ialah anak-anak muda ini ditekan oleh masalah *stress* tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab saya kasihan kepada Timbalan Menteri yang hadir, bolehkah mana-mana Ahli bangun untuk bertanya soalan nombor 7 bagi pihak Tuan Zainal bin Rampak. Ya, Dato' Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Tuan Zainal bin Rampak, saya ingin soalan nombor 7 dijawab. Terima kasih.

7. Dato' Hamzah bin Zainudin [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah kemasukan pelaburan syarikat-syarikat asing ke negara ini melalui FDI dan jumlah pekerjaan baru yang diwujudkan hasil dari pelaburan tersebut sehingga Jun 2004; dan
- (b) berapakah jumlah syarikat asing dan juga tempatan yang telah memindahkan operasi mereka ke negara lain (*relocation*) dan jumlah kehilangan pekerjaan rakyat negara ini akibat perpindahan tersebut sehingga Jun 2004.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari hingga Mei 2004 sebanyak 447 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM5.8 bilion. Dari jumlah ini, sebanyak 244 projek bernilai RM2.5 bilion adalah pelaburan asing.

Projek pelaburan asing tersebut akan mewujudkan sebanyak 17,675 peluang pekerjaan baru. Dalam tempoh tersebut juga, sebuah syarikat milik rakyat asing dan sebuah syarikat milik rakyat tempatan telah menutup dan memindahkan operasi perkilangan mereka ke luar negara. Penutupan operasi perkilangan berkenaan telah mengakibatkan 210 pekerja hilang pekerjaan. Sekian, terima kasih.

9. Puan Mariah binti Haji Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah kerajaan menangani kewujudan para penduduk negara ini yang mempunyai dua kerakyatan kerana kewujudan mereka boleh mengancam keselamatan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah yang diambil oleh pihak kerajaan terhadap mereka yang mempunyai dua taraf kewarganegaraan ialah dengan melucutkan taraf kewarganegaraan Malaysia mereka. Dengan perlucutan taraf kewarganegaraan itu, maka mereka bukan lagi warganegara ini dan segala hak dan kemudahan sebagai warganegara ini juga akan terhenti. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapa ramai yang terlibat dalam mempunyai dua kerakyatan ini dan dari negara manakah mereka itu? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, jumlah warga negara Malaysia yang dilucutkan taraf kewarganegaraannya sehingga kini kerana memiliki taraf warganegara asing ialah 5,310. Jumlah warganegara Malaysia yang dilucutkan taraf kewarganegaraannya kerana memiliki pasport negara asing ialah 1,930 orang. Saya tidak mempunyai maklumat mengenai dari mana negara asal mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Wan Nordin bin Che Murat.

[Y.B. Tuan Wan Nordin bin Che Murat tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah sesiapa Ahli bangun bertanya bagi pihak beliau?

Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya mewakili untuk mengemukakan soalan No. 10.

10. **Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid [di bawah S.O. 23 (2)]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengapakah kerajaan tidak mengutamakan spesifikasi keselamatan terhadap kereta-kereta nasional seperti mana ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada kereta-kereta nasional yang dieksport.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Adalah tidak benar bahawa kerajaan tidak mengutamakan spesifikasi keselamatan kereta nasional untuk pasaran tempatan dibandingkan dengan untuk pasaran eksport. Spesifikasi keselamatan terhadap kereta-kereta nasional adalah satu ciri yang amat dititikberatkan oleh kerajaan tidak kira untuk pasaran eksport ataupun pasaran tempatan. Untuk memasuki pasaran antarabangsa, pengeluar kereta nasional perlu mematuhi standard mandatori antarabangsa yang ketat untuk bersaing dan aspek utama yang diambil kira oleh pengguna dan tahap keselamatan sebuah kenderaan, selain kemampuan membeli dengan harga yang kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, sistem ujian tahap keselamatan yang dijalankan pada masa ini oleh JPJ adalah selaras dengan peraturan-peraturan Economic Commission for Europe (ECE), dengan izin, yang meliputi sistem kelulusan penjenisan, sistem

pendaftaran kenderaan, sistem pemeriksaan kenderaan dan kategori kenderaan. Antara peraturan keselamatan yang diguna pakai di dalam negara dan diwajibkan mematuhi di dalam peraturan ECE ialah ECR16 mengenai keperluan tahap keselamatan tali keledar dan ECR22 mengenai keperluan tahap keselamatan topi keledar motosikal, ini untuk motosikal. Di samping itu, ciri-ciri keselamatan lain yang dipasang pada kenderaan termasuklah *anti-brake system*, *disc-brake*, *air-bag* dan lampu *brake*. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apa pandangan Yang Berhormat tentang di antara nyawa dan peningkatan kos yang mana yang lebih penting kepada pembeli?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Dari segi hak asasi manusia tentulah nyawa yang penting. Seperti mana saya nyatakan ciri-ciri ini memang telah pun diguna pakai dalam pengeluaran kereta kita. Di samping itu, untuk mempertingkatkan kedudukan kita, sebelum ini apabila kita mengeksport kereta ke negara lain, kita menggunakan piawaian mengikut kehendak negara tersebut – UK dengan piawaian dia, Saudi Arabia dengan piawaian Saudi Arabia. Sekarang ini kerajaan di dalam proses untuk kita menjadi penandatanganan, dengan izin, *signatory* kepada ECE yang saya kata Economic Commission for Europe tadi. Sekiranya ini telah dijalankan maka kereta kita tidak lagi perlu mengikut keperluan negara masing-masing kerana ECE telah pun menepati keperluan yang banyak.

Mengenai dengan kos tadi, Tuan Yang di-Pertua, ia lebih berpusat kepada keperluan pasaran. Dalam dunia yang begitu kompetitif kita perlu turunkan kos. Sebelum ini Proton mengeluarkan kos bagi kereta 1.6 dengan harga lebih kurang RM42,000. Sekarang ini melalui Gen.2 telah pun kurang lebih kurang 30% daripada harga tersebut untuk menaikkan daya saing kereta Proton di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah mengambil risiko mendedahkan diri saya buat *precedent* untuk menyatakan Ahli-ahli harus mengambil berat bila membuat pertanyaan supaya pihak yang hadir untuk menjawab tidak kecewa.

11. **Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) dari tahun 1999 sehingga bulan Mei 2004 berapakah jumlah anggaran ceti haram (Along) atau pemberi pinjaman wang tanpa lesen yang dikesan beroperasi mengikut negeri di seluruh negara serta nilai wang yang terlibat; dan
- (b) anggaran jumlah mereka yang menjadi pelanggan mengikut kategori Perkhidmatan Awam (termasuk polis dan tentera) dan peniaga kecil dan orang perseorangan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Akta Pemberi Pinjam Wang (Pindaan) berkuat kuasa mulai 1 November 2003. Dari November 2003 hingga Jun 2004 kementerian telah menerima sebanyak 41 aduan yang melibatkan pinjaman sejumlah RM1.27 juta. Pihak kementerian juga telah mengesan sebanyak 140 pemberi pinjam wang tidak berlesen beroperasi di seluruh Semenanjung Malaysia dari bulan November 2003 sehingga Jun 2004. Pihak kementerian tidak mempunyai rekod mengenai aktiviti pemberi pinjam wang terbabit bagi tahun 1999 sehingga Oktober 2003.

Setakat ini kementerian tidak mempunyai maklumat mengenai jumlah pelanggan yang pernah berurusan dengan pemberi pinjam wang. Walau bagaimanapun, selepas pindaan 2003 semua pemberi pinjam wang berlesen adalah diwajibkan mengemukakan maklumat-maklumat transaksi berkaitan peminjam wang kepada Pendaftar Pemberi Pinjam Wang tidak lewat dari 1 Februari setiap tahun mulai daripada tahun 2005. Walaupun demikian, berasaskan maklumat yang telah saya dapati daripada Persatuan Pemberi Peminjam Wang, peratus peminjam mengikut daftar mereka ialah pekerja kerajaan am – 19.5%; angkatan tentera – 19.4%; polis – 14%, peniaga kecil – 19%, pihak profesional – 3%; dan individu-individu yang lain – 25%. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah sebagai maklumat tambahan kepada jawapan kepada Soalan No. 2.

12. **Puan Jaya Partiban** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kementerian akan mengambil langkah yang perlu untuk menggalakkan para pemaju memberi diskaun kepada mereka yang berpendapatan rendah tanpa mengira kaum.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengkaji serta menilai semula harga jualan rumah kos rendah (RKR) dan telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 10 Jun 1998, seterusnya pada 27 Februari 2002 sekali lagi Jemaah Menteri telah dimaklumkan mengenai harga RKR yang mana penentuan harga dibuat berasaskan kepada harga tanah dan lokasi pembinaan. Harga yang dipersetujui ialah dari RM25,000 hingga RM35,000 bagi RKR yang dibina oleh kerajaan dan maksimum sehingga RM42,000 bagi RKR yang dibina oleh swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna diskaun untuk rumah murah tak kira kaum?

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Ya, okay, akan datang ya. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, penetapan harga dan pemberian diskaun adalah tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa negeri dengan mengambil kira perkara-perkara tertentu seperti diskaun kepada orang kurang upaya dan ibu tunggal. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna ada budi bicara kerajaan negeri.

13. **Datin Naomi Chong Set Mui** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan jumlah kes tertangguh dan kekosongan di Jabatan Kehakiman yang belum diisi terutamanya di Sabah dan Sarawak adakah kekosongan ini akan diisi secepat mungkin.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, setakat 30 Jun 2004 jumlah kes yang masih dalam daftar mahkamah adalah sebanyak 240,963 kes sivil dan 25,963 kes jenayah bagi seluruh Malaysia. Bagi Sabah dan Sarawak jumlah kes yang masih dalam daftar mahkamah adalah 12,903 kes sivil dan 7,658 kes jenayah.

Kekosongan jawatan yang wujud bagi mahkamah seluruh Malaysia adalah bagi Hakim Mahkamah Persekutuan – 2; Hakim Mahkamah Rayuan – 2; Hakim Mahkamah Tinggi – 6; Hakim Mahkamah Sesyen – 6; Majistret – 15.

Bagi Sabah dan Sarawak kekosongan tersebut adalah Mahkamah Tinggi – 3; Mahkamah Sesyen – 1; Mahkamah Majistret – 11; dan kekosongan jawatan ini akan diisi berperingkat-peringkat mengikut keperluan sesuatu tempat. Terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah keberkesanannya sistem E-Kehakiman yang diperkenalkan bagi mempercepatkan proses perbicaraan?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Soalan ini spesifik, Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis untuk menjawabnya nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin. Jangan tanya soalan tambahan, Yang Berhormat perlukan notis pula.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan di Sabah dan Sarawak mereka ada Bar sendiri yang mana menghadkan penyertaan peguam-peguam dari Malaysia Barat untuk masuk ke sana, adakah mencukupi orang-orang yang sesuai di Sabah dan Sarawak untuk dipilih mengisikan kekosongan-kekosongan tersebut. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Memang sesuai untuk dipilih daripada kalangan Sabah dan Sarawak. Tetapi masalah yang menyebabkan kes ini tidak dapat diisi ialah kadang-kadang kerana permintaan begitu tinggi kepada peguam tertentu sahaja menyebabkan *demand*, dengan izin, kepada peguam tersebut menjadi tinggi dan ramai yang tidak minta kepada peguam-peguam yang lain.

14. **Puan Ooi Siew Kim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah terdapat perbezaan tambang yang begitu ketara antara MAS dan AirAsia terutama harga tambang bagi penerbangan domestik. Apakah cadangan kementerian bagi mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, perbezaan di antara tambang yang ditawarkan oleh Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia adalah berpunca dari perkhidmatan berbeza yang diadakan oleh kedua-dua syarikat penerbangan tersebut. MAS menawarkan perkhidmatan berbentuk, dengan izin, *full service*, berbanding dengan AirAsia yang lebih menumpu kepada operasi berbentuk *low cost no-frills*, dengan izin.

Perbezaan di dalam ciri-ciri perkhidmatan ini menjadikan kos operasi AirAsia lebih rendah berbanding dengan MAS. Misalnya perkhidmatan MAS menawarkan

sajian dalam penerbangan, menawarkan penempatan tempat duduk semasa membuat tempahan. Sementara itu, AirAsia dapat mengurangkan kos operasinya dengan menggunakan pesawat yang sama jenis; memastikan jangka masa pusingan ataupun *turn around time*, dengan izin, di lapangan terbang tidak melebihi 25 minit; menggunakan kakitangan sendiri untuk perkhidmatan *ground handling* dan tidak menghidangkan makanan dan minuman kepada para penumpang. Memandangkan kepada itu, AirAsia dapat menawarkan tambang yang lebih murah kepada penumpang.

Namun demikian, MAS menawarkan pelbagai tambang diskaun dan tambang istimewa kepada golongan penumpang tertentu. Antara tambang-tambang yang diperkenalkan oleh MAS adalah termasuk tambang pelajar, tambang keluarga, tambang warga emas, tambang perjalanan malam, tambang istimewa sahaja, tambang istimewa *round trip*, dengan izin, dan tambang penumpang kurang upaya. Di samping itu, juga MAS menawarkan tambang-tambang '*super saver*' yang telah menerima sambutan baik kepada para penumpang.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Yang Berhormat tidak tekankan *point* tak perlu disamakan tambang perkhidmatan yang berbeza-beza.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kedua-dua perkhidmatan ini adalah berbeza...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah tentu harga cincin emas dan cincin perak berbeza.

Datuk Douglas Uggah Embas: Harga berbeza.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini MAS mengadakan pakatan atau *code sharing* dengan penerbangan-penerbangan lain, umpama antara MAS dengan Garuda. Mengapakah di dalam penerbangan yang sama memberikan perkhidmatan yang sama, harganya berbeza? Umpamanya MAS lebih mahal dan syarat lebih ketat daripada Garuda yang menggunakan penerbangan pesawat MAS. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini lain sedikit, saya serahkan kepada Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Ini tambang di antara sesuatu syarikat penerbangan kadang-kadang memang ada yang mahal, ada

yang murah. Ini mengikut strategi pemasaran yang dibuat oleh sesuatu syarikat penerbangan tersebut.

Kalau di sesuatu tempat ada tambang lebih mahal, ini adalah sebab juga kalau kita kaji dari segi kadar-kadar tambang di beberapa sektor misalnya kalau kita beli di Singapura ke London menggunakan MAS kerana kita bersaing dengan lebih hebat di sana, had tambang kita mungkin rendah dari Singapore Airlines.

Inilah satu strategi pemasaran yang dibuat oleh Penerbangan MAS kerana pasaran adalah begitu kompetitif dan kita menggunakan berbagai-bagai strategi untuk menentukan bahawa *market share* kita terus dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

15. Tuan Hassan bin Shukri minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah pelajar ponteng yang ditangkap setelah polis diberi kebenaran untuk berbuat demikian; dan
- (b) jumlah pelajar yang dikenal pasti menjadikan kafe siber sebagai 'port' ketika ponteng sekolah.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan' Yang di-Pertua, jumlah pelajar ponteng sekolah seluruh negara bagi tahun 2002 seramai 48,407 orang dan tahun 2004 hingga Jun ini, terdapat 37,050. Kes-kes tersebut diperolehi hasil daripada aduan daripada masyarakat setempat, agensi-agensi kerajaan termasuk pihak polis dan juga orang perseorangan selain daripada rekod kedatangan pelajar.

Oleh yang demikian, tiada perangkaan yang spesifik pelajar yang ponteng yang ditangkap polis. Kes ponteng sekolah bukan sahaja berlaku di *cyber café* tetapi juga di kompleks-kompleks membeli-belah, ponteng kerana bekerja dan juga sengaja tidak hadir ke kelas atau ke sekolah walaupun pelajar tersebut meninggalkan rumah dengan berpakaian seragam sekolah.

Sehubungan itu adalah sukar memastikan jumlah semua pelajar yang ponteng sekolah kerana berkunjung ke *cyber café*. Kementerian amat mengalu-alukan sokongan daripada semua pihak terutama pihak polis dalam membendung gejala-gejala seperti ini demi masa depan pelajar-pelajar tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, soal perkataan 'tangkap' oleh polis itu, polis memang tidak ada kuasa untuk menangkap orang ponteng. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang wajar yang telah difikirkan oleh pihak kementerian bagi menghalang ataupun mengurangkan kedua-dua kejadian itu? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang tepat sekali soalan itu. Buat masa ini, langkah yang kami ambil terutama sekali arahan pertama yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru-baru ini ialah kami telah menubuhkan empat buah jawatankuasa yang mana Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri menjadi Pengerusinya dan saya menjadi Timbalan dia.

Kami telah mengambil langkah untuk mewujudkan empat jawatankuasa ini bagi memantau keadaan dan apakah langkah-langkah yang semestinya kami ambil. Walau bagaimanapun, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat, kes-kes yang berlaku ini memanglah kecil. Walaupun sekecil semut sekali pun, kami akan terus membanterasnya. Terima kasih.

16. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan adakah kementerian berhasrat untuk membeli ataupun menyewa ruang-ruang kedai yang "prime" di gedung-gedung ataupun pusat membeli belah yang terkenal bagi tujuan untuk disewakan semula kepada pengusaha-pengusaha bumiputera di dalam usaha melahirkan peniaga-peniaga bumiputera yang mampu bersaing ataupun bertanding dengan bangsa lain terutama di dalam sektor peruncitan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, soalan dan jawapan yang hampir sama telah diberikan pada 26 Julai yang lalu. Bagi menjawab soalan ini, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah melaksanakan program membeli lot-lot perniagaan di kompleks membeli-belah untuk disewakan kepada usahawan bumiputera sejak tahun 1999.

Di bawah program ini, kementerian telah membeli sebanyak 134 lot perniagaan dengan kos sebanyak RM90,109,624 iaitu ruang niaga di kompleks membeli-belah di bandar-bandar utama di Johor Bahru, Ipoh, Kuantan, Petaling Jaya, Pulau Pinang, Melaka, Seremban, Kota Kinabalu, Tawau, Sibul, Miri dan Kuching. Lot-lot yang dibeli

oleh kementerian ini disewakan kepada usahawan bumiputera dengan kadar sewa yang lebih rendah berbanding dengan kadar sewa pasaran.

Penyediaan ruang-ruang niaga ini dengan kadar sewa yang lebih rendah telah membolehkan usahawan-usahawan bumiputera berniaga di kompleks-kompleks membeli belah yang besar dan bersaing dengan usahawan bukan bumiputera. Di samping itu, kementerian juga mempunyai program penyewaan ruang niaga di kompleks membeli-belah untuk mempromosi dan memasarkan produk kraf tangan.

Setakat ini, dua lot telah disewa dan telah beroperasi iaitu di Suria KLCC dan di Maju Junction di Kuala Lumpur. Perniagaan di Suria KLCC diuruskan oleh FELCRA Bhd. manakala Karyaneka Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia menguruskan lot perniagaan di Maju Junction. Kementerian akan mendapatkan peruntukan yang lebih besar dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membeli lebih banyak lot perniagaan di kompleks membeli-belah untuk disewakan kepada usahawan bumiputera.

Bagaimanapun, kementerian akan memastikan setiap lot yang dibeli adalah strategik untuk membolehkan perniagaan yang dijalankan berdaya maju. Sebagai maklumat tambahan, di bawah garis panduan pembelian, ruang niaga di kompleks membeli-belah yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi hanya lot-lot yang strategik sahaja boleh dibeli.

Bagaimanapun, kebanyakan pemilik kompleks membeli-belah tidak menjual lot-lot strategik tetapi menyewakannya. Ini menyebabkan kementerian tidak dapat membeli lot-lot seperti di KLCC, Mid Valley dan One Utama kerana pemilik berkenaan tidak mahu menjual lot-lot tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sudah lengkap jawapan.

17. Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan bagi mengatasi kelemahan peratusan pendidikan keseluruhannya pada negara adakah kementerian mempunyai cadangan untuk mengklasifikasikan sekolah-sekolah Orang Asli kepada jenis Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) sesuai dengan SJK (C) dan SJK (T) sekarang.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelajaran tidak bercadang mengklasifikasikan sekolah-sekolah kebangsaan yang terletak di penempatan Orang Asli kepada Sekolah Jenis

Kebangsaan seperti Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) sebagai salah satu cara mengatasi kelemahan peratusan pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang berusaha untuk memperkasakan sekolah-sekolah kebangsaan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan meliputi akademik dan bukan akademik. Usaha-usaha memperkasakan sekolah kebangsaan ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan prestasi dan pencapaian sekolah-sekolah yang menempatkan anak-anak Orang Asli.

Di samping itu, usaha-usaha lain memang telah dan akan terus dijalankan di sekolah-sekolah tersebut terutama sekali dari segi memotivasikan anak-anak Orang Asli agar mereka lebih berminat dengan pelajaran dan seterusnya berusaha mencapai kecemerlangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tunggu Tuan Osman Bungsu bangun tadi.

18. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta Menteri Tanah, Air dan Komunikasi menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian dalam usaha menyekat capaian laman web lucah oleh rakyat Malaysia terutama di kalangan pengguna perkhidmatan "café cyber" memandangkan tempat ini sangat terdedah kepada umum dan sentiasa digunakan oleh golongan remaja.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai satu dasar, kerajaan tidak membuat apa-apa tapisan ke atas bahan-bahan dalam internet.

Walau bagaimanapun, pengguna-pengguna internet tidak boleh menyebarkan kandungan yang berunsur fitnah atau berita palsu dan jelik. Dari segi perundangan, peruntukan di bawah Seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, membolehkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mengambil tindakan jika didapati seseorang menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian untuk menyiarkan kandungan berbentuk lucah atau membuat apa-apa komen atau cadangan yang palsu dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiaya, mengugut atau mengganggu orang lain.

Jika didapati bersalah, denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan.

Selanjutnya denda RM1,000 boleh dikenakan bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

Secara jangka panjang, usaha-usaha melalui pendidikan masyarakat akan dimajukan untuk memberi kesedaran kepada pengguna khususnya generasi muda supaya bijak memilih dan menggunakan maklumat serta perkhidmatan yang diberi melalui internet. Mengenai penyalahgunaan *café cyber*, tindakan sedang diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memastikan syarat-syarat lesen premis yang dikeluarkan olehnya dipatuhi oleh *café cyber* berkenaan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan garis panduan untuk mengawal dari aspek premis perniagaan, *café cyber* seperti menghadkan masa operasi dan larangan aktiviti hiburan. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya kerajaan terlalu tegas dalam mengambil tindakan ini, adakah ini akan bercanggah dengan falsafah kerajaan supaya kita lebih telus, lebih terbuka dan lebih membenarkan maklumat-maklumat daripada laman web itu senang didapati oleh semua golongan rakyat. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, berhubung dengan perkara ini, pihak kerajaan cuba menyeimbangkan dari segi kemudahan penggunaan internet. Oleh itu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini telah mengamalkan *self-regulatory*, dengan izin, di kalangan pengguna dia ada *content code* dan *consumer code forum*. Ini boleh memastikan di kalangan syarikat-syarikat yang memberi perkhidmatan ASP (*Application Service Provider*) ini supaya mereka sendiri menilai aspek-aspek bagaimanakah yang boleh dibenarkan supaya tidak menjejaskan keharmonian negara dan dalam masa yang sama tidak juga menjejaskan pembangunan industri ini di dalam negara ini.

19. Tuan Lee Sing Chooi minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan berapakah peningkatan bilangan penagih dadah sejak lima tahun yang lepas dan apakah tindakan-tindakan yang diambil. Adakah rancangan menubuhkan satu badan yang berkuasa untuk merancang, bertindak dan menyelaraskan usaha-usaha oleh semua pihak dan semua kementerian supaya dapat melipatgandakan keefektifan pambanterasannya penyalahgunaan dadah.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Chia Kwang Chye]:

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan bilangan penagih dadah baru atau pertama kali dikesan dalam tempoh lima tahun yang lepas iaitu sejak tahun 1999 hingga 2003 ialah seramai 85,870 orang. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Penagih
1999	17,915
2000	14,850
2001	15,831
2002	17,080
2003	20,194

Jumlahnya ialah 85,870 yang saya katakan tadi. Pada tahun ini, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Bagi Membanteras Gejala Dadah yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai badan tertinggi dalam jentera memerangi dadah negara. Di bawah Jawatankuasa Kabinet Bagi Membanteras Gejala Dadah ditubuhkan pula badan-badan seperti berikut:-

- (i) Majlis Tindakan Membanteras Dadah Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri;
- (ii) Majlis Tindakan Membanteras Dadah Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri;
- (iii) Majlis Tindakan Membanteras Dadah Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah;
- (iv) Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-undang yang dipengerusikan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan hal ehwal undang-undang;
- (v) Jawatankuasa Bertindak Rawatan dan Pemulihan Dadah yang dipengerusikan Yang Berhormat Menteri Kesihatan; dan
- (vi) Jawatankuasa Bertindak Pencegahan, Pendidikan dan Publisiti yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Dengan penubuhan jentera penyelarasan pelaksanaan membanteras dadah yang disebutkan di atas, kerajaan menggembleng agensi kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan dan masyarakat umum dalam usaha memerangi dadah dengan lebih tersusun, teratur dan berkesan. Sekian, terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kerana kerajaan membentuk Jawatankuasa Kabinet dan Jawatankuasa Bertindak dan juga Jawatankuasa Penguat Kuasa. Soalan tambahan saya ialah, apa aktiviti yang sudah dijalankan oleh jawatankuasa ini dan apa *effect* serta keberkesanannya? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa yang ditubuhkan itu akan menjalankan mesyuarat tetapi walau bagaimanapun, usaha-usaha dan tindakan telah diambil di bawah agensi-agensi termasuk Agensi Dadah Kebangsaan dan sebagainya di semua peringkat. Terima kasih.

20. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah wang caruman KWSP yang telah dibayar oleh majikan sejak tahun 2000 – 2003 dan di institusi manakah pihak pengurusan KWSP membuat pelaburan serta jumlahnya; dan
- (b) adakah pihak kementerian bercadang mengkaji semula sistem pembayaran dividen kepada pencarum yang agak rendah jika dibandingkan dengan institusi korporat yang lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berkenaan dengan KWSP dan jawapannya agak panjang sedikit. Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Yang di-Pertua: Bukankah sebahagian daripada bahan-bahan itu telah Yang Berhormat masukkan dalam penggulungan tempoh hari.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sebahagiannya ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada makluman tambahan, beri makluman tambahan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya. Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang caruman KWSP yang telah dibayar oleh majikan bagi tahun 2000 hingga 2003 adalah seperti berikut:-

Tahun	Caruman Tahunan [Bilion]
2000	RM16.847
2001	RM18.172
2002	RM20.056
2003	RM20.143

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan KWSP mengikut pecahan kos pelaburan setakat 31 Disember 2003 adalah seperti berikut:-

Sekuriti Kerajaan Malaysia - RM85 bilion ataupun 38.25% daripada jumlah pelaburan, Pinjaman dan bon - RM60.91 bilion ataupun 27.41%, Instrumen Pasaran Wang - RM22.52 bilion ataupun 10.13%, Pasaran saham – RM52.38 bilion ataupun 23.5%. Maksimum bagi sektor ini ialah 25% dan hartanah RM1.41 bilion atau 0.63%.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pelaburan di dalam pasaran saham, KWSP melabur dalam lebih daripada 390 syarikat yang tersenarai di BSKL. Peratus saham yang dipegang oleh KWSP adalah daripada 0.01% sehingga 63%. Saya hendak sebut 10 syarikat yang terbesar yang dilaburkan oleh KWSP setakat 31 Disember 2003:-

- (i) Malaysia Building Society (MBSB) – 63.02% pegangan oleh KWSP;
- (ii) Rashid Hussein Berhad – 31.45%;
- (iii) Kamus Asset Holdings – 27.2%;
- (iv) Cycle and Carriage Bintang Berhad – 20.43%;
- (v) Star Publication – 14.96%;
- (vi) Sime Darby – 14.78%;
- (vii) ACP Industries – 14.60%;
- (viii) KFC Holdings Berhad – 14.5%;
- (ix) Melewar – 13.82%; dan
- (x) JT International – 13.8%.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi kadar dividen KWSP ditentukan oleh pulangan pelaburan. Pulangan pelaburan pula dipengaruhi oleh lokasi aset. KWSP melabur lebih daripada 35% daripada dana pelaburannya di dalam instrumen yang berkait rapat dengan arah aliran kadar faedah pasaran. Instrumen-instrumen tersebut adalah syarikat sekuriti yang saya sebutkan tadi - Syarikat Sekuriti Kerajaan Malaysia, pinjaman bon dan instrumen pasaran luar. Dan melalui aset sedemikian, kadar dividen KWSP banyak dipengaruhi oleh arah aliran kadar pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, kadar dividen KWSP adalah diluluskan oleh kerajaan berdasarkan keupayaan sebenar KWSP pada sesuatu tahun. Buat masa kini, kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula sistem pembayaran dividen tersebut. Untuk makluman tambahan Tuan Yang di-Pertua, bagi setiap 1% dividen yang dikeluarkan oleh KWSP, ia memerlukan dana sebanyak lebih kurang RM2 bilion. Maknanya kalau KWSP hendak keluarkan 4.5% seperti tahun lalu, maka jumlah dana yang diperlukan ialah RM9 bilion hingga RM10 bilion. Terima kasih.

Dato' Omar bin Faudzar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Masa cukup. Dato Omar, oh, saya berilah satu.

Dato' Omar bin Fauzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, mengapa KWSP melabur begitu banyak dalam Malaysian Building Society Berhad (MBSB) yang mempunyai kerugian yang begitu besar dalam bidang hartanah.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita ketahui, MBSB sebenarnya memang anak syarikat KWSP. Dahulunya memang perniagaannya berkenaan dengan pinjaman perumahan tetapi akhir-akhir ini kesilapan berlaku di mana MBSB telah pun melibatkan diri dalam bidang hartanah, bermakna dia beli tanah dan hendak bangunkan perumahan. Bukan bidang dia yang sebenarnya. Dia tidak ada kepakaran dalam bidang itu, maka dia mengalami kerugian. Akan tetapi hal ini akan diputuskan balik dan MBSB akan berbalik semula kepada *business* asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Markah tinggi kepada kerajaan di atas ketelusan. *[Tepuk]* Masa cukup. Sebelum Yang Berhormat Menteri cadangkan usul Yang Berhormat, saya hanya didorong supaya dengan izin, *everybody give the best*. Di atas sedikit sebanyak kekasaran, saya mohon maaf. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Usul disetujukan.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2003) 2004****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[28 Julai 2004]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi, sila sambung ucapan.

11.13 pagi

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan berkenaan dengan Akta Perbekalan Tambahan (2003) 2004. Kepala B.03 – Jabatan Audit.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan kepentingan audit dalam perjalanan Malaysia menuju ke arah negara yang maju. Pengauditan itu adalah satu perkara yang penting supaya perkara-perkara kewangan, rekod-rekod dan juga sistem penyampaian yang ditetapkan itu diikuti dan juga diperbaiki kalau kita hendak menjadi sebuah negara yang maju. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Jabatan Audit yang mengendalikan kerja mereka itu dan mengeluarkan laporan-laporan menunjukkan kelemahan dan juga ketidaklengkapan dalam urusan kewangan dan juga sistem penyampaian di kementerian dan juga jabatan-jabatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Laporan Ketua Audit Negara yang terbaru yang berada di sini, pada tahun 2002, di muka surat 15 bawah Inti Sari Laporan, untuk pengurusan kewangan di peringkat Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan, ingin saya *quote*:

“Beberapa peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah dan Pengurusan Aset masih tidak dipatuhi sepenuhnya. Rekod perakaunan juga tidak disenggarakan dengan teratur dan tidak kemaskini di kebanyakan pejabat yang dilawati”.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang boleh selesa sedikit. Yang Berhormat marah nampaknya, ya?

Tuan Lee Sing Chooi: *[Ketawa]* Ya, pasal ini semua kelemahan dan ketidaklengkapan patut diperbaiki. Di manakah kesilapan itu? Sistem kerajaan yang saya hendak tanya kementerian dan juga jabatan-jabatan, mana tindakan susulan itu? Tindakan susulan itu adakah atau tidak untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut? Saya hendak cadangkan kalau boleh yang kelemahan dan ketidaklengkapan itu yang didapati dijadikan salah satu objektif untuk kementerian dan jabatan berkenaan dalam Sistem Saraan Malaysia (SSM) dan Prestasi Tahunan dinilai atas pencapaian kementerian dan jabatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah Yang Berhormat marah sebab orang tidak ambil berat terhadap laporan-laporan audit, ya?

Tuan Lee Sing Chooi: Ya. Pasal kerja-kerja audit itu kalau tidak dipentingkan, kalau tidak dititikberatkan macam manakah negara kita dapat menuju ke arah menjadi negara yang maju. Di negara yang maju, pengauditan itu adalah satu perkara yang sangat-sangat penting. Itu adalah kredibiliti dan integriti. Oleh itu saya harap kementerian dan jabatan-jabatan tersebut boleh menjadikan salah satu objektif dan penilaian itu dibuat atas pencapaian kementerian dan jabatan berkenaan bagi mengatasi kelemahan dan ketidaklengkapan itu. Kalau boleh semua dicapai, diatasi, itu adalah prestasi yang bagus. Kalau tidak, prestasi mungkin tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara nombor dua yang saya hendak sentuh ialah B.33 – Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta Perbekalan Tambahan ini di mana tambahan sebanyak RM33,747,700 diminta untuk menampung sebahagian daripada perbelanjaan bayaran pampasan tol kepada syarikat konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk balik kepada Laporan Ketua Audit tadi di muka surat 20 yang mengatakan seperti ini di bawah Kementerian Kerja Raya:

“Ada beberapa kelemahan seperti syarikat konsesi tidak menjelaskan tunggakan bayaran berjumlah RM6.24 juta kepada kerajaan. Bagi aset kerajaan yang telah diambil alihnya serta kerja penyenggaraannya yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi kurang memuaskan kerana kekurangan peruntukan kewangan dan pemantauan daripada pihak JKR”.

Nampaknya syarikat konsesi juga berhutang kepada kerajaan tetapi hutang itu tidak dikutip. Saya hendak tahu pasal apa hutang itu tidak dikutip sampai sekarang ini? Adakah hutang itu sudah diselesaikan sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rang undang-undang ini yang meminta wang untuk bayaran pampasan tol, sering kali kita dengar, sering kali kedengaran yang kita kena bayar pampasan tol. Di manakah kesilapannya, di manakah yang silap itu yang kita sering kena bayar pampasan tol itu? Adakah kerana perancangannya tidak betul, adakah pengiraan itu tidak tepat? Di manakah timbul kesilapannya?. Adakah kerana kita kurang pakar dalam cara mana hendak mengira tol? Pada tiap-tiap kali kita mengira tol tetapi selepas itu kita kena pula membayar

pampasan tol. Saya hendak tahu macam mana kerajaan menetapkan kadar tol itu. Juga dalam perancangan projek tol itu, adakah semua faktor itu diambil kira dan juga di manakah *transparencynya*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kerana kurangnya *transparency*, maka nampaknya kesilapan-kesilapan itu timbul.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh berkenaan pampasan tol dan juga lebuhraya-lebuhraya yang mengutip tol. Salah satu adalah Lebuhraya Lembah Pantai, di mana saya juga naik kereta dan menggunakan lebuhraya itu dan kena bayar tol. Bayaran tol ialah RM1.60 dan bagi satu hala lagi RM1.60, maka sudah menjadi RM3.20 tetapi projek Lebuhraya Lembah Pantai itu yang dibina dengan perbelanjaan yang sebegitu besar, tetapi bila saya menggunakan lebuhraya itu nampak kesunyian, tidak banyak kereta menggunakannya. Kita membelanjakan jumlah wang yang begitu besar, tetapi tidak banyak kereta yang menggunakannya. Mengapa dan di manakah kesilapannya?

Kalau kita ambil wang ringgit yang sebegitu banyak, tetapi tidak memberikan manfaat kepada rakyat, di manakah kesilapannya? Dengan projek itu juga penduduk-penduduk yang tinggal di kampung-kampung persekitaran yang terlibat, seperti Kampung Dato' Haron, Kampung Medan, yang mana kebanyakan penghuni-penghuninya dari kalangan yang tidak berada juga pasti dikenakan membayar tol. Ini tentu membebankan mereka dengan bebanan yang berat sedangkan kehidupan mereka adalah seperti "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang". Keadaan sekarang menyebabkan mereka kena membayar tol untuk keluar-masuk. Saya harap kerajaan boleh menimbangkan kesusahan mereka. Dan dengan menetapkan kadar tol yang begitu tinggi itu sudah menyebabkan ramai orang tidak menggunakan lebuhraya itu.

Tuan Yang di-Pertua, *pricing* (harga), *pricing is a strategy*, dengan izin. *Pricing is a strategi*, harga, bayaran tol itu, kadar tol adalah satu strategi - kalau kita menetapkan harga yang tinggi sedangkan bilangan orang yang menggunakannya tetap rendah. Untuk mencari satu kadar yang betul adalah satu strategi yang sangat penting. Kalau kita tetapkan harga yang mahal sedangkan tidak ramai orang yang menggunakan lebuhraya itu, maka kutipan harian itu memang rendah. Kalau kutipan hariannya rendah, macam mana hendak mendapat keuntungan dan juga mendapatkan balik modal?

Saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak yang mengendalikan tol itu menimbang semula dan melihat macam mana hendak menetapkan kadar harga yang berpatutan supaya kutipan mereka dapat dipertingkatkan. Kutipan itu bergantung kepada dua perkara – satu, adalah kadar tol dan satu lagi, berapa ramai orang yang menggunakan tol itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi contoh, kalau sekarang ini kadarnya RM1.60, dengan 5,000 kenderaan yang menggunakan lebuh raya itu pada satu hari dan kemudian mendarabkannya, kita boleh tahu berapa kutipan sehari. Kalau kadar itu diturunkan hingga 80 sen dengan mengadakan satu promosi, promosi seperti jualan murah sekarang di Malaysia, kita promosi, boleh beri promosi, katakan 80 sen, mungkin, kemungkinan ada, kemungkinan bilangan 5,000 orang sehari yang menggunakan lebuh raya itu boleh meningkat kepada 10,000, 15,000 orang. Kalau seramai 15,000 orang yang menggunakan lebuh raya itu, kutipan hariannya sudah tentu tinggi, lebih tinggi daripada jumlah yang dikutip sekarang ini, yang dengan itu pihak lebuh raya akan mendapat kutipan harian yang lebih, itu satu. Dan kedua, kerajaan tidak payah hendak membayar pampasan tol, dan ketiga, rakyat akan membayar kadar tol yang lebih rendah dan kesesakan jalan raya juga boleh dikurangkan. Saya harap pihak tertentu boleh menimbangkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak sentuh adalah berkenaan Kepala Bekalan B.11 – Badan Pencegah Rasuah. Di dalam rang undang-undang ini peruntukan tambahan sebanyak RM3,378,900 untuk pelantikan pegawai-pegawai baru telah diminta. Saya hendak bertanya kepada Badan Pencegah Rasuah, berapa pegawai barukah telah dilantik dan berapakah kes yang telah disiasat dan juga bilangan kes yang dalam proses untuk membawa mereka ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak sentuh adalah Kepala Bekalan B.07 di bawah Jabatan Perdana Menteri yang meminta peruntukan tambahan sebanyak RM26 juta untuk menampung perbelanjaan di bawah Skim Latihan Graduan. Terdapat di bawah Kepala Bekalan B.45 – Kementerian Sumber Manusia juga meminta peruntukan tambahan bagi skim yang sama sebanyak RM70 juta. Saya hendak tahu Skim Latihan Graduan itu di bawah kementerian mana? Terdapat dua kementerian yang mengendalikan program ini, dan ini juga telah menimbulkan satu perkara yang membimbangkan.

Graduan-graduan dan siswazah-siswazah kita ini selepas daripada universiti nampaknya masih tidak sanggup bersaing di pasaran dan kita sekarang ini sedang menghadapi cabaran globalisasi. Kalau pencapaian graduan kita ini tidak sanggup bersaing, nampaknya kalau menghadapi cabaran globalisasi lebih teruk dan ini juga menjejaskan hasrat kerajaan kita supaya menjadikan Malaysia sebagai satu pusat kecemerlangan pendidikan kalau graduan-graduan kita itu tidak dapat bersaing di dalam pasaran, macam mana kita hendak menjadikan Malaysia ini menjadi satu pusat....

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih. Macam mana Malaysia boleh menjadi satu pusat kecemerlangan pendidikan? Saya harap Kementerian Pengajian Tinggi dapat mengkaji dan juga bekerjasama dengan institut pengajian tinggi tempatan supaya kualitinya dapat dipertingkatkan dan juga kursus-kursusnya dikemas k`ini dan juga menambahkan *skills* dan *competencies* yang dikehendaki oleh pasaran supaya graduan-graduan kita selepas menghabiskan kursus-kursus di institut pengajian tinggi tempatan bukan sahaja boleh bersaing di dalam negara kita, juga berkebolehan untuk bersaing di arena antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sentuh mengenai aspek-aspek sumbangan rakyat terhadap pembangunan Malaysia dengan Malaysia yang sudah menjadi satu contoh kepada negara-negara membangun supaya mereka dapat meniru apa yang kita buat dan pencapaian yang kita dapat supaya negara mereka juga boleh mendapat kejayaan yang didapati di Malaysia.

Saya juga mengucapkan syabas kepada semua pihak yang memberi sumbangan kepada pembangunan negara sehingga ke tahap yang membanggakan semua. Negara kita sudah menjadi satu teladan kepada negara-negara yang membangun.

Dengan ini, saya juga mengharapkan semua pihak teruskan bekerja dengan tekun dan juga *work hard and work smart* supaya Malaysia boleh menjadi satu negara cemerlang, gemilang dan terbilang seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Sekian, terima kasih, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani.

11.35 pagi.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk sama-sama mendapat peluang untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (2003) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, sebaik sahaja Kerajaan Barisan Nasional kembali memerintah negara ini dengan memperolehi kejayaan yang besar serta turut mengembalikan pemerintahan Barisan Nasional di Terengganu pada Pilihan Raya Umum yang baru lepas, kini tumpuan utama kita adalah kepada agenda pembangunan negara.

Pada waktu ini kita tidak lagi boleh melakukan apa-apa keraian untuk menunjukkan kegembiraan kita di atas kejayaan besar yang kita perolehi dalam Pilihan Raya Umum yang baru lepas. Sebaliknya, sudah tiba masanya untuk kita kembali bekerja dan menunjukkan kepada masyarakat, khususnya pengundi di kawasan bahawa apa yang kita janjikan semasa pilihan raya dahulu bukanlah janji-janji kosong semata-mata, tetapi akan kita laksanakan demi memperjuangkan nasib anak bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, melalui rang undang-undang yang bakal diluluskan ini, saya melihat ada peningkatan perbelanjaan terhadap beberapa kementerian. Peningkatan ini pada pandangan saya adalah amat wajar kerana keadaan global yang ada pada masa ini harus diimbangi dengan berbagai-bagai kemudahan yang baik dan sempurna serta sistem perkhidmatan yang teratur dan canggih supaya kita tidak lagi perlu menjalankan satu-satu urusan itu dengan melalui prosedur yang lama dan ini secara tidak langsung akan dapat mempengaruhi pengurusan masa yang kita buat secara produktif dan kerja-kerja kita dapat dipertingkatkan.

Pertama sekali saya ingin menyentuh kepada perbelanjaan tambahan yang diberikan kepada Kementerian Kerja Raya iaitu sebanyak RM33,747,700. Sungguhpun jumlah ini dikehendaki untuk menyumbang bayaran pampasan tol kepada syarikat konsesi, saya percaya kementerian ini adalah merupakan kementerian yang akan sentiasa memperolehi perbelanjaan tambahan melalui bajet kerajaan pada setiap

tahun. Ini disebabkan oleh berbagai-bagai aktiviti-aktiviti penyelenggaraan yang perlu dilakukan oleh kementerian ini ke atas jalan-jalan raya, jambatan-jambatan, jalan-jalan kecil dan sebagainya yang melibatkan kementerian ini.

Atas sebab inilah saya ingin merayu kepada pihak kerajaan agar sentiasa bersedia untuk melakukan kerja-kerja penyelenggaraan serta menyediakan laluan-laluan alternatif yang lain selain laluan utama yang disediakan yang mengalami kerosakan teruk sehingga tidak boleh atau tidak selamat untuk digunakan oleh orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini banyak jalan raya di negara ini yang mengalami kerosakan sama ada kerosakan besar mahupun kecil, kerosakan besar yang sudah tentu akan memerlukan perbelanjaan penyelenggaraan yang banyak, sementara kerosakan kecil pula adalah sebaliknya.

Baru-baru ini kerajaan telah membuka sebuah lebuh raya North Klang Valley Expressway (NKVE) yang mana lebuh raya ini telah ditutup selama tujuh bulan bagi membolehkan pihak kontraktor diberi tugas membersihkan sepenuhnya jatuhan batu besar yang menimpa lebuh raya tersebut. Disebabkan tragedi ini, kita terpaksa mengeluarkan pembiayaan yang banyak bagi tujuan pembersihan yang memakan masa yang lama sehinggakan pihak yang bertanggungjawab untuk memungut tol di lebuh raya tersebut juga mengalami kerugian di sepanjang tempoh tersebut.

Namun begitu, setiap kali kita membuka lebuh raya ataupun jalan raya baru, kita seakan-akan terlupa untuk melakukan perkara-perkara yang sepatutnya kita lakukan terutamanya kepada jalan raya yang melibatkan pemotongan bukit atau tanah tinggi. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada permasalahan yang sehingga kini masih lagi menghantui penduduk di Sabah iaitu jalan raya runtuh di sepanjang laluan Kota Kinabalu-Ranau ataupun Tamparuli-Ranau dan Kota Kinabalu-Keningau.

Kedua-dua laluan ini seperti yang kita sedia maklum adalah melibatkan pemotongan tanah tinggi sebagai jalan raya atau laluan utama. Seperti mana di Semenanjung kita juga ingin melihat setiap kali ada runtuh berlaku, maka kerajaan akan dengan sekelip mata menjalankan aktiviti-aktiviti pembersihan dan seterusnya menyelenggarakan jalan raya tersebut supaya pada masa akan datang atau dalam jangka masa yang panjang, jalan raya tersebut boleh digunakan tanpa perlu secara kerap diselenggarakan. Tetapi pada hakikatnya di Sabah tidak sedemikian. Ini kerana

setiap kali musim hujan, tidak kira sekali, dua kali atau tiga kali dalam setahun, runtuh batu atau tanah akan berlaku. Walaupun mungkin pada hemat saya kerajaan akan melihat runtuh ini sebagai runtuh-runtuh kecil tetapi disebabkan ia kerap berlaku, maka sudah pasti ia juga akan melibatkan perbelanjaan penyelenggaraan yang tinggi. Oleh kerana ia kerap berlaku, maka setiap perjalanan yang digunakan ini akan juga mengganggu dan membawa risiko runtuh pada bila-bila masa.

Saya ingin merayu kepada pihak kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya supaya terus memberi perhatian serius kepada jalan raya di Sabah khususnya yang melibatkan laluan tanah tinggi. Perhatian serius ini bukan setakat bersedia apabila berlakunya runtuh tetapi juga memberikan penyelenggaraan sepenuhnya agar tidak akan berlaku runtuh sekerap di laluan berkenaan sehingga boleh menjejaskan perjalanan orang awam. Seperti mana yang berlaku baru-baru ini, laluan Kota Kinabalu-Ranau, di mana orang ramai terpaksa menunggu selama 15 jam untuk menunggu laluan tersebut dibersihkan dan sementara laluan alternatif juga memakan masa hampir dua jam untuk dilalui. Walaupun kerja-kerja pembersihan ini dapat dilakukan dalam tempoh yang singkat tetapi dalam keadaan cuaca yang ada sekarang, berkemungkinan runtuh sekali lagi akan berlaku di kawasan-kawasan terbabit. Sekiranya tidak ada tindakan susulan daripada pihak kerajaan, saya fikir sudah pasti laluan ini akan sentiasa dalam keadaan yang sama seperti berlaku runtuh-runtuh yang berlaku baru-baru ini.

Dalam sesi soal jawab, soalan nombor 16 iaitu soalan Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi Haji Abdul Hamid. Minta maaf ya, saya tengok soalan itu sebentar. Soalan beliau meminta Kementerian Kerja Raya menyatakan apakah kementerian membuat kajian mengenai jalan-jalan utama persekutuan dan lebuhraya yang diapit oleh tanah tinggi, di lereng bukit yang berbahaya terutamanya pada musim hujan yang mudah runtuh, dan berapakah tempat-tempat yang dikenal pasti di seluruh negara yang mempunyai status selamat kepada penggunaan jalan. Di antara jawapan yang diberi oleh Kementerian Kerja Raya ialah, mereka telah membuat kajian dan yang dikenal pasti ialah:

- (i) *East West Highway Long Term Preventive Measures And Stability Studies;*

- (ii) *Assessment Of Hillslope Stability, Sites Investigations And Design Case Study; Gunong Raya Road, Langkawi;*
- (iii) *Slope Priority Ranking System;*
- (iv) *The Study of Slope Disaster Management for Federal Roads in Malaysia;* dan,
- (v) *Slope Protection Study for Federal Route 22 Tamparuli-Sandakan Road in Sabah,* dengan izin.

Ini adalah di antara jawapan yang telah diberikan oleh kementerian. Saya cuma terkilang kerana dua jalan raya yang selalu memberi masalah khususnya di Sabah ialah Tamparuli-Ranau dan Kota Kinabalu-Keningau dan saya berharap supaya kementerian mengambil perhatian khusus dan kalaulah jalan-jalan raya kita ada sistem *Road Management Programme*, dengan izin ertinya penyelenggaraan jalan-jalan raya, saya juga berpendapat, kerajaan harus mewujudkan *Slope Management Programme* iaitu satu penyelenggaraan cerun-cerun sebab ini lebih berbahaya dan memerlukan kos yang begitu tinggi.

Saya dengan penuh harapan agar laluan-laluan sedemikian dijaga dengan sempurna supaya dapat dilalui dengan selamat oleh pengguna-penggunanya bukan sekadar dalam tempoh dua, tiga bulan sahaja tetapi dalam jangka masa yang panjang. Walau bagaimanapun, saya juga turut melahirkan ucapan terima kasih daripada pihak Kementerian Kerja Raya yang akhirnya meluluskan pembinaan jalan raya yang menghubungkan kawasan pedalaman bawah dengan pedalaman atas iaitu melalui daerah Sipitang dengan daerah Tenom yang mana pada asalnya projek ini adalah melibatkan daerah Beaufort tetapi disebabkan kos pembinaan yang agak tinggi, maka jalan alternatif yang digunakan adalah dengan menggunakan laluan sedia ada di daerah Sipitang. Dengan adanya laluan ini, saya berkeyakinan para penduduk di daerah Sipitang, Beaufort, Kuala Penyu dan Membakut dan sekitarnya tidak lagi bersusah payah untuk menggunakan laluan jauh iaitu laluan Kota Kinabalu-Keningau untuk ke daerah Tenom.

Saya juga difahamkan bahawa satu lagi laluan alternatif iaitu laluan Kimanis-Keningau sedang dalam kerja-kerja pembaikan untuk memberi lebih banyak pilihan kepada para pengguna. Atas usaha-usaha demikian, saya berharap agar pihak kerajaan akan meneruskan demi melihat kepada kawasan-kawasan yang terletak jauh

dari pusat pentadbiran negeri ini mudah untuk dihubungi dan dikunjungi oleh rakyat negara ini amnya dan negeri Sabah khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah negara yang pesat membangun seperti Malaysia, perkara yang paling penting untuk menjamin kestabilan kepesatan pembangunan adalah produktiviti penduduknya. Seandainya penduduk tidak menunjukkan produktiviti yang baik, maka segala aktiviti ekonomi dalam negara tersebut juga turut terjejas dan begitulah sebaliknya. Dalam kita memperkatakan tentang produktiviti, kita tidak dapat lari daripada satu perkara yang secara langsung mempengaruhi produktiviti ini. Perkara yang saya maksudkan ialah kesihatan.

Kesihatan amat penting kepada setiap orang terutamanya kepada yang masih aktif bekerja. Sekiranya golongan yang aktif bekerja ini tidak mempunyai kualiti kesihatan yang baik, maka sudah tentu produktiviti pekerjaan mereka turut terjejas. Justeru itu kesihatan perlulah dijaga di sepanjang masa bagi mengimbangi keperluan kita terhadap peningkatan produktiviti negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang tertera dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini, Maksud B.34 dalam muka surat 10, Kementerian Kesihatan merupakan antara kementerian yang paling banyak menerima peruntukan iaitu RM528,862,200. Keadaan ini sebenarnya didorong oleh keprihatinan kerajaan dalam memastikan tahap kesihatan penduduk di negara ini sentiasa berada pada keadaan yang terbaik supaya rakyat dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada negara.

Pada ketika ini kita sering dihidangkan dengan pelbagai musibah yang melibatkan kesihatan secara langsung. Satu ketika dahulu, kita dikejutkan dengan penemuan satu penyakit yang tidak ada penawarnya sebaliknya boleh membawa maut kepada kehidupan. Penyakit yang saya maksudkan ialah AIDS. AIDS pernah mengejutkan dunia dengan keberkesanannya untuk membunuh penduduk dunia dengan sekelip mata sahaja. Selepas itu pelbagai jenis penyakit ganjil lagi ditemui. Antaranya Ebola, SARS, Selsema Burung dan sebagainya.

Kejadian-kejadian ini telah menghantui penduduk dunia sehinggalah kepada hari ini. Walau bagaimanapun, di Malaysia kita masih boleh bersyukur dengan keadaan penjagaan kesihatan yang kita sendiri adakan. Kita tidaklah seburuk atau seteruk negara-negara yang hanya sekadar mampu menerima sahaja kemasukan penyakit-penyakit berbahaya ke negara mereka sehingga mengorbankan banyak nyawa dari yang kecil hingga yang dewasa dari yang muda hingga yang tua.

Semuanya tidak terlepas daripada menanggung penderitaan akibat menghidap penyakit-penyakit tersebut. Tetapi kita di Malaysia ini cukup bertuah kerana adanya kerajaan yang prihatin dengan keperluan yang diinginkan oleh rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita boleh dikatakan agak cemerlang dalam membendung musibah penyakit yang melanda seluruh dunia ini tetapi ada kalanya kita juga seakan-akan terlupa dengan kewajipan kita untuk menolong orang-orang yang amat memerlukan bantuan bagi merawat sesuatu penyakit. Mungkin ini kita rasakan sudah cukup untuk kita menyediakan peruntukan-peruntukan yang besar untuk tujuan merawat pesakit-pesakit ataupun sudah cukup peruntukan yang kita sediakan untuk menjaga kesihatan penduduk-penduduk di negara ini.

Tetapi pada hakikatnya keadaan penjagaan dan rawatan kesihatan yang kita adakan juga mempunyai kelemahan-kelemahannya sendiri. Saya ingin membawa cerita peribadi saya sendiri. Baru-baru ini saya dimasukkan di hospital secara cemas. Sebenarnya saya mula batuk di Sabah tetapi saya ingat batuk biasa iaitu dengan makan ubat batuk cap 'Ibu dan Anak' boleh selesai tapi tidak selesai. Selepas itu saya dijadualkan bertolak ke Shanghai dan apabila sampai ketikanya saya bertolak penyakit yang saya hidapi masih belum baik lagi yang saya anggap batuk ringan dan saya ke Shanghai.

Saya berada di Shanghai cuma empat hari tetapi dua hari pertama saya pakai baju sejuk kerana keadaan di luar sejuk. Hari yang ketiga saya nampak bangun Subuh sahaja cuaca terang-benderang. Saya bertanya kepada operator di desk, apa cuaca, "*what is the temperature today?*" dengan izin dan beliau mengatakan good weather, roughly dia kata dalam 18-20 darjah celsius. Jadi saya pun keluar temberang letak saya punya *cardigan* tidak bawalah kononnya. Tetapi cuaca berubah begitu cepat. Semasa saya dalam tour itu, dalam bas cuaca makin lama makin menurun dan dalam masa empat jam dia jatuh balik kepada 14° dan masa pukul empat dia jatuh pada 7°.

Jadi dalam keadaan sedemikian saya terdedah kepada cuaca sejuk dalam lebih kurang empat jam yang menyebabkan penyakit saya bertambah kronik. Walau bagaimanapun, saya tidak ada temperature pada masa itu dan besoknya kita balik. Masa kita balik di airport juga kawalan kesihatannya cukup rapi. Dia tidak akan bagi kita *boarding pass* selagi kita tidak disahkan tidak ada demam atau apa terutamanya pada penyakit SARS ini dan Alhamdulillah pada ketika itu belum timbul masalah yang lain, melainkan batuk itulah dan saya terbang balik. Tujuan terbang balik pada ketika

itu ialah untuk menghadiri Majlis yang diadakan oleh UMNO untuk meraikan persaraan Yang Amat Berhormat Tun Mahathir.

Pada malam itu saya berjumpa dengan Tun Mahathir dan bersalam dengan Tun Mahathir tiga kali, dengan Toh Puan tiga kali dengan Perdana Menteri dan Kabinet. Saya mengambil kesempatan ini memohon maaf kepada Yang Amat Berhormat semua kerana memberi beliau dalam keadaan health risk. Selepas itu pula saya duduk satu meja dengan Yang Amat Berhormat Dato' Musa daripada Sabah dan esoknya saya mesyuarat Exco dengan Dato' Seri Rafidah berpeluk bercium dengan semua Ahli Jawatankuasa Exco.

Saya menceritakan ini bukan apa, sekiranya saya menghadapi ataupun menghidapi penyakit SARS bayangkan berapa jumlah manusia yang akan terlibat dalam pendedahan penyakit ini. Apabila saya balik ke Sabah keesokannya Yang Berhormat Dato' Shahrizat datang ke Sabah kerana Mesyuarat Majlis Pembangunan Wanita dan saya juga turut serta dalam masa itu keadaan saya betul-betul demam, temperature sudah naik 100° lebih kurang tapi oleh kerana tanggungjawab kita biasanya masih mengetepikan kepentingan peribadi dan memberi keutamaan kepada tanggungjawab.

Saya hadir dalam mesyuarat itu tetapi pada tengah malam itu apabila beliau jemput saya makan malam saya tidak dapat hadir kerana temperature saya sudah shot up kepada 103° dan saya memanggil doktor ke rumah dan beliau minta saya dimasukkan ke hospital dengan segera. Apabila saya hendak dimasukkan ke hospital saya juga memberitahu kepada kakitangan hospital sebelum saya sampai bahawa saya baru balik daripada Shanghai. Tidak ada persediaan untuk menerima saya seolah-olah ada penyakit yang berbahaya yang mungkin saya hidapi. Maknanya *I was exposed to the doctors, nurses* dan sebagainya.

Selepas itu x-ray diambil barulah mereka lihat bahawa kedua-dua paru-paru saya 80% almost collapse oleh kerana penyakit pneumonia. Dia bagi segala ubat, antibiotik yang diperlukan dan dimasukkan ke hospital. Setelah masuk admitted mereka juga mengharapkan mungkin apabila sudah memberi segala antibiotik ini temperature saya turun. Keesokan harinya temperature saya tidak turun dengan munasabah, not satisfactorily. Ini dia punya masalah.

Apabila tidak satisfactorily you belong to this category, dikategorikan kepada kemungkinan saya terdedah kepada SARS. Lepas itu dia minta izin supaya saya

dimasukkan kepada isolation. Saya tidak faham perkataan isolation pada ketika itu. Saya fikirkan isolation ini hanya satu bilik dan saya akan dijaga berasingan. Tetapi yang ingin saya sampaikan di sini yang ada kaitan dengan hujah-hujah ini ialah apabila saya dimasukkan kepada isolation ward rupa-rupanya the VIP ward di Queen Elizabeth Hospital tingkat lapan itu terpaksa semua dikosongkan.

Maknanya pesakit-pesakit yang ada semuanya dikeluarkan, dipindahkan ke tingkat tujuh dan sebagainya. Ada yang terpaksa balik dan memanglah tidak memuaskan hati dan banyak pesakit-pesakit yang marah. Saya pun tidak tahu siapa yang terlibat. Tetapi apabila saya masuk, saya diterima oleh doktor-doktor yang sudah bertopeng mukanya, yang memakai space costume yang you tidak kenal sama ada dia Melayu atau Cina kerana yang nampak hanya biji mata sahaja. Itulah pengalaman saya secara peribadi. Tetapi yang ingin saya sampaikan di sini ialah oleh kerana ketiadaan isolation ward perkara ini berlaku.

Hari ini kita mempunyai risiko yang tinggi dan penyakit-penyakit seperti Ebola, AIDS dan SARS ini akan berterusan dan saya baru sahaja semasa saya dirawat di hospital ini doktor-doktor dan pakar-pakar yang ada di sana juga mengambil kesempatan untuk bercakap dengan saya kalau boleh saya bawa perkara ini ke Dewan. Mereka hanya meminta supaya blok yang dirayu oleh doktor-doktor ini diluluskan dengan seberapa segera yang boleh kerana perkara ini telah diluluskan tetapi dalam kajian semula blok ini telah ditangguhkan pembinaannya.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah sekarang, saya baru-baru ini balik ke hospital untuk review. Apabila review konon-kononnya dia kata masuk bilik dua. Saya cari dari hujung ke hujung mana bilik dua. Biasanya saya tahu di mana bilik dua ini kerana memang dalam ruang bilik-bilik rujukan tetapi oleh kerana kesesakan tempat sekarang bilik satu, dua dan tiga telah berpindah ke bangunan pakar gigi dan pakar gigi entah ke mana biliknya. Apabila di sana kita nampak dia dibahagi-bahagikan kepada klinik diabetes, klinik mata, klinik review dan sebagainya dan yang sedih itu pula ada di antara doktor yang terpaksa menggunakan stor. Tuan Yang di-Pertua, stor dibersihkan sahaja untuk berjumpa dengan pesakit untuk review atau apa. Jadi saya memang kasihan sangat dengan keadaan mereka yang tidak mencukupi ruang.

Baru-baru ini pula setiausaha saya, bapanya meninggal dan saya tanya di mana, rupanya di Tibi Wad. Kita kan semua tahu kalau Tibi ini *very contagious*, dan

biasanya bangunannya diasingkan. Tetapi akibat tidak cukup ruang lagi, sekarang Tibi Wad itu digunakan untuk *skin clinic*, di antara bilik pesakit-pesakit dan sebagainya.

Jadi, bagi pihak mereka sekali lagi, kerana biasanya peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kesihatan ini memang besar, jadi saya berharap melalui perbahasan hari ini saya utarakan masalah yang kronik di Sabah dari sudut mendapatkan *space*, supaya mereka ini dapat memberi satu perkhidmatan yang lebih bermutu, yang lebih baik kepada rakyat kita.

Walaupun kita boleh dikatakan agak cemerlang.....

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Ya, sila.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tentang masalah yang dihadapi oleh hospital-hospital. Sekarang ini kita lihat bahawa Kementerian Kesihatan juga tidak akan meletakkan pesakit Tibi itu ke dalam wad khas, malahan hari ini, pesakit Tibi – kita tahu penyakit Tibi ini sakit yang berjangkit dan pesakit ini hanya diberikan rawatan luar. Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang supaya perkara ini diambil perhatian oleh Kementerian Kesihatan kerana penyakit Tibi adalah satu penyakit yang berjangkit. Daripada dahulu lagi kita sudah tahu, ia memang berjangkit, tetapi sekarang hanya diberikan rawatan luar.

Jadi, bila dia balik ke rumahnya, dia akan bawa penyakit Tibi ini, berjangkit daripada di dalam rumah itu seorang, ia akan menjadi kepada lima, enam orang. Jadi, maknanya penyakit ini tidak akan dapat diatasi dengan cara yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan sekarang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, cara rawatan dan bukan kemudahan-kemudahan yang ada di hospital yang menyebabkan pesakit-pesakit Tibi tadi tidak dapat dirawat dengan cara yang betul?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, termasuk juga kemudahan. Maknanya sudah tidak ada lagi bilik khas untuk pesakit Tibi sekarang ini di hospital-hospital.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah atas sokongan dan penjelasan. Sebenarnya, saya juga bersetuju sangatlah dengan pandangan beliau. Di Sabah, saya rasa memang ada analisis yang dibuat, beberapa orang yang mungkin terpaksa jugalah tinggal di hospital dengan ruang yang begitu terhad.

Kepada mereka yang mungkin dapat diberi peluang untuk balik, saya juga bersetuju bahawa penyakit itu bukan sahaja terdedah kepada dirinya sendiri kerana dia satu penyakit yang berjangkit, ia juga akan terdedah kepada ahli keluarga yang lain yang tidak sakit. Tetapi yang berada di hospital malangnya pesakit-pesakit yang lain yang mempunyai penyakit lain, terpaksa bersebelahan dengan ataupun berjiran dengan bilik-bilik pesakit Tibi, maka mereka juga terbuka kepada risiko itu. Jadi, ini tidak ada pilihan sebenarnya, oleh kerana tempat tidak ada dan saya simpati kepada keadaan itu tetapi dalam keadaan simpati, kita sebagai pemimpin juga perlu menyuarakan kerana ini adalah risiko besar kepada anak bangsa kita.

Minggu lepas kita telah menyaksikan pemergian adik Najwa yang mengidap penyakit bengkok hati, beliau telah berjuang melawan penyakit tersebut sejak dia berusia 6 bulan lagi. Penderitaan yang dialami oleh adik Najwa ini sebenarnya turut dikongsi oleh rakyat Malaysia yang sememangnya bermurah hati. Selepas berbulan-bulan menunggu, akhirnya perbelanjaan perubatan yang menelan belanja hampir RM300 ribu itu dapat dikumpulkan hasil daripada ihsan daripada pelbagai pihak termasuklah Penyokong Kerajaan di Parlimen, yang pada ketika itu diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed.

Namun begitu, atas pelbagai prosedur yang dipatuhi, pembedahan untuk menyelamatkan adik Najwa ini tertangguh untuk sekian lamanya. Bermula daripada memungut wang akibat daripada kegagalan mendapat dana daripada tabung yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan, sehinggalah kepada mendapatkan persetujuan untuk penderma hati kepada adik Najwa, ini semuanya memakan masa yang begitu lama. Mungkin ini sudah cara prosedur biasa yang perlu diakui oleh penduduk Malaysia. Tetapi persoalannya mengapakah sesuatu prosedur itu boleh dikecualikan selepas mendapat persetujuan atau campur tangan daripada orang penting dalam kerajaan seperti Perdana Menteri.

Maknanya, di sinilah prosedur perubatan yang kita ada ini sebenarnya boleh dilonggarkan atas sebab-sebab tertentu tanpa menunggu masa yang lama untuk diberikan kelulusan.

Walaupun situasi sedemikian hanya diketahui oleh pihak Kementerian Kesihatan sahaja, namun mereka harus peka terhadap keperluan pesakit yang memerlukan rawatan segera. Apa akan berlaku sekiranya terdapat 10 pesakit kronik yang hanya mempunyai penderma hati atau sebagainya, yang mana penderma hati tersebut semuanya tidak ada pertalian saudara dengan si pesakit? Adakah kesepuluh-pesakit ini akan dilayan mengikut prosedur ini dan mengalami risiko yang sama sebagaimana dialami oleh adik Najwa? Semuanya hanya dapat dijawab oleh pihak yang berkenaan sahaja.

Saya tertarik, pagi tadi juga dalam sesi soal jawab, soalan nombor 6 yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Ismail meminta Kementerian Kesihatan, apakah tindakan yang diambil terhadap hospital kerajaan ataupun swasta yang melambatkan proses pembedahan ataupun kepada pesakit-pesakit kronik seperti ini.

Di antara jawapan tadi, kalau saya tidak salah, saya catat sahaja, ialah:

- (i) terlalu banyak pesakit;
- (ii) pembedahan dibuat secara selektif; maknanya siapa nasib baik, dululah. Ya, secara selektif; dan
- (iii) apabila ada soalan tambahan, saya mendengar jawapannya ialah:

"kekurangan pakar bius dan nisbahnya di luar negara 1 pakar pembedahan kepada 2.5 pakar bius. Di negara kita satu pakar pembedahan kepada 4.5 pakar bius."

Maknanya kita tidak juga boleh mengambil tindakan kepada

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa Yang Berhormat kata tadi sebenarnya terbalik. Sebenarnya 1 pakar bius kepada 5.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: No, no, no. Boleh tengok balik kepada *Hansard*.. Tadi yang saya tahu, satu pakar pembedahan,

ertinya kita punya pakar pembedahan mungkin lebih daripada pakar bius, jadi 1 pakar pembedahan kalau di luar negara rasionya ialah 1 kepada 2. Di negara kita

Timbalan Yang di-Pertua: Masalah yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan tadi ialah kekurangan pakar bius.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Ya, jadi kalau tidak ada pakar bius pembedahan tidak boleh jalan. Itu maksudnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Betul! Jadi nisbah yang Yang Berhormat katakan tadi, 1 pakar bius kepada 5 pakar pembedahan. Bukan satu pakar pembedahan kepada 5 pakar bius.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Mungkin saya tersalah anggap, seperti mana yang dibetulkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi maknanya kita juga tidak boleh menyalahkan kepada hospital-hospital itu dan tindakan tidak boleh diambil. Sebab ini bukan disengajakan oleh doktor-doktor bedah, tetapi oleh kerana ketiadaan pakar bius yang tidak membolehkan mereka untuk menjalankan, maka terpaksa pembedahan ini dijadualkan semula atau dibuat secara selektif.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini, kerana kalau ini berterusan ternyata populasi kita meningkat, penduduk kita meningkat dan penyakit seperti ini kalau dahulu, oleh kerana tidak ada kemudahan-kemudahan, x-ray ataupun *scanning*, mungkin kita tidak tahu apa sebab musabab kita memerlukan pembedahan.

Tetapi hari ini dengan kemudahan yang lain ia seolah-olah tidak seimbang. Dari sudut *research* penyakit kita ada kemudahan, untuk mengatasi penyakit itu sama ada apabila tiba masanya perlu kita mengadakan pembedahan, pembedahan tidak dapat dijalankan dengan serta-merta seperti yang diperlukan oleh kerana kekurangan-kekurangan ini. Apakah tindakan kerajaan untuk mengimbangi keperluan ini bagi menyelamatkan nyawa-nyawa mereka yang terlibat.

Saya mengutarakan ini kerana kita mahu bukan sahaja menjadi negara cemerlang pendidikan tetapi juga cemerlang kesihatan. Kerana seperti mana yang kita tahu kesihatan adalah *paramount*, kita kaya macam mana pun tidak sihat tidak

bermakna. Jadi, yang penting ialah kesihatan kita dan kemampuan kita mengatasi permasalahan yang ada kaitannya dengan kesihatan.

Satu perkara lagi yang saya sentuh ialah di bawah B. 34 penambahan sebanyak RM20 juta untuk melaksanakan program Kempen Anti Merokok yang disebut sebagai '*Tak Nak*' yang disasarkan kepada golongan remaja. Persoalannya ialah setelah kerajaan berbelanja begitu banyak, RM20 juta bukan sedikit *just to advertise RM20 million has been spent*, dengan izin. Adakah kementerian membuat kajian sejauh mana keberkesanannya. Adakah sekarang ini tahap merokok meningkat ataupun adakah ianya menurun. Tidak guna kita berbelanja begitu punya besar, sesudah kita berbelanja begitu punya besar, disasarkan pula kepada remaja, jangan pula semakin kita buat *advertisement* semakin meningkat pula anak-anak remaja kita yang merokok.

Jadi, saya hendak tahu sejauh mana keberkesanannya, kalau sekiranya ia tidak membawa kesan yang positif maka kita kena membuat kajian kenapa sedemikian, kalau tidak mungkin tarikan-tarikan daripada kilang-kilang rokok ini lebih berkesan.

Akhir sekali saya ingin menyentuh perkara di bawah B.45 iaitu Kementerian Sumber Manusia yang memerlukan RM70,207,080 untuk membiayai Skim Graduan bagi meningkatkan kemahiran graduan yang menganggur.

Pertama, dengan jumlah yang sebesar itu berapa banyakkah jumlah graduan yang terlibat. Jadi, kita boleh membahagikan sebenarnya berapa banyak wang kita berbelanja untuk seorang graduan. Kita juga diberi penjelasan bahawa bidang-bidang pengkhususan yang diberikan kepada mereka ialah bidang teknologi maklumat dan komunikasi serta perakaunan.

Saya bersetuju sebenarnya dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng apabila beliau membahaskan rang undang-undang ini beliau juga hairan kenapa seorang graduan, biasanya kalau seorang yang berkelulusan tinggi daripada universiti, dia sudah dilengkapi serba-serbilah terutama dalam bidang yang dia ceburi.

Biasanya hendak melihat peluang ini untuk mendapatkan pekerjaan, tentunya lebih peluang kepada mereka yang berijazah *compare* atau hendak dibandingkan dengan orang-orang yang tidak berijazah untuk mendapat kerja, melainkan dia terlalu memilih kerja, macam kitalah di Malaysia kalau kita hendak bertanya *what is our rate of*

employment, kita boleh menjawab dengan megah mengatakan 'zero', mengapa 'zero' sebab kita boleh menjemput lebih 2 juta pekerja asing.

Ini maknanya yang tidak dapat kerja di sini sengaja tidak mahu bekerja atau memilih kerja. Kalau hendak mencari kerja apa sahaja boleh kita buat tetapi apabila kita menyentuh tentang graduan ini, apabila kita beri dia latihan tambahan, saya bersetuju mungkin ada kelemahan dalam kurikulum universiti itu sendiri, bukan salah mereka, mungkin kita seharusnya *study*, membuat kajian *what is the market's need*, apa keperluan pasaran di negara kita.

Kalau dalam bidang perakaunan, dia disertai dengan apa, kalau dia dalam bidang *business administration*, dia disertai dengan apa, perlukah beliau ini dilengkapi dengan cara-cara menggunakan komputer, mendapatkan maklumat tentang teknologi komunikasi dan sebagainya. Kalau perlu seharusnya bidang ini disertai dalam kurikulum universiti itu sendiri. Jadi tidaklah perlu apabila keluar diberi lagi satu pengkhususan yang berasingan yang menelan belanja yang begitu besar dan wang ini kalau tidak digunakan untuk pelajar-pelajar maka dia boleh digunakan untuk hal lain, yang masih banyak memerlukan kewangan yang lain.

Jadi, saya juga ingin mencadangkan supaya mengkaji semula kurikulum universiti kita di mana rasanya ada ruang, ada tempat untuk kita menambah keperluan-keperluan pasaran. Jadi, dengan kata-kata yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah dan disusuli oleh Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff. Saya berharap boleh membuat persediaan.

12.16 tgh.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk mengambil bahagian dalam membahaskan satu akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 2003.

Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi membahaskan mengenai Maksud B.8 iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam. Peruntukan tambahan yang diterima adalah sebanyak RM170 juta melalui peruntukan itu adalah diharapkan kerajaan dapat menambah infrastruktur yang lebih canggih untuk melicinkan perjalanan perkhidmatan awam di negara ini.

Saya percaya dalam zaman informasi dan teknologi komunikasi ini para penjawat awam perlu lebih peka dan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang informasi dan teknologi maklumat. Kerajaan perlu mengadakan lebih banyak kursus sama ada di dalam mahu pun di luar negara. Kepada para penjawat awam agar mereka dapat mengguna pakai teknologi yang diimport dari luar itu dengan mudah tanpa mengharapkan tenaga pakar dari luar negara lain. Insentif yang lebih tinggi juga perlu diberikan kerajaan terutama apabila mengambil pakar-pakar dalam bidang tertentu untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Sikap menganaktirikan kepakaran anak tempatan perlu diubah dan sikap negatif inilah yang menyebabkan berlakunya penghijrahan kepakaran tempatan ke luar negara di samping insentif yang diberikan lebih tinggi, mereka mendapat lebih banyak pengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Maksud B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dasar kerajaan untuk memastikan rakyat memiliki rumah sendiri menjelang 2005 terutama mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana amat dialu-alukan. Apa yang pasti rumah merupakan keperluan asas yang cukup penting hari ini. Dengan adanya dasar kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana dapat meringankan beban mereka yang tidak mampu memiliki rumah sendiri.

Ini secara tidak langsung dapat menghapuskan masalah setinggan yang berlaku di seluruh negara dan memperluaskan peluang golongan berpendapatan rendah dan sederhana membeli rumah kos rendah. Melalui peruntukan tambahan yang diterima pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah diharapkan lebih banyak rumah kos rendah dapat dibina oleh kerajaan untuk golongan yang kurang bernasib baik. Kerajaan juga diharapkan menggunakan sedikit daripada peruntukan tersebut untuk melantik agensi terbabit membuat satu analisis terperinci mengenai pembinaan rumah-rumah di seluruh negara, sama ada dari jenis kos rendah, sederhana dan mewah. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga perlu mengambil kira faktor permintaan dan pendapatan penduduk negara ini sebelum meluluskan projek-projek perumahan di seluruh negara. Sehingga suku keempat tahun lalu, terdapat sejumlah 9,816 rumah kos rendah yang telah siap masih belum dapat dijual di seluruh negara.

Tindakan juga perlu diambil kepada kontraktor-kontraktor yang tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke atas keperluan sebuah rumah. Terdapat banyak aduan daripada pembeli bahawa rumah-rumah mereka mulai retak dengan kebocoran dan beberapa masalah lain timbul, meskipun baru beberapa bulan sahaja mereka menduduki rumah tersebut. Ada banyak faktor menyebabkan kepada perkara ini seperti penggunaan bahan binaan yang murah dan tidak menepati pelan asal serta ingin mengaut keuntungan berlipat ganda.

Pihak berkuasa tempatan seharusnya mengambil langkah segera memantau rungutan daripada pihak pembeli yang tidak puas hati dan mengambil tindakan ke atas pemaju perumahan yang terbabit. Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atas usaha memperbanyakkan pembinaan rumah-rumah tersebut terutama rumah-rumah kos rendah untuk menampung keperluan permintaan pembeli yang semakin ramai. Namun begitu, dalam masa yang sama, saya berharap agar suatu kajian dibuat untuk memastikan keperluan rumah yang sebenar dalam masa beberapa tahun akan datang, terus dibuat. Mungkin ramai di antara kita yang masih tertanya-tanya sebab kenapa rumah-rumah yang telah siap dibina masih tidak ada pembeli meskipun, kita sedia maklum bahawa permintaan terlalu tinggi untuk rumah.

Ini juga berkemungkinan projek-projek perumahan yang dibuat ini tidak menepati cita rasa pembeli. Harganya tinggi di samping kawasan persekitarannya yang tidak mesra alam. Boleh jadi juga pihak pemaju tidak membuat kajian teliti tentang unjuran permintaan rumah-rumah dalam jangka masa panjang. Apa pun, masalah ini perlu diatasi oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga pihak berkuasa tempatan agar masalah kekurangan rumah tidak wujud lagi menjelang 2020. Kita bimbang akan berlaku lambakan rumah-rumah yang tidak terjual sedangkan permintaan untuk rumah masih tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk membahaskan mengenai peruntukan B.45 – Kementerian Sumber Manusia dengan jumlah peruntukan sebanyak RM74 juta. Saya mengambil kira tentang faktor perumahan rakyat. Kerajaan perlu mewujudkan asas sumber manusia yang kukuh untuk menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan serta meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.

Saya yakin kerajaan tidak akan mengabaikan keperluan rakyat terutama dengan menyediakan peluang pekerjaan yang mencukupi bagi mengurangkan kadar pengangguran di negara kita. Walaupun keadaan pengangguran di negara ini terkawal, tetapi sekiranya kita tidak berhati-hati, negara akan menghadapi masalah pengangguran yang lebih besar pada masa akan datang.

Kerajaan mestilah membuat perancangan dari sekarang bagi mengatasi masalah ini. Dasar perindustrian negara dan dasar buruh juga perlu disesuaikan dengan keadaan. Kerajaan harus mencari jalan agar kilang-kilang industri di negara ini dapat bertahan lebih lama dan usaha yang lebih banyak harus dibuat untuk menggalakkan kilang-kilang yang mempunyai taraf *high-tech industry* didirikan di negara ini.

Kerajaan juga perlu membuat persediaan sebelum mengambil tindakan menghentikan pengambilan tenaga buruh asing dari negara luar seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan beberapa negara lain. Kerajaan perlu memastikan guna tenaga buruh sama ada mahir atau separuh mahir mampu disediakan untuk menggantikan tenaga buruh asing yang bakal disekat kemasukannya nanti.

Kita bimbang negara akan mengalami kesukaran apabila perkara ini berlaku kerana rata-rata masyarakat Malaysia masih memilih pekerjaan dan kerja-kerja seperti buruh binaan, pembantu rumah, pekerja restoran, hotel dan pekerja kilang akan menjadi masalah besar kepada negara. Saya berharap agar satu strategi dapat dibuat oleh pihak terbabit untuk melatih para pekerja mahir atau separuh mahir ini sebelum mengambil tindakan menyekat kemasukan pekerja asing. Mungkin ia boleh dilaksanakan secara berperingkat-peringkat agar tidak ada pihak yang merungut dengan ketidakadaan pembantu dari luar ini.

Kerajaan juga perlu mengadakan acara seperti Pesta Pekerjaan atau Ekspo Pekerjaan di setiap negeri di seluruh Malaysia dengan mewajibkan pihak swasta mengambil bahagian. Dengan cara ini, para pencari kerja boleh mendapatkan pekerjaan secara terus dengan berjumpa majikan yang memerlukan pekerjaan. Kerajaan juga perlu memberi garis panduan kepada para majikan sebelum mereka membenarkan mengambil pekerja asing supaya negara dapat mengurangkan pengambilan buruh asing.

Ketiadaan buruh asing juga akan mengurangkan pengaliran wang keluar ke negara lain. Seperkara lagi, ingin saya menarik perhatian Kementerian Kesihatan dan

Kementerian Sumber Manusia, berhubung dengan kenyataan Kementerian Kesihatan yang tidak menolak kemungkinan peningkatan kes batuk kering ataupun tibi di negara ini berpunca daripada kemasukan terlalu ramai pendatang asing.

Mengikut sumber daripada Kementerian Kesihatan, pada tahun lalu 4% daripada 800,000 pekerja asing yang memasuki negara ini dikesan berpenyakit. Antara penyakit yang dikesan ialah tibi, malaria, HIV/AIDS dan penyakit kelamin seperti siplis. Dengan adanya peruntukan ini, saya berharap agar Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia mewajibkan pemeriksaan kesihatan ataupun *medical check-up* kepada semua pekerja asing setelah diambil bekerja oleh majikan.

Justeru itu, semua majikan akan memastikan semua pekerjaanya membuat pemeriksaan kesihatan dan jika didapati pekerjaanya mempunyai penyakit, maka pekerja tersebut akan diserahkan semula kepada agen yang menguruskan pekerja terbabit dan agen berkenaan perlulah mendapatkan pekerja baru kepada majikan tersebut. Oleh yang demikian, adalah diharapkan agar Kementerian Kesihatan juga perlulah menawarkan harga rawatan pemeriksaan kesihatan yang berpatutan kepada majikan.

Saya juga bangun untuk membahaskan mengenai B.34 – Kementerian Kesihatan, diharapkan agar pihak Kementerian Kesihatan dapat menambah bilangan doktor pakar dalam pelbagai bidang di negara ini dengan adanya peruntukan tambahan nanti. Kebanyakan daripada pakar-pakar bedah di negara ini lebih gemar menyumbang bakti di hospital swasta sama ada di dalam mahupun di luar negara kerana imbuhan yang diterima jauh lebih tinggi berbanding dengan swasta sekiranya mereka bekerja dengan hospital kerajaan.

Mengikut perangkaan Jabatan Perkhidmatan Awam, seramai 570 pelajar jurusan perubatan tajaan di luar negara dikesan enggan kembali untuk berkhidmat di tanah air termasuk yang sudah lama menamatkan pengajian. Mereka yang dikenal pasti, kebanyakannya berkhidmat di England, Ireland, Australia sebaik sahaja mendapat Ijazah Perubatan hasil pembiayaan penuh kerajaan.

Saya yakin sekiranya pihak Kementerian Kesihatan mahu mengekalkan doktor-doktor pakar di hospital-hospital kerajaan, perlu ada satu insentif ditawarkan untuk menarik minat doktor pakar ini seperti menaikkan imbuhan atau gaji agar setimpal dengan kelayakan mereka. Kerajaan mengalami banyak masalah apabila terlibat

dalam kes-kes kronik yang memerlukan pakar dalam bidang tersebut. Secara tidak langsung, para pesakit kronik yang perlu menerima rawatan segera terpaksa menanggung kelewatan akibat kekurangan pakar yang dialami sehingga ada kes-kes penyakit kronik yang tidak dapat dibantu kerana terlalu banyak karenah dalam Kementerian Kesihatan. Ini adalah perkara yang amat dikesalkan dan tidak sepatutnya terjadi di negara ini.

Kementerian Kesihatan seharusnya amat prihatin dan sentiasa mengambil sikap bersedia dalam apa keadaan sekalipun ketika berhadapan dengan masalah pesakit yang menghadapi penyakit kronik. Saya juga ingin mencadangkan agar Kementerian Kesihatan dapat membuat sesuatu untuk menggiatkan lagi industri kesihatan kerana sehingga ini, semua produk kesihatan import termasuk peralatan kecil seperti skru yang kecil pun diimport dari luar negara sehingga meningkatkan kos perubatan dan secara tidak langsung menyusahkan para pesakit itu sendiri.

Sekiranya kerajaan melalui Kementerian Kesihatan dapat meningkatkan usaha menghasilkan produk asas sendiri dengan menggunakan sumber tempatan, sudah tentu negara tidak perlu lagi bergantung kepada import bahan berkenaan, malahan Malaysia boleh menjadi negara pengimport utama di rantau Asia.

Memandangkan kebanyakan negara Islam seperti di Asia Barat mengutamakan produk halal, dengan itu, negara harus memperbanyakkan pakar dalam bidang bio-bahan agar cadangan menjadikan Malaysia negara menghasilkan produk asas kesihatan sendiri dapat menjadi kenyataan. Usaha kerajaan untuk memanggil pulang pakar-pakar yang telah bekerja di luar negara perlu disegerakan agar matlamat kerajaan menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua saya juga bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Peruntukan Tambahan Bagi B.35 iaitu Kementerian Dalam Negeri. Memandangkan peruntukan adalah sebanyak RM143 juta saya yakin lebih banyak program yang baik untuk negara dapat dirancang dan disegerakan.

Saya yakin melalui peruntukan tambahan yang diperolehi itu nanti dapat meningkatkan lagi kawalan keselamatan dalam negeri sepanjang masa, usaha menghapuskan keganasan lebih perlu diteruskan melalui berbagai kemudahan moden dan canggih yang boleh diadakan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri, sentiasa saya menyokong usaha kerajaan membanteras keganasan kerana kita tidak mahu

rakyat Malaysia hidup dalam ketakutan seperti yang berlaku di negara-negara yang terlibat dengan keganasan.

Kita perlu yakin dengan kredibiliti kerajaan hari ini yang bermati-matian memastikan keamanan dan kestabilan politik negara, jika tidak ada pihak luar yang cuba mengambil kesempatan atas kelemahan itu. Musuh memang sentiasa mengambil kesempatan atas kelemahan keselamatan negara, saya mencadangkan agar beberapa strategi baru dapat difikirkan untuk membanteras gejala ini, mungkin melalui tambahan anggota yang bertugas di perairan negara. Saya yakin Kementerian Dalam Negeri dapat mengatasi masalah ini dengan lebih baik pada masa-masa akan datang, ini kerana faktor sebegini boleh menyebabkan sektor pelancongan negara terbantut, pelancong-pelancong akan merasa takut dan ia boleh mengakibatkan penurunan pendapatan hasil negeri mahupun negara.

Dari sektor pelancongan, ia juga akan membabitkan penduduk di sekitar kawasan pelancongan tersebut, saya berharap dengan adanya peruntukan tambahan untuk Kementerian Dalam Negeri, lebih banyak lagi usaha dan peralatan canggih digunakan untuk membanteras lanun-lanun di perairan Malaysia.

Saya juga ingin mengambil perhatian Kementerian Dalam Negeri berkenaan operasi mengesan 1.2 juta pendatang tanpa izin melalui peruntukan tambahan ini, saya harap agar operasi ini dapat dijalankan sepenuhnya, pendekatan menyeluruh yang digunakan oleh kementerian termasuk 400 ribu anggota rela akan digerakkan untuk menahan warga asing yang bekerja tidak sah di negara ini adalah satu usaha yang sangat baik dan bersungguh-sungguh, saya yakin dan percaya peruntukan tambahan ini akan memastikan segala operasi yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pertamanya saya cadangkan rondaan pantai perlu dipertingkatkan, anggota polis marin perlu ditambah, bot-bot peronda polis juga ditambah, pulau-pulau tempat pendatang haram mesti diawasi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi peruntukan tambahan Kementerian Pertahanan iaitu sebanyak RM174 juta melalui pembayaran khas prestasi, diharapkan dapatlah para pegawai di kementerian ini menjalankan kewajipan dengan lebih telus, efisien dan lebih bersemangat. Saya berharap agar Kementerian Pertahanan dapat mempertingkatkan lagi prestasi dan kecekapan anggotanya dalam menyelenggarakan aktiviti keselamatan sama ada di laut mahupun di daratan, sebagai contoh apa yang berlaku baru-baru ini sebuah Helikopter yang hilang tidak dapat dikesan dalam masa

yang singkat, kiranya pihak kementerian mempunyai kepakaran kecekapan yang tinggi sudah tentu perkara ini sudah dapat kita atasi dengan segera.

Pihak kementerian perlu menyediakan satu unit khas yang mempunyai kepakaran dalam kerja-kerja berkaitan agar apa yang berlaku baru-baru ini tidak akan berulang lagi. Saya pasti anggota keselamatan menyelamatkan mangsa menyebabkan pihak keluarga dan pihak terbabit mengalami tekanan perasaan yang amat dahsyat dan kelewatan ini juga boleh mengancam nyawa mereka.

Selain itu kementerian juga perlu mempunyai kecekapan mengawal keadaan keselamatan di perairan terutama di kawasan Selat Melaka. Saya yakin rondaan 'terkoordinasi' Selat Melaka di antara Melaka dengan Singapura menyaksikan kerjasama dan rondaan 24 jam sehari sepanjang tahun ini dapat membantu mengawasi Selat Melaka daripada ancaman lanun-lanun. Rondaan ini dijalankan oleh Tentera Nasional Indonesia Angkatan Laut dan Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Laut Singapura. Melalui kerjasama tiga negara ini diharapkan dapat mempertingkatkan keselamatan di perairan Selat Melaka selain kerjasama sedia ada dalam mengekal ancaman penganas.

Langkah-langkah baru perlu terus dicari bersama-sama dengan Indonesia walaupun di negara telah mengadakan rondaan terkoordinasi Selat Melaka dan Singapura. Saya berharap tidak ada pihak luar yang akan mengambil kesempatan atas kelemahan kita sendiri.

Faktor maju atau mundurnya sesebuah kerajaan bergantung kepada kewujudan kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan yang bertanggungjawab adalah penting dalam menentukan nasib sesebuah negara dan rakyatnya, kerajaan yang bertanggungjawab akan meletakkan negara pada landasan yang betul, khazanah negara akan dibelanjakan secara yang berhemah dan kepentingan serta kebajikan rakyat akan terpelihara.

Sebuah negara yang maju memerlukan institusi seperti perkhidmatan awam dan kehakiman yang baik, cekap amanah, untuk itu KDN perlu memastikan kecekapan anggota perkhidmatan awamnya sentiasa di tahap yang tinggi.

Akhir sekali, melalui peruntukan yang begini banyak saya berharap setiap kementerian berbelanja secara berhemah di mana yang disarankan oleh Perdana Menteri supaya setiap sen yang dibelanjakan dapat dimanfaatkan dan tidak membazir. Dengan kata-kata itu saya dengan ini turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Puan Siti Zailah berucap dan saya minta Yang Berhormat Puan Mariah untuk bersedia.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (2003) 2004. Kerajaan mengumumkan penambahan belanjawan mengurus yang kedua bagi tahun 2003 sebanyak RM21.1 bilion. Tambahan pertama yang dibuat pada awal tahun ini berjumlah RM1.5 bilion, pada September 2003 kerajaan telah membentangkan anggaran belanjawan 2003 sebanyak RM72.8 bilion. Jadi dengan tambahan ini belanjawan mengurus 2003 telah meningkat kepada RM95.4 bilion atau 28 peratus berbanding dengan belanjawan asal.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya kira perbelanjaan mengurus 2003 meningkat kepada RM95.4 bilion ini atau 28 peratus ini mungkin juga disebabkan saiz Kabinet kita yang begitu besar sekarang ini, secara perbandingannya saiz Kabinet kita jauh lebih besar jika dibandingkan Kabinet Bush di Amerika Syarikat.

Di mana di Amerika Syarikat hanya mempunyai 13 orang Menteri, sedangkan kita yang negara kita, yang sekecil ini mempunyai 27 Kementerian campur dengan satu Jabatan Perdana Menteri menjadikan jumlah Menteri kita 33 orang. Jadi tidak hairanlah kalau perbelanjaan mengurus negara kita meningkat begitu tinggi. Walau bagaimanapun, rakyat mengharapkan agar perbelanjaan berbaloi, perbelanjaan mengurus yang tinggi, yang akhirnya..

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat mohon laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: ...perkhidmatan yang diberi oleh kerajaan kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Siti Zailah. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, kenapakah kita ingin jadikan secara perbandingan dengan Kerajaan Amerika, apa yang kita buat haruslah kita ikut acuan negara kita sendiri dengan budaya dan cara kita sendiri.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob, sebenarnya bukan kita hendak mengambil acuan barat, cuma mestilah ukur di badan sendiri, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua saya akan teruskan perbahasan, saya ingin menyentuh maksud B. 8 Perbelanjaan Tanggungan Suruhanjaya Pilihan Raya yang mana kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan tambahan sebanyak RM244,400 untuk menampung bayaran emolumen Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya. Saya ingin penjelasan dalam Dewan ini berapa ramaikah Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, apakah fungsi dan tugas mereka sebab setiap kali berlaku pilihan raya kita lihat ratusan ribu malah jutaan wang negara, wang rakyat yang diguna pakai oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dalam mengendalikan sistem pilihan raya dalam negara kita. Sudah tentu rakyat mengharapkan satu pengurusan yang cekap, telus dan profesional, oleh itu saya ingin penjelasan kenapa laporan Suruhanjaya Pilihan Raya tidak dibentangkan di Parlimen agar rakyat dapat menelitikannya.

Sebab setiap urusan pilihan raya menggunakan dana rakyat, wang rakyat kenapa laporan tidak dibentangkan kepada rakyat. Insiden yang berlaku di Sungai Lembing dalam Pilihan Raya Umum yang ke-11 baru-baru ini amat memalukan. Kita melihat begitu kecelaruan berlaku dalam urusan pilihan raya dalam negara kita, begitu juga apa yang berlaku di Parlimen Pasir Putih, yang kita lihat pegawai SPR sendiri mengaku dia telah tersalah umum dalam isu berkenaan dengan Parlimen Pasir Putih, ini satu perkara yang amat memalukan.

Sebelum pembubaran Parlimen, Pengerusi SPR sentiasa memar-warkan kepada negara bahawa kita telah bersedia, kita sudah bersedia untuk berhadapan dengan pilihan raya. Tetapi yang jelas apabila pembubaran Dewan berlaku ramai Pegawai Pengurus SPR yang tidak terlatih, malah ramai yang kurang memahami aspek-aspek yang berkaitan dengan pilihan raya. Ini banyak berlaku dan dibuktikan di beberapa kawasan pilihan raya di seluruh negara. Jadi kalau kita lihat di Selangor juga berlaku tambahan dua jam untuk mengundi, di hari mengundi. Ini menunjukkan satu kecelaruan berlaku dalam undang-undang pilihan raya itu sendiri. Jadi saya ingin penjelasan ya, adakah pemantuan dibuat terhadap perkara ini dan siapakah yang bertanggungjawab dalam membetulkan perkara ini dan begitu juga tentang sistem pengiraan undi yang digunakan dalam pilihan raya. Adakah masih menggunakan cara manual? Sebab kita lihat dalam perkembangan teknologi hari ini sepatutnya SPR membuat satu kajian supaya sistem pengiraan yang lebih cekap, tepat dan cepat.

Kita lihat dalam pengumuman pilihan raya baru-baru ini bagaimana dikatakan keputusan tidak rasmi, Kelantan telah diperintah oleh Barisan Nasional? Sedangkan

yang nyata bukan itu keputusannya, ini membuktikan bagaimana ketidakcekan dan ketepatan yang berlaku dalam urusan pengiraan undi.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya. Saya minta maaf Yang Berhormat Siti Zailah kerana mengganggu sedikit dan mencelah sedikit di atas kelancaran ucapan tadi.

Saya ingin mendapat penjelasan berkaitan dengan anggapan Yang Berhormat kecekapan Suruhanjaya Pilihan Raya mengendalikan pilihan raya negara kita. Sebagaimana telah terbukti selepas pilihan raya umum diumumkan oleh SPR dan terbentuknya kerajaan kita secara sah, seluruh negara di dunia telah memberi pengakuan, pengiktirafan dan memuji di atas ketelusan perjalanan pilihan raya kalau dibandingkan sebagaimana Yang Berhormat sentuh tadi tentang Amerika.

Saya ingin sebutkan dan ulangi kembali bagaimana perjalanan pemilihan Presiden Amerika yang menggunakan begitu canggih alat-alat komputernya. Namun keputusan pilihan raya Presidennya di mana Bush diumumkan hanya dibuat oleh mahkamah, tetapi bukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Tambahan pula sebagaimana kita tahu di Florida keputusan yang diumumkan terpaksa tangguh satu hari dan ini adalah contoh-contoh yang telah berlaku di negara yang begitu maju. Apatah lagi pada anggapan saya kredibiliti Suruhanjaya Pilihan Raya dan tenaga-tenaga Suruhanjaya Pilihan Raya begitu cemerlang, begitu dedikasi kerana dapat melaksanakan satu amanah yang begitu berat, walaupun cara kita, acuan kita. Namun begitu pihak NGO dan pihak Kerajaan Australia turut menghantar surat tahniah dan cara pengendalian kita memang di antara yang terbaik di dunia Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat sahabat saya tadi tentang keputusan Sungai Lembing Pasir Putih tersalah diumumkan. Sebagai manusia biasa Yang Berhormat, manusia bukannya malaikat terpaksa melakukan kadang-kadang secara tidak langsung dan tidak sengaja kesalahan mengumumkan siapa yang menang dan siapa yang kalah. Apatah lagi yang diumumkan itu adalah kemenangan kepada pihak pembangkang dan bukan kepada pihak Barisan Nasional, tetapi pihak Barisan Nasional tetap menerima dan kita mengikut prosedur biarlah mahkamah yang memutuskan.

Tentang laporan Suruhanjaya Pilihan Raya yang tidak dapat, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya bukan ingin menjawab bagi pihak Suruhanjaya Pilihan Raya, tetapi ingin juga cuba sebab saya tidak mahu berlaku satu gambaran yang serong dan dituduh kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, saya bukan hendak membela kaki tangan Suruhanjaya Pilihan Raya, tetapi apa yang saya katakan tadi perkara yang tersebut berlaku bukan dirancang, bukan kelemahan Suruhanjaya Pilihan Raya maklumkan Suruhanjaya Pilihan Raya hanya dibuat dalam lima tahun sekali Tuan Yang di-Pertua dan soal keputusan Sungai Lembing itu telah pun disahkan oleh mahkamah dan telah pun serahkan kepada pihak yang benar.

Saya juga ingin menyatakan kepada Yang Berhormat, yang melaksanakan sebagai Pegawai Pengurus di Pasir Puteh adalah juga Pegawai Daerah di Kelantan dan saya tidak tahu apakah Yang Berhormat tujukan kesalahan ini kepada Pegawai Daerah yang juga anak Kelantan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob yang menjawab bagi pihak kerajaan. Sebenarnya bukan kita hendak isu ini, sebenarnya isu ini ialah sebenarnya isu maruah. Bukan kita hendak mempersoalkan masalah Kelantan - Terengganu dan sebagainya. Ini isu maruah, bayangkan jika seorang calon yang diisytiharkan menang tiba-tiba diisytiharkan kalah balik, ini merupakan satu kesilapan yang saya kira walaupun kesilapan manusia, tetapi manusia boleh membuat dan membaiki dan meneliti supaya setiap sesuatu itu dibuat dengan cekap dan amanah. Saya harap perkara ini tidak berulang di masa akan datang. Begitu juga dalam masalah senarai daftar pemilih yang tidak selaras antara yang dibekalkan kepada calon dan dibekalkan kepada kerani di tempat mengundi. Ini juga menimbulkan suasana yang bermasalah dalam pilihan raya kita yang lalu Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin menyentuh Tuan Yang di-Pertua, iaitu B.40 Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang memperuntukkan pertambahan sebanyak RM8,116,300 untuk membiayai Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi 2003. Apa yang ingin saya sentuh di sini ialah pembangunan yang tidak seimbang antara negeri-negeri di Pantai Barat berbanding dengan negeri-negeri di sebelah Pantai Timur.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan telah memperuntukkan lebih daripada RM110 bilion untuk pembangunan 2001 hingga 2005. Sebahagian besarnya iaitu RM37.2 bilion untuk projek pelbagai negeri ataupun projek nasional. Tetapi kita

lihat separuh daripada peruntukan itu adalah untuk negeri-negeri maju contohnya 47% adalah untuk negeri maju seperti Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka dan daripada peruntukan ini Selangor dan Wilayah Persekutuan mendapat sebanyak RM18 bilion ataupun 55%. Tetapi negeri-negeri yang kurang maju di Semenanjung seperti Kedah, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Perlis hanya menerima RM9 bilion atau 13%. Saya ingin penjelasan apakah langkah-langkah kerajaan untuk memajukan negeri-negeri di sebelah Pantai Timur? Sepatutnya negeri-negeri Pantai Timur diberi peruntukan pembangunan yang lebih berbanding dengan negeri-negeri yang telah maju di Pantai Barat, supaya wujudnya keseimbangan, supaya tidak adanya penghijrahan yang sentiasa dilaungkan oleh pemimpin kerajaan yang ada pada hari ini.

Saya juga ingin penjelasan daripada kerajaan tentang isu pendaratan gas di Songkhla, Thailand. Sebab kita semua tahu bahawa isu ini telah berlarutan lebih daripada 10 tahun, yang mana Kerajaan Kelantan telah meluluskan tapak pendaratan gas lebih daripada 5000 hektar, tetapi Kerajaan Persekutuan telah mengalihkan pendaratan ini ke Songkhla, Thailand. Sedangkan sekiranya gas ini didaratkan di negara kita sudah tentu menyediakan peluang pekerjaan yang begitu banyak kepada rakyat tempatan, tetapi apabila gas ini didaratkan di negara luar, yang memperoleh manfaatnya ialah rakyat asing. Setahu saya perkara ini masih belum dikeluarkan. Kita kena tahu Tuan Yang di-Pertua, gas ini ada tempoh matangnya. Apakah kita rela negara kita mengalami kerugian jutaan ringgit semata-mata kerana tidak mahu rakyat Kelantan mendapat royalti daripada hasil gas ini? Di mana keadilan dan ketelusan kerajaan yang memerintah hari ini di bawah rakyat, yang menjadi rakyat kepada negeri dia sendiri?

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Puan Siti. Mungkinkah kerajaan sekarang boleh menimbangkan untuk menaikkan gas tersebut di negeri Terengganu? Itu sahaja soalan saya.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah. Pada pandangan saya kerajaan boleh mengalihkan di mana dia hendak buat, tetapi kalau kita tengok dari segi

perbelanjaan jarak antara tempat pengeluaran gas dengan negeri Kelantan jauh lebih dekat kalau hendak bandingkan pendaratan di Terengganu. Lebih kurang 140 kilometer sahaja jaraknya antara tempat pengeluaran gas dengan bumi pantai Kelantan sedangkan di Songkhla 245 kilometer. Kenapa kita sanggup mengalami kerugian?

Saya mengharapkanlah memohon jasa baik Perdana Menteri kita yang baru, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dengan imej beliau yang begitu mesra rakyat, yang mengutamakan kepentingan rakyat supaya dipertimbangkanlah semula isu masalah gas ini agar supaya gas itu dapat didaratkan di negeri Kelantan supaya ia memberi manfaat kepada rakyat negeri yang dikatakan miskin. Jadi, saya kira kalaulah perkara ini dipertimbangkan, sebab apa guna kita daratkan gas ini di negara luar, sekarang saya mendapat jawapan bertulis dalam soalan saya pada sesi yang lepas, apabila saya bertanya apakah perjanjian telah dibuat dalam isu gas ini antara negara kita dengan negara Thailand, kerajaan telah memberi jawapan rasmi bahawa hasil gas ini akan dibahagi dua, 50-50.

Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, sekiranya hasil gas itu RM1,000 juta, RM500 juta diberi kepada negara asing, sedangkan kita boleh mendarat di negeri kita sendiri yang mana kerajaan sekarang telah bersedia untuk meluluskan tapak pendaratan gas. Saya dapat tahu bahawa penduduk-penduduk di Songkla amat menentang tentang pendaratan gas di negara mereka. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan dalam perbahasan ini minta penjelasan daripada pihak kerajaan sedarkah ini berapa kos yang telah ditanggung oleh pihak kerajaan dalam pembuatan paip bawah laut untuk pendaratan gas di Songkla setakat ini dan bilakah projek ini akan beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau kita lihat apa yang sedang berlaku sekarang ini, sikap yang dibuat oleh kerajaan supaya tidak mendaratkan gas di Kelantan ini seolah-olah kerajaan tidak mengambil berat tentang rakyat sendiri. Jadi, saya ingin penjelasan di Dewan ini bahawa pembangkang sebenarnya bukan musuh ...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Sekejap Dato' ya. Pembangkang sebenarnya bukan musuh tetapi kita adalah kawan yang sentiasa bersedia memberi teguran yang membina dan nasihat untuk sama-sama kita memajukan negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Dato' Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Puan Siti Zailah. Saya tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat bahawa tentang gas, kerjasama di antara negara kita dan negara Thailand. Cuma persoalannya mengapakah kita timbul isu mengata seolah-olah kerajaan kita tidak mahu membantu rakyat kita sendiri. Kerjasama yang kita buat di antara dua negara bukannya ianya merupakan satu kerjasama untuk kepentingan kita dan jiran kita.

Kalau kita benar-benar lihat dari segi keuntungan kita dan jiran, ianya memberi makna bahawa kita merupakan sebuah negara yang juga memikirkan tanggungjawab, bukan hanya untuk membangunkan negara kita, tetapi juga untuk melihat supaya tidak ada masalah di sempadan jiran kita supaya ia tidak menimbulkan masalah yang lebih besar. Kita tidak mahu kalau kita hanya maju, tetapi jiran kita yang begitu mundur sehingga menyebabkan kita besok di sempadan akan terdapat masalah yang lebih besar, mungkin ada kekecohan, pergaduhan dan sebagainya. Jadi, bila Yang Berhormat mengatakan bahawa kerajaan seolah-olah tidak mahu membantu rakyat sendiri, saya rasa itu hanyalah semata-mata analisa Yang Berhormat hanya untuk mengaitkan rasa tidak puas hati, bukannya hari ini kalau kita lihat kerajaan apabila hendak membuat sesuatu, tanggungjawab kerajaan hari ini melihat supaya keseluruhan negara, rakyat duduk dalam keadaan aman dan sentosa. Maksudnya supaya masalah yang mungkin akan timbul diselesaikan lebih awal sebelum melihat secara yang lebih jauh daripada apa Yang Berhormat ceritakan tadi.

Jadi, saya mintalah kalau boleh Yang Berhormat, janganlah dalam kita membahaskan sesuatu mengeluarkan suatu kenyataan seolah-olah kerajaan langsung tidak mahu membangunkan kesejahteraan rakyat dalam negara kita. Jadi, saya minta Yang Berhormat supaya tidak menimbulkan isu ini. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah. Soalnya di sini bukan kita hendak menafikan kerajaan mengambil berat tentang ini ataupun tidak mengambil berat kepada rakyat. Soalnya di depan kita sekarang kita ada dua pilihan, mendaratkan gas yang begitu banyak, hasilnya yang begitu lumayan untuk bumi kita sendiri yang dapat dinikmati oleh rakyat kita. Tempat pendaratan yang ada di negara kita dan telah sedia untuk diluluskan. Kenapa kita mengalihkan pendaratan di negara orang lain, bukan masalahnya kita menafikan kerajaan tidak memberi perhatian kepada rakyat. Tetapi kenapa sekiranya perkara ini

didaratkan di negara kita sendiri, saya kira mungkin Kerajaan Pusat hanya membayar royalti yang 5% mungkin hanya kepada Kerajaan Kelantan.

Tetapi sekiranya kita didaratkan di Songkla, sudahlah jauh jaraknya, 245 kilometer berbanding dengan melalui laut pantai Kelantan hanya 140 kilometer lebih kurang macam itu, kos pengendalian sudah ribu jutaan ringgit kita rugi, satu. Satu lagi kita kena bayar, kita kena buat satu perjanjian apa yang kita patut bahagi hasil ini dengan negara lain. Maknanya, kita telah dapat jelas jawapan daripada Kabinet bahawa hasil ini kena bahagi dua, 50-50. Mana lebih untung, kita beri orang 50-50 atau kita dapat banyak dan hanya bagi sedikit royalti kepada negeri yang kecil.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah merupakan satu andaian bahawa bila kita kata kerajaan tidak mahu ini kerana takut 50% royalti mungkin kita tidak boleh beri kepada Kerajaan Negeri Kelantan, itu hanya andaian. Cuma kita kena kadangkala kerajaan secara yang lebih berhemat tidak boleh membuat sesuatu kenyataan yang mungkin menimbulkan sensitiviti di antara kerajaan negara kita dan juga kerajaan negara jiran. Kita kena faham, saya rasa kerajaan, apabila hendak mengadakan perjanjian yang seperti ini sudah tentu mempunyai satu kajian yang lebih mendalam sebelum kita menandatangani perjanjian di antara dua negara tersebut.

Cuba kita lihat, tadi Yang Berhormat sendiri telah pun bercakap bahawa rakyat di Songkla itu sehingga tidak mahu gas itu dibawa melalui negeri mereka. Itu menunjukkan ada sesuatu di sebalik apa yang kita bercakap hari ini. Janganlah kita mengambil mudah bahawa seolah-olah kerajaan tidak hendak itu kerana tidak mahu memberi keuntungan kepada rakyat sendiri. Saya rasa kadangkala oleh kerana kalau kita lihat Petronas yang hari ini menjalankan kerja yang begitu baik bukan hanya di dalam negara tetapi di seluruh dunia, beberapa negara di dunia hari ini ada Petronas membangunkan pembangunan gas dan juga minyak, menunjukkan bahawa mereka mempunyai kajian yang benar-benar mendalam sebelum membuat sesuatu keputusan.

Jadi, hari ini saya rasalah keputusan yang kerajaan buat selepas nasihat daripada pengurusan Petronas ataupun konsultan, itulah yang menyebabkan kerajaan membuat satu perjanjian di antara kita dan Kerajaan Thailand. Jadi, jangan kita buat andaian seolah-olah kita tak hendak bayar, tak hendak beri perhatian kepada rakyat dalam negara kita sendiri. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Yang Berhormat Dato', sebenarnya andaian ini ada faktanya. Sebelum ini Terengganu diperintah oleh pembangkang PAS. Kerajaan Pusat juga telah menarik royalti ditukar dengan wang ehsan. Ini satu kenyataan. Kita ada sejarahnya, saya bercakap bukan tanpa pengkajian. Saya difahamkan sebelum ini, gas ini apabila ditemui cari gali, ia cuba hendak mendarat di Terengganu. Kebetulan selepas pilihan raya 1995 Terengganu dimenangi oleh pembangkang, terus dialih pula kepada Songkla untuk dimasukkan melalui Changlun, Kedah. Kita ada kronologinya, Yang Berhormat.

Jadi, walaupun apa pandangan Yang Berhormat, saya mintalah jasa baik Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini, begitu jugalah kepada pemimpin negara kita hari ini supaya kita kaji balik, supaya perkara ini dipertimbangkan semula, supaya perkara ini tidak merugikan kita dan rakyat keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang lagikah perbincangan?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Ada sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Oleh kerana masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh bersambung pada jam 2.30 ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang memanggil pihak kerajaan untuk menjawab dan menggulung lebih kurang jam 4.30 petang. Bermakna Yang Berhormat boleh bahagi-bahagikan masa 120 minit ini di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap. Bolehkah saya dapat gambaran berapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap?

Puan Jaya Partiban: *[Bangun]*

Dato' M. Ratnam: *[Bangun]*

Tuan Saravanan a/l Murugan: *[Bangun]*

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: *[Bangun]*

Puan Mariah binti Haji Abdullah: *[Bangun]*

Puan Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Terima kasih. Yang Berhormat Puan Siti Zailah sila teruskan ucapan.

2.33 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung perbahasan saya iaitu menyentuh Maksud B.03 – Jabatan Audit di mana tambahan sebanyak RM994,900 untuk membiayai pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia.

Saya ingin penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, apakah hasil Petronas diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan sekiranya diaudit di manakah laporannya. Setiap tahun kita dapati hasil Petronas begitu lumayan dan saya difahamkan hasil Petronas mencapai angka puluhan bilion. Ke manakah hasil Petronas ini digunakan? Berapakah banyak hasil Petronas yang telah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk kegunaan dalam pentadbiran negara? Adakah benar Petronas tidak pernah mengeluarkan zakat hasil perolehannya setakat ini dan sejauh manakah kerajaan membuat pemantauan terhadap hasil Petronas ini supaya ia benar-benar memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang B.35 berkenaan Kementerian Dalam Negeri yang mana melibatkan tambahan belanja RM143,557,600 yang mana kita tahu dalam suasana dunia hari ini, negara kita sentiasa terdedah kepada pelbagai ancaman sama ada dari dalam atau luar negara. Sudah semestinya peruntukan yang lebih banyak diperlukan untuk keselamatan dalam negara kita.

Saya ingin memberi fokus kepada Jabatan Penjara yang mana kita semua tahu bahawa tahanan pendatang asing tanpa izin sekarang ini semakin banyak dalam negara kita dan lebih daripada 2 juta pendatang asing tanpa izin yang berada dalam negara kita. Apa yang kita sedih ialah melihat contohnya Depot Tahanan Imigresen yang terlalu usang. Ini berlaku apabila saya dilantik oleh kerajaan negeri sebagai Hakim Pelawat Depot Tahanan Imigresen di sebelah Pantai Timur yang mana dalam lawatan saya melihat bangunan yang begitu usang, bangunan papan, kayu yang lebih daripada umur 30 tahun di mana dalam lawatan itu saya melihat banyak pijat-pijat, mungkin Tuan Yang di-Pertua faham binatang pijat-pijat.

Dalam lawatan itu saya lihat ada tiga *baby* yang menjadi tahanan tanpa izin yang mana merah habis badan mereka dan tidak ada tikar hanya duduk di atas papan

plywood yang mana tidak ada kemudahan dan yang paling menyedihkan Tuan Yang di-Pertua ialah tidak ada kemudahan kain untuk sembahyang bagi pendatang atau tahanan yang beragama Islam. Mereka ditangkap sehelai sepinggang dan tidak ada kemudahan yang dapat diberi oleh pihak depot tahanan kerana katanya tidak ada peruntukan untuk membolehkan mereka memberi perkhidmatan untuk menyempurnakan keperluan.

Saya kira ini satu imej kerajaan kita yang sepatutnya kita memberi perhatian dan saya minta Kementerian Kewangan supaya memberi perhatian dan memberi peruntukan yang lebih terutama depot-depot tahanan Imigresen yang kita tahu perkara ini adalah demi keselamatan negara kita. Apa lagilah pagar yang dibuat itu tidak mencukupi dan bangunan itu sekiranya pihak pendatang ini tendanglah saya kira tercabut sebab memang terlalu uzur. Inilah suasana yang ada dan saya mempersilakan kalau boleh Yang Berhormat Menteri silalah datang melawat pusat-pusat yang sedemikian untuk melihat sendiri kedaifan yang ada dalam suasana negara kita demi keselamatan negara kita, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin juga menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, iaitu Jabatan Perdana Menteri. Kita alu-alukan segala usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi kemahiran siswazah di bawah Skim Latihan Graduan yang mana memerlukan belanja tambahan sebanyak RM26 juta. Soalannya, Tuan Yang di-Pertua, berapa ramaikah graduan yang telah menjalani latihan ini yang telah mendapat pekerjaan dan berapa ramaikah setakat ini yang masih menganggur dan kalau boleh saya ingin tahu bilangannya mengikut negeri-negeri di seluruh negara.

Saya ingin juga penjelasan sejauh manakah usaha kerajaan ini benar-benar ikhlas dalam menghayati dasar pemerintahan untuk melaksanakan Islam Hadhari dalam pentadbiran negara kita. Sebab kita lihat dalam mutakhir ini terlalu banyak kes jenayah yang berlaku. Setiap hari masalah pembunuhan, masalah rogol, masalah ragut yang cukup menggerunkan sentiasa berlaku didedahkan dalam media dalam negara kita. Baru-baru ini kita didedahkan dengan satu kes pembunuhan iaitu

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu pendapat Yang Berhormat Puan Siti Zailah, adakah satu kajian telah dibuat untuk mengaitkan kelakuan baik dengan agama. Adakah kita ada bukti yang menunjukkan

kalau seseorang itu pegang kuat kepada agama, maka kelakuannya akan menjadi baik? Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Islam telah merungkai masalah yang menjadi persoalan manusia. Manusia ini, di dalam diri manusia ada seketul daging yang namanya 'hati'. Sekiranya baik hati akan baiklah kelakuannya. Begitulah apa yang ada dalam negara kita.

Sekarang ini kita lihat macam-macam masalah sosial yang berlaku, kesemuanya berpunca saya kira bukan tidak cukup pembangunan, tetapi yang berlaku kerana jiwa mereka kekosongan kerana tidak diisi sebab hati dan jiwa manusia bukan boleh diisi dengan makanan fizikal. Ia perlu diisi dengan iman, diisi dengan takwa dan inilah yang disebutkan oleh Allah S.W.T. dan Al-Quran yang bermaksud '*Sesungguhnya sembahyang itu dapat mencegah kamu daripada segala kejahatan dan kemungkaran*'.

Kita lihat belia-belia hari ini terlalu jauh daripada agama. Berapa ramai belia-belia hari ini yang Islam yang meninggalkan sembahyang. Bukan sahaja belia, saya kira orang tua-tua pun ramai yang meninggalkan sembahyang. Inilah di antara faktor yang menyebabkan mereka tidak ada hubungan dengan Allah S.W.T.

Kalau ibarat seekor binatang, apabila talinya sudah tidak ada tempat 'unjang', dipanggil apa, saya tidak tahulah, tali tempat pengikatnya putus, maka dia akan ... Begitu juga layang-layang, apabila putus tali, maka ia akan bergoyang. Begitulah manusia, apabila putus hubungan dengan agama, putus hubungan dengan Allah, sebab jiwa manusia dicipta, hati manusia memerlukan kepada wahyu, memerlukan kepada hidayah tetapi sekiranya mereka tidak pupuk, tidak suburkan, maka akan berlaku ketempangan, kepincangan dan kita lihat inilah apa yang sedang berlaku dalam negara kita, masalah ini yang kita kira sudah semakin rumit berpunca daripada kelalaian mereka yang jauh daripada, menyimpang daripada kehendak yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Itulah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi baru-baru ini negara kita digegarkan dengan satu kes pembunuhan Norita Samsudin, yang kita tahu satu perkara yang amat mengaibkan dan memalukan. Perkara ini sedih kerana berlaku di kalangan orang Melayu. Dia adalah gadis Melayu yang berketurunan Melayu, yang beragama Islam dan soalnya, kenapa kes ini dibiarkan didedahkan dengan secara terbuka dalam media dan soalnya kenapa

lelaki misteri ini tidak dicari sehingga ke akar umbinya? Kenapa perkara ini tidak disahkan sedangkan kita tahu Kementerian Dalam Negeri menerima peruntukan yang begitu banyak dan kita semua diberitahu bagaimana polis negara kita di antara polis yang paling cekap dalam dunia.

Jadi macam mana seorang lelaki yang misteri tidak boleh dicari? Adakah dia melibatkan orang-orang kenamaan? Apakah kes yang berlaku kepada Mustakizah akan berulang sekali lagi dalam negara kita? Bukan kita tidak tahu, adakah Hanif hanya dijadikan kambing hitam dalam isu ini? Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara Islam yang mendaulatkan agama Islam sebagai agama rasmi, yang melaungkan slogan Islam Hadhari, di mana kedaulatan undang-undang Islam? Hanif yang mengaku beberapa kali dalam mahkamah, bukan mengaku di luar mahkamah. Yang mengaku dalam mahkamah dia telah berzina dengan wanita ini, kenapa tidak dikenakan tindakan undang-undang? Kenapa harus perlu ada laporan lain? Kenapa tidak ada penyelarasan antara Mahkamah Sivil dengan Mahkamah Syariah, sedangkan kita berada di bawah satu Perlembagaan yang sama, di bawah negara yang sama? Di mana letaknya undang-undang Islam?

Saya amat malu sebagai seorang yang berpegang kepada agama Islam apabila undang-undang Islam diperkecilkan sedangkan ini jelas bertentangan dengan agama. Sekiranya perkara ini tidak diambil tindakan oleh kerajaan, saya kira banyak lagi kes seperti ini akan berulang dalam negara kita. Orang yang bersalah akan bebas dengan sebeb-bebasnya. Mereka akan tidak takut mengulangi perkara ini dan kita bayangkan apa akan berlaku kepada generasi kita di masa depan, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya haraplah Kementerian Dalam Negeri mengambil berat tentang persoalan ini dan kita sebagai rakyat Malaysia ingin supaya lelaki misteri ini dikejar sampai ke lubang cacing. Kalau dia melibatkan orang kenamaan, tangkap dan ambil tindakan sebab undang-undang tidak mengira darjat. Kalau inilah Perlembagaan yang telus dan dikatakan adil, maka berilah keadilan yang sebenar-benarnya demi kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pertahanan yang melibatkan perbelanjaan RM174,532,700 yang mana di antara program besar yang di bawah Kementerian Pertahanan ialah Program Khidmat Negara. Kita tahu peruntukan yang begitu besar yang dibelanjakan untuk

mengadakan Program Khidmat Negara dan dua, tiga hari yang lalu, Dewan kita diberitahu bagaimana kerajaan terpaksa membayar ganti rugi kepada IPTA dan beberapa kem di atas kerugian yang dialami kerana mengadakan Latihan Khidmat Negara lebih daripada RM1,559,543.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat menjangkakan akan mengambil masa berapa lama lagi?

Puan Siti Zailah binti Mohd.Yusoff: Dua, tiga minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Tolong tepati janji dua, tiga minit.

Puan Siti Zailah binti Mohd.Yusoff: Betul, insya-Allah. Jadi saya ingin penjelasan, kalau wang yang begini banyak untuk program ini, kenapakah tidak dimasukkan modul agama dalam Program Khidmat Negara. Ini membuktikan bahawa modul yang dibuat itu tidak berkesan sehingga kerajaan terpaksa membayar ganti rugi hasil daripada kegagalan kita membentuk belia dan begitu juga tentang disiplin sembahyang, kenapa tidak diterapkan dalam Program Khidmat Negara.

Jadi saya memohon insya-Allah, dengan peruntukan wang yang begini banyak, sama-samalah kita menjaga supaya wang yang dikumpul dalam negara ini hasil daripada cukai-cukai rakyat seluruh negara supaya benar-benar mendapat manfaat dan memberi kesedaran, membimbing generasi yang akan mewarisi negara kita di masa akan datang. Jadi dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' M. Ratnam.

2.45 ptg.

Dato' M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi laluan kepada saya untuk membahas Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2003 dan Kertas Perintah 15A Tahun 2004. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Maksud B.14 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam sidang Senat ini pada 22 Julai 2004, saya telah membangkitkan soalan pajak gadai. Soalan itu ialah soalan nombor satu pada hari itu. Ianya berbunyi seperti berikut:-

*“1. **Dato' M. Ratnam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah pemilik pajak gadai mengeluarkan resit kepada pemajak barang-barang kemas apabila membayar wang semasa menebus barang itu. Jika tidak, apa tindakan kerajaan untuk memastikan resit dikeluarkan”.*

Soalan ini telah dijawab; saya puas hati dengan jawapan itu. Soalan tambahan saya ialah:-

“Orang miskin dan orang yang memerlukan pinjaman wang segera pergi dan gadai barangan mereka. Kadang-kadang peminjam hanya memerlukan dua atau tiga ratus ringgit, tetapi barang yang digadai itu mungkin adalah bernilai lebih tinggi iaitu dua ribu Ringgit Malaysia ataupun tiga ribu Ringgit Malaysia kerana beliau kira barangan yang bernilai hampir lima ratus ringgit yang mencukupi untuk mendapatkan pinjaman dua ratus atau tiga ratus ringgit.”

Soalan tambahan pertama saya:

“Sekiranya pemajak tidak menebus barangan beliau dalam tempoh yang ditetapkan, apakah risiko beliau apabila hilang barangan yang bernilai dua ribu ringgit atau tiga ribu ringgit itu untuk pinjaman hanya dua atau tiga ratus ringgit”.

Soalan yang kedua:

“Apakah risiko yang akan dialami oleh pemajak apabila pajak gadai itu dipecah dan barangan pajakan ini dicuri seperti yang berlaku di Bidor pada 17 Julai yang lalu, di mana pencuri telah lesap. Cara macam mana tauke pajak gadai itu akan bayar. Adakah satu garis panduan bayaran ganti rugi supaya pemajak tidak dapat kurang dari nilai barangan yang telah dipajakkan itu walaupun pinjaman itu adalah sedikit”.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini amat penting. Orang ramai tidak tahu apa hak beliau apabila barangan yang dipajak itu dicuri. Sekarang dari masa ke semasa kecurian berlaku di pajak gadai. Apabila kecurian berlaku di Bidor, kedai pajak gadai itu telah ditutup dan tidak dibuka sehingga 27 Julai tanpa memberi apa-apa keterangan. Jadi orang ramai tidak tahu apa akan terjadi kepada barang yang telah dipajak. Pada 26 Julai, seramai 200 hingga 300 orang yang telah memajak barangannya berkumpul di hadapan kedai pajak gadai itu untuk mendapat tahu sama ada barangan beliau masih selamat atau telah pun dicuri.

Apabila tauke nampak ramai orang di hadapan kedai beliau, beliau takut untuk membuka kedai itu. Apabila kedai itu dibuka pada 27 Julai, ramai yang mendapati banyak barang-barang mereka yang bernilai tinggi telah hilang tetapi barang-barang yang kecil seperti subang hidung, subang telinga sahaja yang ada. *[Ketawa]* Anehnya, ini mencurigakan. Mengapakah kedai pajak gadai itu ditutup selama 10 hari? Apakah yang berlaku di kedai pajak gadai itu selama 10 hari itu? Adakah penyelewengan berlaku pada masa itu? Tuhan yang tahu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya sahaja hendak tunjuk dua *paper cutting*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikitlah.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Ratnam. Bila Yang Berhormat Dato' Ratnam sebut tentang "Tuhan sahaja yang tahu", saya kira Yang Berhormat Dato' Ratnam pun percaya tentang kuasa Tuhan. *[Datuk Ratnam memberi isyarat yang beliau kurang jelas apa yang disebutkan]* ... tentang kuasa Tuhan, Dato' Ratnam percaya tentang kuasa Tuhan. *[Datuk M. Ratnam mengangguk-anggukkan kepala]*

Saya hendak mohon penjelasan Yang Berhormat Dato' Ratnam, adakah Dato' Ratnam pernah berjumpa dengan pajak gadai yang menggunakan cara Islam? Misalnya Bank Rakyat, saya ingat ada pajak gadai secara Islam. Saya ingat kalau ia diperkenalkan, saya kira semua agama boleh terima kerana semua agama yang kalau dia memajakkan barangan mengikut sistem pajakan Islam, dia dapat melindungi ataupun dia boleh melindungi keselamatan hartanya kerana dalam sistem pajak gadai Islam, apabila dia, katalah, barangannya bernilai RM2,000 tadi, ia pajakkan untuk RM300.00. Bila sampai tempohnya dia tidak boleh tebus, memang pajak gadai itu boleh jual barang dia dengan harga RM1,800 misalnya – harga asal RM2,000 tetapi dijual dengan harga RM1,800 tetapi kedai pajak gadai Islam itu mesti memulangkan balik baki wang yang dia jual. Katakan RM1,800, nilai yang dipajakkan RM300.00, maknanya RM1,500 itu mesti dipulangkan balik kepada tuan punya barang yang dipajakkan. Dia hanya boleh potong tentang bayaran perkhidmatan, *service charge* sahaja.

Ini yang diperkenalkan dalam sistem pajak gadai Islam. Maknanya orang yang memajakkan barang-barangnya di pajak gadai Islam seperti yang ada sekarang ini yang dibuat oleh Bank Rakyat, bermakna pemajak-pemajak itu akan terselamat daripada apa yang telah disebutkan oleh Dato' Ratnam tadi. Boleh Dato' Ratnam bersetuju dengan pandangan yang saya berikan ini?

Dato' M. Ratnam: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri. Siapa tiada percaya kepada Tuhan? Semua manusia percaya kepada Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam *Bagavat Gita* dikatakan macam mana? *[Datuk Ratnam memberi isyarat tidak mendengar dengan jelas]* Dalam *Bagavat Gita!*

Dato' M. Ratnam: Saya mohon maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya belum baca *Bagavat Gita* itu. *[Ketawa]* Kita mesti percaya kepada Tuhan. Cara sembahyang ada berlainan tetapi Tuhan satu sahaja. Ada banyak jalan hendak ke Kuala Lumpur, you boleh ikut mana-mana jalan pun tetapi perkara penting ialah asalkan sampai ke Kuala Lumpur. Macam itu jugalah, Islam ada caranya, *Hinduism* ada caranya, *Buddhism* ada caranya, *Christianity* ada caranya tetapi Tuhan tetap satu. Kita percaya kepada Tuhan.

Jadi, mengenai keterangan kepada pajak gadai cara Islam, pajak gadai cara Islam yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat, saya tidak tahu sama ada orang bukan Islam boleh memajakkan barangan mereka di situ. *[Tuan Hassan Shukri menganggukkan kepala menandakan boleh]* Walau bagaimanapun, pajak gadai adalah tetap pajak gadai - kita perlu bayar *service fee* seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi.

Dan seperti yang telah diterangkan, kalau barang itu RM2,000, dia pinjam RM500, bank itu akan pulangkan RM1,500, itu cara yang betul. Tetapi pajak gadai ini tidak tahu apa telah jadi, bila sampai tempoh enam bulan, kalau you tidak pergi tebus barang itu, selepas dua tiga bulan you pergi, dia kata, "Sudah mati, apa you tidak datang ambil you punya barang?" "Mati, mati, tidak boleh". Orang yang tidak faham selok-belok undang-undang, dia akan diam sahaja, dia balik. Jadi tauke yang untung. Hari itu bila saya soal, satu jawapan yang lengkap tidak diberi kepada saya dan saya pun tidak berpuas hati. Pada hari itu Tuan Yang di-Pertua kita pun sudah menolong dia. *[Ketawa]* Tidak mengapalah. Saya boleh terima cara pajak gadai Islam itu, tiada masalah.

Jadi, saya hendak tunjukkan dua keratan akhbar. Tengok. *[Menunjukkan kepada Dewan dua keratan akhbar Tamil bergambar]* Semua ini adalah orang-orang miskin yang berkumpul di hadapan kedai tersebut. Tengok, tengok, tengok. *[Ketawa]* Itu adalah pada hari pertama. Mereka datang tetapi tauke tidak mahu membuka kedai. Hari yang kedua, mereka pergi lagi ke kedai itu, menengok dan mendapati barang-barang yang kecil masih ada tetapi barang-barang yang bernilai sudah hilang.

Bukankah aneh? Mesti ada sesuatu yang berlaku yang kita tidak tahu. Itulah saya katakan, Tuhan sahaja yang tahu, Maha Kuasa.

Mengikut pihak polis, hanya dua dari enam peti yang mengandungi barangan itu hilang. Jadi barangan emas dalam empat peti lagi itu terselamat. Bermakna hampir 70 peratus barangan emas itu adalah selamat itu kiraan sayalah kalau dua peti dicuri yang *balance* hampir 68 peratus, saya *round-up* kepada 70 peratus, barangan emas itu selamat. Ramai yang membuat pemeriksaan di kedai pajak gadai itu mendapati barangan mereka hilang, manakala bagi yang lain-lain, barangan yang mahal sahaja yang hilang.

Tuan Yang di-Pertua, dari berita dalam surat khabar *Tamil Nesan* bertarikh 28 Julai, iaitu semalam, didapati bahawa dalam surat pajakan barang-barang yang diberi oleh kedai pajak gadai itu, tiada ruangan yang menunjukkan "berat emas" ataupun nilai barangan yang dipajak. Orang miskin hantar barangan mereka yang hendak dipajak ke kedai pajak gadai, mungkin nilainya RM3,000 ataupun senilai dengan berat emas itu, tetapi perkara ini tidak dicatat di dalam resit. You pinjam RM300, saya tidak tahu macam mana perkiraan dibuat untuk bayaran balik. Itulah satu masalah yang dihadapi oleh orang miskin, ramai orang miskin.

Saya minta pihak kementerian mengambil berat perkara ini kerana ia melibatkan ramai orang miskin. Itulah apabila seseorang yang memerlukan hanya RM200 atau RM300 tetapi memajakkan barangan yang bernilai RM2,000 ataupun RM3,000, apabila barangan ini dicuri, berapakah ganti rugi akan dibayar? Saya ulangi, berapakah ganti rugi akan dibayar oleh pemajak itu?

Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang diberi oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk soalan tambahan saya pada 22 Julai itu tidaklah berapa jelas, tidak memberikan butir-butir mengenai bayaran ganti rugi. Saya diberitahu oleh kementerian, ada peraturan yang telah diluluskan oleh Parlimen tetapi peraturannya masih diperbincangkan lagi, belum selesai lagi, kata mereka. Apa lagi yang hendak dibincangkan selepas diluluskan oleh Parlimen? Mengapa ia memakan masa yang begitu panjang?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah peraturan yang telah diluluskan oleh Parlimen yang masih lagi hendak dibincangkan? Bincang apa? Bolehkah kementerian memberi satu jawapan yang *detail* semasa penggulungan perbahasan mengapakah ia memakan masa yang sebegitu panjang?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu menganggap perkara ini sebagai satu perkara yang serius yang melibatkan orang miskin, benar-benar orang miskin. Mengikut surat khabar, 90 peratus orang yang telah memajukan barangan mereka adalah orang Malaysia berketurunan India. Kebanyakannya adalah terdiri daripada pekerja-pekerja ladang, pekerja buruh dan lain-lain. Orang-orang ini telah mengumpulkan wang mereka sedikit demi sedikit untuk memberi barangan emas untuk ditunaikan pada masa keperluan ataupun kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya yang berkenaan daripada kerajaan campur tangan dalam hal ini bersama-sama Polis dan menyiasat mengapa barang-barang kecil terselamat dan barangan yang bernilai tinggi didapati hilang. Dengan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta laluan. Hujah-hujah Yang Berhormat sekarang adalah berkisar terhadap perkara yang sama. Masa bagi kita adalah terhad. Kalau boleh Yang Berhormat simpulkan.

Datuk M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua, saya alihkan kepada perkara yang kedua sekejap sahaja. Saya merujuk kepada Maksud B.08 – Jabatan Perkhidmatan Awam dengan peruntukan RM170 juta untuk membiayai program tajaan pelajar-pelajar di dalam dan di luar negeri bagi tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini keputusan peperiksaan SPM dan STPM banyak yang dapat 4A ataupun 3A dengan 1B telah tidak dapat memasuki universiti. Universiti-universiti kita tidak dapat menampung permintaan dari kesemua murid-murid. Oleh itu, ada banyak juga yang terpaksa memasuki universiti tempatan, swasta ataupun universiti luar negara. Mengapa murid-murid ingin melanjutkan pelajaran di luar negara? Ini kerana mereka tidak dapat memasuki universiti tempatan.

Saya mencadangkan supaya kesemua yang layak untuk melanjutkan pelajaran tidak mengira siapa, diberi pinjaman oleh kerajaan. Persepsinya ialah bahawa yang bukan bumiputera kebanyakannya tidak dapat memperoleh pinjaman kerajaan ataupun daripada JPA.

Baru-baru ini di atas desakan Presiden MIC, hanya 62 orang murid dapat memperolehi pinjaman pelajaran. Persepsi orang ramai ialah bahawa yang bukan bumiputera susah hendak dapat biasiswa ataupun pinjaman. Mengapa kerajaan beri peluang untuk wujudkan satu persepsi seperti itu? Berilah pinjaman kepada semua murid-murid yang menjadi anak negara ini iaitu rakyat Malaysia kepada semua yang

cemerlang dan layak untuk melanjutkan pelajarannya di universiti di dalam negara dan luar negara. Ini pinjaman sahaja. Apa hendak disekat ini?

Dewan Rakyat dan Dewan Negara boleh menimbang dan meluluskan peruntukan yang berlebihan kepada JPA untuk tujuan pinjaman. Sekiranya kerajaan memberi pinjaman kepada kesemua yang layak, persepsi ini tidak akan wujud di kalangan orang ramai dengan persepsi seperti ini. Bukan itu sahaja, negara kita juga melahirkan banyak orang cendekiawan ataupun intelektual dengan pelajaran tinggi. Ini akan menjadi satu khazanah untuk negara kita. Ini akan merangsang kemajuan negara kita kepada Wawasan 2020 iaitu satu negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, semasa penggulungan perbahasan ini, satu jawapan yang memuaskan diminta diberi. Dengan kata-kata ini, saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Tambahan (2003) 2004 dan Kertas Perintah 15A tahun 2004. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu.

3.05 ptg.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk sama-sama membahaskan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, izinkan saya memberi sedikit gambaran, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya saya meminta pihak kerajaan menjawab dan menggulung pada pukul 4.30 petang, Yang Berhormat mempunyai lebih kurang 85 minit untuk berkongsi sesama Yang Berhormat-Yang Berhormat dan kiranya kerajaan mengambil masa satu setengah jam, Dewan boleh ditangguhkan lebih kurang pukul 6.00 petang.

Sekiranya Yang Berhormat mengambil masa yang lebih, maka terpaksa Dewan ini memanjangkan sidangnya selaras dengan usul yang telah pun diluluskan. Tetapi pada peringkat ini saya masih bercadang untuk cuba memanggil kerajaan menjawab dan menggulung pada pukul 4.30 petang. Terima kasih. Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengingatkan saya. Dalam membahaskan ini saya tidak berhajat untuk menyentuh banyak perkara, tetapi saya akan memfokuskan satu perkara dalam Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang mana saya rasa kalau kita lihat berdasarkan kepada peruntukan yang telah diberikan dan yang telah dibelanjakan oleh

kementerian dalam peruntukan yang ada di dalam akta ini di mana kebanyakannya telah diberi untuk melaksanakan tanggungjawab kewangan dan tanggungjawab yang dipohon untuk melaksanakan tugas-tugas yang belum selesai.

Dan juga insentif bonus untuk meningkatkan prestasi di kalangan kakitangan kerajaan yang mana bila cukup tahun kakitangan kerajaan begitu tersenyum lebar dan dapat membelanjakan kewangan mereka untuk membantu anak-anak sekolah dan juga meningkatkan taraf kesejahteraan hidup mereka.

Jadi di sini bila kita mendapat insentif, kita kadang-kadang lupa terhadap pembangunan orang-orang luar bandar. Kita lihat di sini, saya ada dua paparan yang boleh, Tuan Yang di-Pertua, satu, "Tiga Kampung Orang Asli Masih Ketinggalan". Ini berita tahun 2004 ini, "Kita Tanya YB" oleh media kita.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada media kerana dengan ruang yang diberikan ini telah meringankan kerja wakil rakyat untuk turun padang. Dan kalau ini juga wakil-wakil rakyat ini tidak boleh turun padang, maka susahlah kita sebagai rakyat yang ada untuk meningkatkan ekonomi mereka yang di luar bandar. Yang saya lihat di sini, sudah 46 tahun kita merdeka....

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: 47 tahun.

Tuan Osman bin Bungsu: 47 ya? 47 tahun kita merdeka, kawasan yang begini kecil, air tidak ada, elektrik tidak ada, apatah lagi jalan yang setiap hari merentas hutan untuk keluar menghantar anak mereka pergi sekolah. Bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, apakah ini yang akan kita biarkan begini selama-lamanya. Kita tengok ini kampung... [*Melihat keratan akhbar*] Terpaksa pakai cermin mata Tuan Yang di-Pertua, kerana sudah tua juga ini.

Ini Kampung Tanah Gembur Lama, Tangkak, Muar. Kampung ini saya telah pergi melawatnya. Apa yang diberitahu oleh wakil rakyatnya, izinkan saya membaca, Tuan Yang di-Pertua, *quotation* yang diberi oleh wakil rakyatnya iaitu Dato' Yap Cheng Dong berkata, "Permintaan penduduk untuk jalan berturap itu telah dimaklumkan kepada Unit Pembangunan Negeri sejak dua tahun lalu tetapi sehingga kini, projek tersebut gagal dilaksanakan atas alasan tiada peruntukan."

Yang kedua, "Walau apa pun beliau tetap berharap kerajaan negeri dapat bertindak segera untuk membina jalan sepanjang kira-kira lapan kilometer dari kampung itu ke Bekuh untuk memudahkan penduduk selain menyediakan bekalan elektrik."

Ini saya rasa amat penting rayuan ini, terutama Timbalan Menteri Kewangan sudah ada. *[Disampuk]* Menteri Kewangan sudah ada. Saya harap...

Tuan Yang di-Pertua: Bukan Timbalan Yang Berhormat, Menteri.

Tuan Osman bin Bungsu: Menteri Kewangan sudah ada di sini, haraplah peruntukan di luar bandar ini perlu ditambah...

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya saya telah melonggarkan Peraturan Mesyuarat tadi. Peraturan Mesyuarat 34(6) berbunyi: "*Kecuali jika dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, seseorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibacakan cabutan-cabutan daripada buku atau surat-surat kerana hendak menolong hujahnya dan boleh ditengoknya peringatan-peringatan bagi mengingatkan balik apa yang hendak dicakapnya.*" Jadi, Yang Berhormat kena minta kebenaran dahulu sebelum tunjuk surat khabar itu.

Tuan Osman bin Bungsu: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi sudah minta keizinan, tetapi Tuan Yang di-Pertua diam sahaja, jadi saya ingat sudah mengganggu itu nampaknya setujulah tadi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Adakah itu sindiran yang saya cuai? Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: Tuan Yang di-Pertua, izinkan satu lagi surat khabar ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi, Orang Asli juga, ini semuanya di luar bandar. Orang Asli masih perlukan bantuan. Satu daripada isi yang saya dapat, Tok Batin Kampung Punan, Lilin bin Jumpa, 48 tahun berkata, sejak dari dahulu perkampungannya tidak mempunyai kemudahan jalan yang baik dan meminta supaya perkara ini dapat disediakan oleh kerajaan sementara Tok Batin Kampung Peta, Sangka Cuka, 47 tahun pula berkata, mereka menghadapi masalah bekalan elektrik sejak sekian lama. Bayangkanlah 47 tahun merdeka, Orang Asli telah diwujudkan Akta 134, sebelum merdeka pun, tujuh tahun sebelum merdeka pun, Orang Asli sudah diberi tanggungjawab kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk mengurus. Bayangkan sampai hari ini tidak jauh, walaupun beri peruntukan RM2 juta, selesai saya rasa masalah di kampung ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal kita membahaskan ini, saya melihat bahawa kementerian membuat projek ini tidak berfokus. Dapat duit, tabur di kampung, sedikit-

sedikit, dua tiga biji rumah, hendak tunggu lima tahun lagi, rumah itu sudah peroi. Baik, dua tahun atau lima tahun lagi, kita bina lagi rumah yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan perbelanjaan yang besar juga perlu diperuntukkan dan biarlah berfokus. Maksud saya berfokus di sini, kalau hendak bangunkan satu kampung, biarlah ada elektrik, air dan jalan supaya perhubungan di antara Orang Asli dengan masyarakat luar dapat dipertingkatkan dan dia dapat dilepaskan, satu masa, dia tidak perlu minta lagi. Kalau dia sudah lengkap, dia boleh cari makan sendiri, dia boleh menghantar hasil mahsulnya, dekat kampung, cukup banyak. Dalam hutan ialah bank Orang Asli, ubi jagat ada, Misai Ali ada, Kacip Fatimah ada, Tongkat Ali ada, apa lagi? Semuanya ada dalam kampung yang mana produk ini perlu. Tetapi oleh kerana jalan tidak ada, hendak dibawa ke situ, hendak dihantar ke bandar, memakan masa yang begitu jauh. Sampai di bandar, mereka pun sudah letih, bawa beras 10 kilo, sampai di rumah, berhenti tengah jalan, habis lima kilo.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minat mengikuti ucapan Yang Berhormat, tetapi sepanjang ucapan ini Yang Berhormat telah dengan izin, *make the point*, ketara, apa Yang Berhormat hendak nyatakan tadi. Bolehkah Yang Berhormat beralih kepada perkara yang lain?

Tuan Osman bin Bungsu: Okey terima kasih. Yang penting ialah menambahkan peruntukan untuk pembangunan Orang Asli dan dibuat secara berfokus. Sekian, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cukup sayang dengan cara Yang Berhormat. Tuan M. Saravanan.

3.15 ptg.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 dan Kertas Perintah 15A.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup hairan apabila Tuan Yang di-Pertua menyoal mengenai “bahawa kita”. Saya rasa ia akan mencatatkan ucapan saya sekiranya saya tidak memberi penjelasan “bahawa kita”, itu adalah saranan daripada Tuhan kepada manusia, manakala “terikula” adalah saranan manusia kepada manusia. Saranan “bahawa kita” sebenarnya meneruskan perjuangan atau perkhidmatan kamu secara

suci dan ikhlas, keputusan itu adalah di tangan Tuhan Yang Maha Berkuasa. "bahawa kita" juga berbunyi sebagai, "berkhidmat untuk negara dan rakyat dengan secara ikhlas, biar apa juga penghinaan dan pertuduhan yang anda hadapi, masa hadapan anda akan ditentukan oleh Tuhan Yang Maha Berkuasa". Itulah saranan "bahawa kita", dengan kata-kata ini saya cuba melajukan ucapan saya pada petang yang berbahagia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Apa pula kata "Khalidas" atau "Khalidasar"?

Tuan Saravanan a/l Murugan: Belum baca lagi Tuan Yang di-Pertua.

[Ketawa] Selamat petang, Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh bertenang, ini semua kawan.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, apabila menyoalkan tentang "Khalidas", saya teringat "Kamasutra", itu yang menjadi masalahnya. *[Ketawa]* Pada hari ini, saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Saya rasa tertarik untuk membentangkan permasalahan yang berkaitan dengan media elektronik terutama saluran radio.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu radio adalah satu salah sumber untuk kita mendapatkan hiburan dan juga informasi-informasi terkini yang berlaku di dalam dan luar negara. Mesej-mesej yang ingin disampaikan akan sampai terus kepada pendengar. Namun pada hari ini fungsi sebenar radio telah disalahgunakan oleh pihak tertentu. Penyalahgunaan yang saya maksudkan di sini adalah semakin banyak iklan diudarkan. Ini menyebabkan minat pendengar semakin berkurangan dan sesetengah mesej penting dari kerajaan tidak sampai kepada pendengar melalui saluran yang sepatutnya ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita dengar radio seolah-olah sedang mendengar radio iklan semata-mata sehinggakan masyarakat naik jemu dengar radio. Berpuluh-puluh syarikat sanggup berhabis duit untuk mengiklankan barangan mereka di radio, kerana mereka tahu terdapat berjuta penduduk di negara ini adalah pendengar radio yang setia, maka mesej iklan akan terus sampai kepada pendengar. Sedikit sebanyak pendengar akan terpengaruh dengan iklan yang disampaikan. Maka saya minta pihak Kementerian Penerangan mengawal segala iklan-iklan itu supaya tidak keterlaluan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya mengambil beberapa contoh mengenai kebanjiran iklan di stesen radio tempatan. Semakin banyak stesen radio mengaut

keuntungan dengan mengiklankan tentang ubat-ubat tradisional tempatan. Walaupun cara penyampaiannya agak meyakinkan dan boleh menarik minat lebih ramai pendengar serta pembeli, tetapi di manakah jaminan keberkesanan dan kualiti ubat-ubatan tersebut yang rata-rata menjerumus ke arah kesihatan pengguna. Saya yakin masyarakat negara ini turut sedar akan permasalahan ini, tetapi tidak tahu saluran mana yang hendak diadakan serta bertanya.

Dalam masalah ini saya berharap Kementerian Penerangan dan juga Kementerian Kesihatan dapat mengkaji terlebih dahulu ubat-ubatan yang diiklankan seperti mengkaji kandungan bahan yang digunakan, meneliti kesannya kepada pengguna serta peringkat umur yang dibenarkan mengambilnya. Sekiranya kita gagal ambil tindakan, maka ia bukan sahaja mengurangkan pendengar radio, akan tetapi ia juga akan membawa kesan buruk kepada kementerian-kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, isu satu lagi yang ingin saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, saya juga turut tertarik untuk membahaskan mengenai isu kelab-kelab malam yang beroperasi lebih daripada masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan khususnya di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, di Wilayah Persekutuan terdapat banyak kelab malam yang tumbuh bagaikan cendawan khususnya di sekitar kawasan Bangsar dan Hartamas. Ada di antara mereka ini menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah kerana lebih memikirkan tentang keuntungan. Apa gunanya hanya sekali skala sahaja menjalankan operasi dan mengeluarkan berpuluh-puluh saman, tetapi usaha tersebut langsung tidak efektif malah peniaga-peniaga seolah-olah tidak peduli sama sekali. Di sini sekali lagi peranan kerajaan harus ditunjukkan dan tindakan tegas perlu diambil dengan tidak membenarkan kelab-kelab malam beroperasi tanpa lesen hiburan ataupun lesen minuman keras yang sah.

Selain itu mungkin dengan mengarahkan peniaga menutup sahaja premis mereka akan lebih mendorong mereka untuk memperoleh lesen atau pihak berkuasa memberi lesen yang sah setelah syarat-syarat yang ditetapkan dipatuhi oleh peniaga-peniaga. Di sini saya ingin meminta pihak kerajaan turun padang untuk menyaksikan sendiri bagaimana kelab-kelab malam ini beroperasi dan lihat sendiri kelalaian anak-anak muda kita menikmati hiburan yang tiada batasan.

Cuba Yang Berhormat Ahli Dewan Negara ini dan Tuan Yang di-Pertua turun sekali ke Jalan Telawi Bangsar pada Jumaat malam atau Sabtu malam. Nanti jangan

melekat di sana pula dan Yang Berhormat akan saksikan satu kehidupan yang telah menjadi seperti kehidupan budaya Barat atau lebih setanding dengan budaya Barat. Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat lihat segala saranan kerajaan tapi satu sahaja kebaikannya iaitu segala saranan kerajaan tentang perpaduan kaum wujud di sana. Tiada sebarang diskriminasi.

Memang perpaduan itu perlu dipupuk tetapi cara merealisasikan perpaduan tersebut adalah bertentangan dengan saranan kerajaan. Di mana di sana kita lihat mereka menari, minum, gelak dan ketawa bersama yang tidak tahu hujung pangkalnya. Jadi pemandangan ini adalah kurang menyenangkan untuk negara membangun seperti negara kita.

Dato' M. Ratnam: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ya....

Dato' M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua:seperti yang saya katakan.....

Dato' M. Ratnam:ini...

Tuan Yang di-Pertua:ungkapannya Tuan Yang di-Pertua

Dato' M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua:saya pohon laluan.

Dato' M. Ratnam: Terima kasih kerana memberi laluan. Ini saudara saya Yang Berhormat Senator Saravanan adalah orang muda. Kita tahu dia suka *enjoy* sikit. Saya hendak tanya sama ada beliau juga ada melawat ke tempat ini dan *enjoy* juga di situ. Sekian. [*Ketawa*]

Tuan Saravanan a/l Murugan: Inilah dia musuh dalam selimut.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Saravanan a/l Murugan: Saya yakin sudah tentu Ahli-ahli Yang Berhormat tertanya-tanya bagaimana saya tahu tentang kegiatan kelab malam ini. Sebenarnya saya sendiri pernah turun padang untuk menyaksikan sendiri suasana di sana dan.....

Tuan Yang di-Pertua: Bukan turun padang Yang Berhormat, turun kelab.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Saravanan a/l Murugan:untuk menyaksikan sendiri suasana di sana dan menilai sejauh manakah kemodenan arus pembangunan negara kita menganjurkan generasi kita, itu sahaja yang bakal menjadi pelapis pemimpin negara

kelak. Maka setelah membuat pemerhatian saya berpendapat bahawa kerajaan serta pihak berkuasa tempatan perlu betul-betul tegas di dalam membanteras kegiatan kelab-kelab malam yang melebihi masa yang ditetapkan ini. Tuan Yang di-Pertua, berhibur itu tidak salah tetapi biarlah ada batasannya.

Satu lagi yang menarik perhatian saya ialah petang kelmarin sahabat saya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan mengenai isu ganjaran yang patut diberikan kepada rakyat tempatan yang telah berjaya mengharumkan nama negara di persada antarabangsa sama ada melalui pendidikan, sukan atau bidang-bidang lain.

Pada hari ini saya juga tertarik untuk melanjutkan perbincangan beliau serta mengulas serba sedikit tentang isu tersebut. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kelmarin beliau telah menyatakan kadang-kadang kaum selain daripada kaum bangsa Melayu akan dianaktirikan apabila mencatat sejarah di dalam bidang-bidang tertentu. Isu-isu seperti ini amat sensitif untuk dibahaskan di sesebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum.

Sekiranya ingin dibahaskan juga maka perlulah mengambil beberapa aspek-aspek utama agar tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak. Sebagai warganegara Malaysia yang bukan bumiputera saya berasa cukup bangga menjadi rakyat Malaysia. Di negara inilah saya boleh duduk berbincang semeja dengan bangsa-bangsa lain. Di negara inilah saya juga boleh berurusan dengan pelbagai bangsa walaupun semuanya datang dari agama, budaya dan bangsa yang berlainan. Diskriminasi bukan dasar sebenar Kerajaan Barisan Nasional di negara ini. Kita sendiri boleh lihat kemajuan yang dicapai oleh negara kita sekarang ini adalah hasil gabungan idea pelbagai bangsa sehingga tercetusnya elemen-elemen yang mampu mengangkat Malaysia di mata dunia. Akan tetapi perkara-perkara kecil yang tidak diambil berat oleh kerajaan akan memberi gambaran atau impak yang berbeza dari satu sudut pandangan masyarakat umum.

Di sini saya ingin menyentuh sedikit tentang kisah Datuk Azhar Mansor, wira negara yang telah menjadi rakyat Malaysia pertama berjaya mengelilingi dunia dengan menggunakan kapal layar dan Datuk Malik pula berjaya merentasi Selat Inggeris hanya dalam masa beberapa jam dalam suhu kesejukan yang tinggi telah dianugerahkan pangkat yang membawa gelaran Datuk kepada kedua-duanya. Ya, kita memang betul-betul bangga dengan pencapaian mereka yang telah membuka mata

dunia untuk melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang bersedia menyaingi negara-negara lain.

Tetapi apabila Encik Mohandas dan Mahendran berjaya menjadi rakyat Malaysia pertama sampai ke puncak Gunung Everest, mengapakah mereka tidak mendapat ganjaran yang sama seperti Datuk Azhar dan Datuk Malik. Perkara ini sedikit-sebanyak membuat ramai khususnya kaum keturunan bukan Melayu tertanya-tanya mengapa perkara seperti ini boleh berlaku sedangkan mereka juga bertarung nyawa untuk sampai ke puncak dan satu tujuan iaitu mengharumkan nama negara.

Sebenarnya bukan gelaran Datuk yang dicari tetapi mengapa mereka berdua seolah-olah dianaktirikan dari dua wira negara selepas mereka mendapat gelaran sedangkan tujuan mereka adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua, perlu disedari bahawa Datuk Azhar dan Datuk Malik telah diberi pengurniaan ini oleh Kerajaan Negeri dan Istana. Manakala Encik Mohandas dan Mahendran adalah daripada Wilayah Persekutuan yang tidak mempunyai Sultan atau Kerajaan Negeri. Di sinilah kita perlu memainkan peranan sebagai Ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab untuk membawa perkara-perkara begini untuk pandangan dan tindakan Kerajaan Pusat khususnya Kelab Senator iaitu sebagai satu kelab yang mulia di negara ini boleh mengambil berat isu-isu seperti ini bagi mencari jalan penyelesaian

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Biar dulu.....

Tuan Yang di-Pertua : Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya menghabiskan ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta izin habiskan hujah dahulu.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Ini bukan sahaja menggambarkan Kerajaan Barisan Nasional sebagai sebuah kerajaan yang prihatin malahan ianya juga akan mengharumkan nama baik Kelab Senator itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang merisaukan saya dan saya merayu kepada pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya mengkaji semula pendirian kementerian terhadap pengeluaran besi demi menjaga masa depan syarikat-syarikat pembuatan tempatan sekali gus.....

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan sebelum Yang Berhormat pindah.....

Tuan Yang di-Pertua: Tadi kawan seorang itu Yang Berhormat tidak beri laluan. Sekarang kawan satu lagi mohon. Yang mana satu yang hendak diberi laluan dahulu.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua biar saya adil kepada semua. Saya habiskan ucapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan ucapan dahulu.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengkaji semula pendirian kementerian terhadap pengeluaran besi demi menjaga masa depan syarikat-syarikat pembuatan tempatan dan sekali gus dapat bersaing di dalam dan luar negara khususnya bagi harga besi, *hot-roll coil* dengan izin. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini Mega Steels merupakan sebuah syarikat pengeluaran besi *hot-roll*.....

Tuan Yang di-Pertua: Lama lagikah Yang Berhormat?

Tuan Saravanan a/l Murugan: Lagi sedikit saja. *Hot-roll* tunggal di negara ini. Apabila tiada persaingan di negara ini maka harga besi adalah tertakluk kepada pengeluar sendiri untuk menetapkan harga. Ini bukan menunjukkan suasana yang baik bagi sesebuah negara dalam proses kemajuan yang pesat. Pada 21 Julai 2004 dalam soalan tambahan saya telah menyoal pihak kementerian supaya menyatakan jumlah pengeluar besi di negara ini dan jawapan daripada pihak kementerian adalah bahawa terdapat lima buah syarikat seperti yang dinyatakan dalam *Penyata Rasmi Parlimen* pada hari tersebut.

Pada ketika itu saya tidak dapat memperbetulkan dan menambahkan pertanyaan saya kerana kesuntukan masa dan juga Tuan Yang di-Pertua yang tidak membenarkan saya berbuat demikian. Sebenarnya syarikat yang dinyatakan oleh pihak kementerian tidak menghasilkan *hot-roll coil*. Oleh itu kerajaan harus memberi pandangan yang serius terhadap perkara ini supaya tidak mengizinkan sesiapa memonopoli industri ini dengan sewenang-wenangnya. Ini kerana *hot-roll coil*, dengan izin, merupakan bahan yang penting untuk pengeluaran tempatan. Jadi saya minta pihak kerajaan apakah sebab Mega Steels perlu dilindungi. Sekiranya sesiapa ingin mengimport besi yang lebih murah dan besi yang sama daripada luar negeri kerajaan mengenakan duti....

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat yang dikasihi Yang Berhormat Tuan M. Saravanan. Saya rasa dalam hal ini pada pandangan saya Yang Berhormat dan mungkin setengah pandangan daripada rakan-rakan.

Dalam keadaan sekarang kerajaan telah menunjukkan ketelusan yang luar biasa tidak kira dalam jabatan kerajaan mahupun syarikat-syarikat yang pengurusannya tidak cekap dan menyalahgunakan kuasa atau *abuse the power*, dengan izin, dan lain-lain. Tetapi apabila Yang Berhormat melahirkan perasaan dilindungi, saya rasa itu kurang tepat kerana syarikat yang dimaksudkan bekas pengurusan tertinggi pun dalam proses pendakwaan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Tuan Saravanan a/l Murugan: Sebenarnya Mega Steels adalah pengeluar tunggal besi *hot-roll coil*, dan harganya Mega Steels menetapkan, harga *hot-roll coil* daripada luar negara dan luar daripada Malaysia itu cukup murah, tetapi kerajaan tidak membenarkan sesiapa bawa masuk *hot-roll coil* daripada luar negara. Sekiranya, ingin bawa daripada luar negara, maka kerajaan mengenakan *tax* sebanyak 50%. Apa rasionalnya? Biar pihak kementerian menjawab soalan ini dan sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu lagi perkara – saya akan lajukan perkara ini, yang saya berasa.....

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat teruskan, saya ingin bertanya kepada

Tuan Saravanan a/l Murugan: ... isu yang lain, saya merayu

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat teruskan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengendurkan ketegangan supaya tidak berhujah dengan secara tergesa-gesa. Bolehkah Yang Berhormat melambatkan sedikit, menunggu di sini dan melambatkan sedikit waktu Yang Berhormat bercadang untuk menjawab?

Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop]: Tuan Yang di-Pertua, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh beri tepukan kepada Yang Berhormat. [*Tepuk*]

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Maka Yang Berhormat mempunyai masa tambahan, di sebutkan dalam sukan, masa kecederaan. Sila teruskan. Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri sendiri. Sebelum saya mengakhiri ucapan, ingin saya membawa satu lagi perkara yang saya rasa cukup penting dan sensitif di dalam Dewan yang teragung ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mencapai satu simpang di perjalanan negara kepada pencapaian Wawasan 2020. Kita menghadapi satu pilihan yang amat ketara mengikut jalan ke arah ekstremisme, yang tidak bertoleransi atau mengesahkan kembali *unity and diversity*, dengan izin, yang menjadikan negara Malaysia ini begitu masyhur dengan caranya yang tersendiri.

Identiti kebangsaan kita telah dibentuk dalam tahun 1957 atas kekuatan kepelbagaian rakyat kita. Seluruh dunia kagum dengan hakikat bahawa orang Islam, Tionghoa, Buddhist, Hindu, Kristian dan Sikh supaya dapat hidup bersatu dengan aman, damai dan berharmoni.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi pergelutan antara dua sistem perundangan sivil dan syariah kini mengakibatkan sedikit ketegangan dan rasa risau di kalangan rakyat Malaysia, khususnya yang beragama minoriti. Di sini sebenarnya isu ini tidak menyalahkan orang-orang Islam. Saya cukup kluatir yang bukan Islam menyalahgunakan keadaan ini untuk melindungi diri mereka dan kepentingan sendiri.

Pada tahun 1988, Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988, memasukkan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan, bahawa Mahkamah Tinggi tidak akan ada kuasa di dalam kes-kes di mana Mahkamah Syariah ada kuasa untuk membuat sebarang keputusan.

Ini telah dibuat demi memastikan bahawa saudara-saudari Islam kita dapat menjalankan hidup mereka mengikut undang-undang peribadi mereka di dalam sistem kehakiman yang berintegriti. Kita tidak mahu orang-orang yang tidak berhati mulia, yang kalah kes mereka di Mahkamah Syariah akan melompat ke bidang kuasa Mahkamah Sivil untuk mengetepikan kehakiman yang telah ditetapkan. Kini tujuan Parlimen itu sudah disalahgunakan ke arah yang lain pula. Mahkamah Tinggi Sivil

mungkin mempercayai bahawa mereka menjalankan niat Parlimen itu sendiri, di mana makin hari, makin banyak kuasa diberikan kepada Mahkamah Syariah.

Orang yang tidak berhati mulia dan mementingkan diri sendiri sedang membawa nama buruk kepada agama Islam yang murni, dengan menyalahgunakan sistem Mahkamah Syariah. Mereka yang tidak bertanggungjawab ini akan pergi ke sana dan mendapatkan perintah-perintah secara berahsia, yang menjejaskan hak dan kewajipan yang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, saya ingin mengambil mengenai kes Shamala Sathyaseelan, yang baru-baru ini yang terpampang di dada akhbar. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat semua tahu dan tidak perlulah mengingati apa fakta-fakta kes yang amat menyedihkan ini. Sepasang suami isteri beragama Hindu yang telah dikahwini mengikut budaya Hindu di sebuah kuil Hindu telah menghadapi masalah perebutan hak penjagaan anak-anak mereka.

Masing-masing anak-anak mereka masih berumur lebih kurang 4 dan 2 tahun. Si suami telah menukar agamanya ke agama Islam, dan kemudian secara rahsia telah menukarkan agama anak-anaknya itu kepada Islam tanpa pengetahuan atau keizinan isterinya. Si suami telah secara rahsia telah mendapatkan perintah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara itu walaupun telah diputuskan oleh mahkamah masih di peringkat rayuan, mungkin *subjudice*.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana negara kita ini suatu Mahkamah Syariah dan pihak berkuasa agama Islam dapat membenarkan seseorang itu menukar agama anak-anaknya tanpa izin ibu atau bapanya.

Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah Syariah dan pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri baru-baru ini

Datuk Yaakob bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, mohon izin, laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohamad: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Saravanan. Oleh kerana masih di peringkat mahkamah, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua, apakah boleh dibahaskan perkara ini kerana masih *sub judice*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah pun berhenti daripada membahas dan beralih kepada soal-soal prinsip besar.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya mengenai isu ini kekhuatiran saya bukan orang Islam itu, yang bukan Islam menggunakan ini sebagai satu isu untuk melindungi diri mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat boleh beri contoh yang mudah, ada orang Hindu atau orang Kristian yang tidak boleh kahwin lebih daripada satu, dia hendak kahwin lebih daripada satu, dia masuk Islam semata-mata dia hendak kahwin dua, tiga, atau empat, bukan kerana dia hendak jadi orang Islam. Itu contohnya.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya mereka yang memasuki begini satu hari nanti akan menjadi masalah kepada agama itu sendiri di mana sebenarnya misal kata, sekiranya saya hendak bercerai dengan isteri saya, mengikut Mahkamah Sivil anak-anak saya sekiranya berumur kurang dari 7 tahun, keputusan mahkamah akan mengatakan *custody*, dengan izin, akan diberikan kepada isteri saya.

Kalau sekiranya saya memeluk agama Islam untuk mengambil *custody* anak-anak saya, maka saya pergi ke Mahkamah Syariah mengambil *custody*. Apa akan terjadi, apa akan berlaku tidak lama lagi selepas beberapa tahun misalnya saya hendak kembali ke agama Hindu, itu akan menjadi satu masalah. Maka kita akan mengkaji perkara ini di peringkat akar umbi dan mencari satu penyelesaian.

Dengan kata-kata ini

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya meminta laluan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah pun hendak menghabiskan ucapannya Yang Berhormat, tidak perlu mendapatkan penjelasan lagi boleh?

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tuan Saravanan sahabat saya. Mengenai perkara yang baru dibahaskan, adakah Yang Berhormat Tuan Saravanan mencadangkan bahawa jika seseorang anak tersebut, bapa atau ibu hendak menukarkan agamanya, saya tidak menyebut apa-apa agama pun mesti ada persetujuan bapa dan ibu. Terima kasih.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekiranya anak-anak itu di bawah umur tujuh tahun atau 18 tahun, saya rasa perlulah dia

meminta kebenaran daripada kedua-dua ibu bapanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini demi mencapai Wawasan 2020 negara kita masih lagi dibangunkan bukan dari segi ekonomi tetapi juga secara sosial dan politik. Kita mestilah berusaha memastikan bahawa kehidupan bersama antara pelbagai kaum, agama yang aman damai yang merupakan kekuatan kita yang amat murni ini tidak dijejaskan. Dengan itu kita mestilah menghalangi anomali yang di dalam sistem perundangan kami yang mengakibatkan begitu banyak kesusahan kepada orang-orang Islam dan juga orang-orang bukan Islam. Saya meminta satu semakan semula yang amat segera berkenaan keadaan ini.

Saya berpendapat kerajaan mestilah memulakan satu perundangan antara semua pihak untuk menggubal cadangan-cadangan yang akan dapat diterima oleh semua komuniti Islam dan bukan Islam tentang bagaimana kita menstrukturkan sistem kehakiman kita. Mahkamah Tinggi mestilah diutamakan, manakala Mahkamah Syariah tidak sepatutnya dibenarkan membuat keputusan yang akan melibatkan hak-hak orang bukan Islam. Dengan kata-kata ini saya turut menyokong Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua 2003, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri, selepas ini Dato' Omar Faudzar, minta maaf. Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri, Dato' Omar Faudzar, Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

3.44 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: 15 minit Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya terpaksa memulakan perbahasan saya atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 ini bagi memberikan terlebih dahulu sedikit penjelasan kepada sahabat saya Yang Berhormat Tuan Saravanan kerana beliau seakan-akan melemparkan tuduhan bahawa sesungguhnya dalam banyak hal Mahkamah Syariah telah campur tangan terhadap kemasukan sesetengah orang bukan Islam ke agama Islam.

Saya ingin memberitahu bahawa di dalam Islam kita tidak ada sebarang paksaan dan selama ini saya melihat bahawa umat Islam di negara kita ini sangat menghormati apa yang telah dijelaskan oleh Allah S.W.T di dalam Al-Quran 'La

ikrahafitdin' – 'tiada paksaan' di dalam agama. Maka dengan sebab itulah saya kira apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu walaupun jika sekiranya ia dilihat dari segi agama mungkin pandangan berbeza, tetapi kita telah memberikan kebebasan yang sebaik-baiknya kepada mana-mana juga agama yang ada di dalam negara kita ini.

Maka dengan sebab itulah barangkali selepas peristiwa 13 Mei, kita berhimpun, kita berkumpul, kita mencari jalan bagaimana supaya rakyat Malaysia ini boleh disatukan. Maka dengan sebab itu kita mewujudkan falsafah Rukun Negara di mana semua rakyat negara kita ini sama ada yang beragama Islam dan bukan beragama Islam mestilah percaya kepada Tuhan dan inilah saya ingat satu falsafah yang boleh mengendurkan kita, apabila kita berhadapan dengan sesuatu masalah.

Memang kalau mengikut Islam bapanya mempunyai hak ke atas anaknya, itu dari segi pandangan Islam. Jadi, apabila bapanya masuk Islam, maka anak-anaknya mestilah mengikut agama bapanya, itu mengikut pandangan Islam. Saya tahu bahawa Mahkamah Tinggi telah membatalkan suatu keputusan Mahkamah Syariah, ini berlaku di Mahkamah Tinggi Alor Setar, apabila seorang Islam yang diisytiharkan dia tidak lagi memeluk agama Islam dan dia telah membawa kesnya ke Mahkamah Tinggi Sivil, maka Mahkamah Tinggi Sivil memutuskan bahawa Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa untuk membicarakan kes beliau itu. Demikianlah kebebasan yang telah diberikan oleh negara kita ini khususnya, walaupun kita hanya mengamalkan dari segi undang-undang syariah, banyaknya ialah yang dipanggil Kanun Ehwal Sahsiah, undang-undang peribadi dan harta pusaka. Yang lain daripada itu adalah mengikut pilihan orang perseorangan. Kalau mereka hendak memeluk agama Islam, kita tidak ada paksaan, kita tidak pernah kempen, saya ingat tidak pernah kempen memaksa sesiapa pun untuk memeluk agama Islam di negeri ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa sesungguhnya adalah kewajipan bagi kami orang Islam menjelaskan tentang Islam ini sama ada orang bukan Islam hendak menerima atau tidak, itu bukan persoalan kami. Begitu juga barangkali di negara kita ini saya sendiri, saya ingat muslimat ada menganjurkan minggu depankah, ceramah tentang agama-agama, agama Kristian, agama Hindu, agama Buddhist, begitulah terbukanya kita untuk mengetahui tentang agama-agama ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang nampaknya banyak betul mengetahui tentang ajaran-ajaran agama. Ini adalah suatu perkara yang sangat penting dalam sebuah masyarakat berbilang agama, berbilang bangsa serta berbilang kebudayaan. Untuk mengetahui sesuatu agama itu supaya tidak timbul percanggahan di antara satu dengan yang lain, apabila kita hendak memutuskan sesuatu masalah yang kemudiannya boleh menimbulkan kacau bilau di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya hendak menyentuh Maksud B.7 iaitu Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri ini ..

Tuan Chiam Yong Tee: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Masalah yang saya nampak sekarang, ialah sekiranya seseorang itu menganut sesuatu agama bukan kerana kepercayaan, tetapi ada niat yang lain. Jadi, adakah amalan ini diterima oleh masyarakat ataupun oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang ini.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua oleh sebab Yang Berhormat menyebutkan tentang 'niat' dan juga 'niat' itu dikaitkan dengan mahkamah.

Tuan Saravanan a/l Murugan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang bangun.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat belum lagi menjawab.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Belum lagi. Saya jawab yang ini dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak memberikan laluan sekali gus?

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Saya ingat saya jawab yang ini dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Satu persatu.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat menyebutkan tentang niat ini dan dikaitkan dengan mahkamah. Sesungguhnya mahkamah jika sekiranya seseorang itu dapat membuktikan niatnya begitu, maka ianya mestilah dibuktikan dengan kenyataan-kenyataan, surat-surat dan sebagainya, barulah mahkamah boleh mengatakan inilah dia niat kamu. Tetapi kalau sekadar niat di dalam hati mahkamah pun saya ingat tidak boleh membuat keputusan. Itu yang saya taulah. Maka dengan sebab itu kita mengharapkan sesiapa juga yang hendak memeluk agama Islam atau agama-agama yang lain juga dia harus

mempercayai, mengetahui tentang ajaran agama itu, barulah dia tidak akan keliru atau dikelirukan oleh ajaran agama itu sendiri.

Maka dengan sebab itu barulah terbukti sama ada dia memeluk sesuatu agama itu dengan niatnya yang jujur ataupun dengan tujuan yang lain pada niat yang ada di dalam hatinya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Lualan yang satu lagi.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meminta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri, di mana misalnya semua enakmen mengatakan seorang itu adalah Islam, sama ada ibu atau bapanya adalah seorang Islam ketika orang itu dilahirkan. Orang itu tidak boleh pada bila-bila masa pun meninggalkan agamanya dan apakah pandangan Ahli Yang Berhormat? Apa yang akan berlaku jika ibu bapanya tidak membesarkannya sebagai orang Islam. Siapa perlu disalahkan dan lagi satu minta sedikit pandangan Yang Berhormat seorang lelaki India Muslim khususnya yang akan mengahwini seorang perempuan agama Hindu dan mendapat beberapa anak dan kemudiannya balik ke India. Perempuan ini tidak ada saudara mara di Malaysia yang tinggal semua adalah kaum-kaum Hindu sahaja saudara maranya, dia tidak boleh pergi ke India, apa akan jadi kepada masa depannya. Sudahlah berkahwin dengan orang berketurunan India Muslim, anak-anaknya sudah menjadi Islam tetapi saudara mara semua orang India. Macam mana kita boleh mengatasi masalah ini, saya tidak mahu ini akan menjadi satu masalah kepada agama Islam sendiri. Sebenarnya semua agama menunjukkan ajaran yang sama. Saya meminta pendapat Ahli Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana seorang India Muslim dia asalnya India Muslim. Kalau mengikut peraturan Islam dia tidak boleh berkahwin dengan seorang India yang beragama Hindu, itu aturan undang-undang asalnya. Kalau sekiranya dia hendak berkahwin juga maka mestilah yang perempuan itu memeluk agama Islam, barulah dia boleh dinikahkan, saya mengambil Tuan Yang di-Pertua punya istilah. Maka bolehlah dinikahkan oleh jurunikah itu mengikut cara Islam. Maka dengan sebab itu saya rasa tidak timbul anaknya mengikut bapanya kerana itu peraturan asal, jika tidak dia tidak boleh nikah, dia tidak boleh berkahwin dengan seorang yang beragama Hindu.

Dalam Islam hanya dibenarkan kepada Ahli Kitab, Ahli Kitab ini maknanya orang Nasrani yang asal dan yang memakai kitab Injil yang asal dan begitu juga orang Yahudi, itu sahaja yang boleh, yang lain tidak boleh. Maknanya adalah salah bagi seorang Islam, kalau benar seperti Yang Berhormat sebutkan, seorang Islam, orang Melayukah dia, orang Indiakah dia, orang Peranciskah dia, orang Germankah, dia hendak berkahwin dengan seorang wanita yang bukan Islam dia mestilah memastikan dahulu bahawa bakal isterinya itu mestilah Islam. Itu aturan asalnya atau undang-undang asalnya. Maka adalah tidak kena..

Tuan Saravanan a/l Murugan: *[Bangun]*

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya belum memberi..

Tuan Saravanan a/l Murugan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh kedua-dua Yang Berhormat duduk sebentar?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Jelas pada saya, bahawa banyak lagi kerja di hadapan Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Undangan Negeri. Tetapi, tidak menghairankan kerana institusi-institusi ini hanya berusia 47 tahun di negara kita, dalam masyarakat kita, sedangkan *Westminister* berusia 900 tahun lebih dan masih bergelumang untuk mencari undang-undang yang terbaik bagi masyarakatnya. Maka, perjuangan kita memang belum selesai. Untuk Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Undangan Negeri menyelesaikan kerja, perlu demokrasi utuh dan subur di bumi Malaysia ini dan untuk demokrasi subur, perbahasan hendaklah dijalankan dengan tenang dan rasional. Sila teruskan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, itu sebagai penjelasan yang telah diminta supaya saya memberikan penjelasan. Maka, dengan sebab itulah apabila kita lihat di negara kita ini, saya cuba kendurkan sedikitlah. Di negara kita ini, kita lebih banyak mengadakan perbincangan-perbincangan dan perundingan-perundingan dengan semua agama, itu dari sikap dan pendirian sayalah. Ini kerana saya biasa bergaul dengan orang-orang Cina yang beragama Islam, orang-orang Cina yang bukan beragama Islam, orang India yang beragama Islam dan juga orang-orang India yang tidak beragama Islam.

Saya mendapati kalau cara kita mendekati mereka itu, bergaul dengan mereka dengan cara yang baik, cara yang lemah lembut, cara hikmah, kita melihat bahawa tidak ada sebarang perselisihan dalam usaha kita hendak membangunkan sebuah negara yang aman dan damai, sama ada di sini ataupun di tempat-tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya pindahlah kepada yang lain iaitu Maksud B.7 – Jabatan Perdana Menteri. B.7 ini, saya hendak bahaskan kedua-dua sekali, peruntukan pembangunan dan juga peruntukan pengurusan ataupun bekalan untuk tambahan, untuk pembangunan dan juga untuk pengurusan. Dalam bekalan untuk pembangunan, tidak ada sebarang peruntukan. Ia hanyalah ditunjukkan akan diadakan butiran-butiran baru yang diminta supaya kita meluluskan peruntukan RM10 sahaja tiap-tiap satu butiran itu. Ini bermakna, barangkali kalau ada nanti usaha-usaha hendak buat sesuatu, peruntukan itu akan dipohon balik kepada kita, itu fahaman sayalah, akan dibawa dan akan dipohon kepada kita.

Cuma saya hendak sebut kerana tadi telah diputuskan bahawa mungkin usul saya yang akhir itu tidak akan dapat dibahaskan. Begitulah saya fahamkan. Jadi, saya hendak masukkan ke dalam kedua-dua perkara ini, usul di mana saya meminta supaya mengikut Perlembagaanlah usul saya itu, saya tidak payah baca untuk menjimatkan waktu, supaya Putrajaya mengkaji semula tentang nama-nama jalankah, nama-nama tempat. Yang saya sebutkan di situ misalnya '*Precinct*'. Ini saya rasa saya boleh cadangkan kalau boleh dibuat satu kajian. Kalau ini diterima, mungkin ada peruntukanlah hendak mengubah, hendak menukar papan-papan itu.

Saya lebih suka mencadangkan dua, tiga cara cadangan saya itu ataupun pandangan saya. Pertama, mengikut negeri. Misalnya, kalau namanya taman, kalau tidak hendak desa, desa macam kampung sangat, kita kata taman. Tetapi desa pun boleh, kita ambil desa. Desa Perlis, Desa Kedah, Desa Pulau Pinang misalnya dan seterusnya semua negeri sampailah Desa Sabah dan Desa Sarawak.

Itu kalau kita hendak ambil desa. Tetapi saya rasa kita boleh juga ambil taman. Taman Perlis, Taman Kedah, Taman Pulau Pinang, Taman Perak dan sebagainya. Kalau kita tidak mahu yang itu, saya mencadangkan supaya kita menggunakan nama pemimpin-pemimpin, pejuang-pejuang kemerdekaan. Misalnya, Taman Dato' Onn, Taman Tunku Abdul Rahman, Taman Tun Abdul Razak, Taman Tun Sambanthan, Taman Tan Cheng Lok....

Tuan Yang di-Pertua: Berapa lama lagi ucapan Yang Berhormat?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Kalau hendak kira, agak lama juga ini, pasal ini baru satu tajuk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta duduk sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat, bolehkah saya dapat gambaran, berapa lagikah Yang Berhormat yang hendak berucap?

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ooh, banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Enam orang selepas Yang Berhormat, ya. Jadi, bolehkah Yang Berhormat tamatkan dalam lima minit dan bakinya tiap-tiap seorang 10 minit, enam orang satu jam, Yang Berhormat Menteri murah hati menunggu dan boleh menjawab pada pukul 5.00. Terima kasih. Maka, selepas ini Yang Berhormat ada lima minit lagi. Sekarang, kuasa sudah keras.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Murah hati Tuan Yang di-Pertua, bagi saya 10 minit. Saya baru satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba sunting yang ringkas seringkasnya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tidak apalah, ringkas. Jadi, itulah tadi cadangan saya sama ada namanya desa ataupun taman ikut negeri ataupun ikut nama pemimpin-pemimpin, pejuang-pejuang kemerdekaan yang ada di negara kita ini ataupun satu lagi, kalau hendak ikut nama Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan, kerana ini boleh mendidik anak kita supaya mereka tahu, kerana Putrajaya ini adalah sebuah bandar yang dimiliki oleh semua negeri ataupun ianya juga adalah kepunyaan rakyat, kepunyaan Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan tetapi untuk mengenangkan pejuang-pejuang kemerdekaan, maka saya sebutkan nama-nama ini.

Ini kalau boleh diperbincangkan dan diperkirakan. Saya tidak hendak diluluskan hari ini, tidak. Boleh jadi 10 tahun yang akan datang, ada orang akan mencadangkan. Kalau saya hidup 10 tahun akan datang, mungkin saya akan saksikanlah perubahan-perubahan ini. Sebab, saya tengok '*Precinct*' ini, kalau pergi New York memang adalah benda-benda yang macam ini. Sebab tadi acuan.....*[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Tanpa sebut New York itu pun, hujah Yang Berhormat sudah lengkap.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tidak apalah. Pasal acuan, pasal saya hendak sebut Yang Berhormat Datuk Yaakob, acuan sendiri. Kenapa kita ambil acuan orang, tidak ambil acuan sendiri? Itu sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin mengutarakan tentang Kementerian Pembangunan Luar Bandar, walaupun sudah disebutkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi tiga minit.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Okeylah. [*Ketawa*] Kementerian Luar Bandar ini sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Peruntukan yang dimohon RM8,116,300. Saya hendak minta dan saya pun sudah bincang dengan Tuan Osman bin Bungsu ini, apalah salahnya kerajaan-kerajaan negeri berikan kepada mereka ini, peruntukan tanah untuk tapak rumah. Kemudian, maknanya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, tolong bangunkan rumah untuk mereka. Saya ingat RM10,000 rumah cukup cantiklah.

Saya bincang dengan beliau semalam. Saya punya pengalaman saya buat rumah, lantainya *plywood*, tiga suku inci itu. Rumah saya itu sahaja. Lantai *plywood* sampai sekarang ini, 25 sudah umur dia, cantik lagi *plywood* itu. Jadi, kalau ini diperkenalkan, saya rasa kepada Orang Asli, cukup cantik dan mereka pun akan terima. Ini harus difikirkan supaya diberikan kawasan-kawasan tanah tapak rumah oleh kerajaan-kerajaan negeri dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya ingat bolehlah berunding dengan pihak kerajaan negeri.

Saya ingin menyebutkan saya telah masuk tempat-tempat Orang Asli ini bersama-sama dengan Speaker Dewan Rakyat iaitu Yang di-Pertua Dewan Rakyat iaitu Allahyarham Tan Sri Syed Nasir. Banyak kawasan-kawasan kami masuk. Waktu itu beliau menjadi Yang di-Pertua Persekutuan Seruan Islam, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Saya menjadi naib beliau. Kami masuk tempat-tempat ini, memang sangat mendukacitakan. Maka, saya sangat menyokonglah saranan Yang Berhormat Tuan Osman.

Jadi, menghormati Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh saya tiga minit sahaja dan sudah habis tiga minit, banyak lagi saya punya ini, barangkali sampai pukul 6.00.....

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Itu pun jawab melebihi masa.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tetapi tidak apalah. Saya hormat Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Omar bin Faudzar. Sepuluh minit.

3.38 ptg.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sepuluh minit, ya. Saya ringkaskan segala hujah-hujah saya. Saya akan terus kepada Maksud B.08 – Jabatan Perkhidmatan Awam. Tambahan sebanyak RM170 juta adalah untuk membiayai Program Tajaan Pelajar-pelajar di dalam dan luar negeri bagi tahun 2003. Peruntukan ini saya rasa memang patut diberi kerana kita tahu bahawa ilmu ini memang patut dituntut oleh semua agama, semua bangsa memerlukan ilmu. Cuma persoalannya ialah, di mana kita hendak menuntut ilmu-ilmu ini?

Saya merasakan ada sesetengah kursus boleh kita adakan yang ada di dalam negeri kita, jadi kita tidak payahlah hantar pelajar-pelajar ke luar negara, contohnya ialah seperti kursus-kursus *Business Studies, Masters in Business Administration, Finance, Accounting* dan sebagainya. Kalau ini kita sudah ada universiti-universiti yang boleh mengajar kursus-kursus ini mengapa kita harus membelanjakan wang yang begitu banyak untuk menghantar pelajar-pelajar ke luar negara?

Sebab kalau kita tengok dari segi jumlah setiap pelajar yang harus kita bantu, kalau di luar negara tiga tahun hampir-hampir 60,000, 70,000 orang, tetapi wang yang sama kita guna di dalam negara kita sendiri yang mempunyai kursus-kursus yang saya rasa lebih ataupun sama setanding dengan universiti-universiti di luar negara, saya rasa kita boleh membiayai lebih kurang tiga orang pelajar di dalam negara kita sendiri.

Walau bagaimanapun, ada sesetengah kursus harus kita hantar pelajar-pelajar ini ke luar negara seperti kursus-kursus yang *hi-tech* dan sebagainya yang mana kita perlu. Jadi untuk mengurangkan tambahan perbelanjaan ataupun untuk memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan bantuan. Sekarang ini kita ada universiti-universiti swasta di sini, universiti-universiti swasta dalam negara kita bukanlah suatu universiti yang boleh dikatakan semua orang boleh masuk.

Ramai yang layak masuk ke universiti ini, tetapi disebabkan oleh yuran yang begitu tinggi maka ramai pelajar-pelajar bumiputera tidak dapat masuk ke universiti-universiti swasta. Jadi kalau dengan pengurangan penghantaran pelajar ke luar negara dalam kursus-kursus tertentu maka baki-baki duit ini kita dapat membantu

pelajar-pelajar bumiputera yang memerlukan bantuan untuk masuk ke dalam universiti-universiti swasta ini.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh, ialah Maksud B.20 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, tambahan sebanyak RM20 juta adalah untuk menampung bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003 bagi Perbadanan Produktiviti Negara dan mewujudkan Tabung Mempromosikan Jenama Malaysia.

Sehingga ke hari ini saya rasa kita masih lagi tidak mencapai satu tahap yang begitu tinggi yang boleh kita membanggakan produk-produk negara kita, khususnya produk-produk daripada luar bandar. Sebab saya kira tiga faktor yang saya hendak beri perhatian di sini, satu ialah pengusaha itu sendiri. Kedua, jenama dan yang ketiga, pemasaran dan ini yang disebut dalam Maksud B.20.

Kita ada banyak pengusaha-pengusaha kita, kita ada pengusaha yang membuat kopi, kopi Ustaz Ismail Hassan, kita ada kerepek pisang, kita ada kerepek ubi, tetapi kita tidak boleh setanding, kita tidak boleh bandingkan, kita tidak boleh lawan dengan produk-produk yang kita dok makan selalu, kita tidak boleh hendak memasarkan produk-produk ini keluar negara, sebab apa? Inilah yang harus dimainkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Kita tengok sendiri kalau kita tengok orang-orang kita sekarang ini pergi *Coffee Beans*, pergi *Star Bucks*, pergi *Cigar Fredo*, minum kopi, minum *expresso*, *expresso* tak sampai pun setengah cawan RM20, *expresso* ini kalau di negara kita, kita kata kopi kow, kopi kita lebih sedap tetapi kita tidak mempromosikan kopi kita? Ini hasil tani, kalau kita pergi di *Herrods*, kita tengok bermacam-macam kopi, *Kenyan coffee*, *Bolivian coffee*, *American coffee* tetapi kita tidak mempromosikan *Malaysian coffee*.

Bumi kita yang begitu subur, yang memang boleh kita memperkenalkan kopi kita ini, begitu juga dengan jenama kita, kalau kita hendak mempromosikan kerepek pisang, kita kenalah cara satu nama yang agak sesuai sedikit ataupun kita hendak mempromosikan kopi kita, kalau kita mempromosikan kopi kita dengan nama 'Kopi Ustaz Ismail Hassan' mungkin kalau dengan nama itu sahaja kalau kita hantar pergi ke Amerika Syarikat, dia tidak akan terima.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hanya memberi contoh jenama kopi ya, tetapi tidak ada kopi sebenarnya 'Kopi Haji Hassan'.

Dato' Omar bin Faudzar: Ya, saya beri contoh sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Contoh.

Dato' Omar bin Faudzar: Ada kopi, tetapi saya terlupa nama kopi-kopi yang ada di Malaysia, bukanlah Hassan Shukri juga. Jadi kadang-kadang kita tengok cara orang-orang kita, ilmu ada, bekerja kuat tetapi tidak ada cara kita hendak memasarkan produk-produk kita, tidak ada cara kita hendak tahu hendak bagi satu nama yang begitu baik untuk mempromosikan produk kita, serupa dengan kain-kain batik Malaysia.

Kalau kita tengok di sini *Allen Dillon, Christian Dior* ini nama-nama orang, mungkin juga kita boleh pakai nama yang sama, kita mungkin boleh pakai nama-nama penyanyi-penyanyi popular *international* semata-mata untuk menggunakan nama dia orang sahaja hendak menjual produk kita, ini satu cara yang boleh kita mempromosikan produk-produk khususnya produk-produk pembangunan luar bandar, sebab saya pernah bawa tujuh orang Mat Salleh dari London, hari pertama saya minum di *Coffee Beans*, minum di *Coffee Beans* saya kena belanjalah saya kena belanja, dia tidak sebut pun sedapkah tidak sedapkah, dia tidak sebut, hari kedua saya bawa pergi ke satu tempat lain kita minum kopi buatan Malaysia. Dia kita kopi kita sedap, kopi kita lebih kow tetapi kenapa kita tidak mempromosikan produk-produk ini. Kalau kita tengok produk yang sama *Star Bucks Coffee, Cigar Fredo, Coffee Beans* ini semua produk yang sama daripada satu negara. Tetapi disebabkan tiga nama yang berlainan, dia dapat memasarkan produk itu di dalam negara kita, bukan sahaja di negara kita merata dunia sebab produk yang ada pada nama.

Tuan Yang di-Pertua, iaitu perkara yang ketiga saya hendak sentuh ialah Kementerian Pertahanan Maksud B 25, hari ini kita tengok ramai tentera kita yang pada asalnya memang tentera lepas itu bersara, dia orang ini mempunyai gaji yang begitu rendah ada yang *short term service* dan yang *long term service* bila dia bersara sahaja dia sudah tidak ada kerja, habis tinggi kita tengok pun adalah *security guard* di mana-mana pun, itu sahaja yang kita dapat lihat. Jadi saya rasa Kementerian Pertahanan sepatutnya, sebab mereka ini berbakti kepada negara, berjuang untuk bangsa dan negara, kita haruslah memberi perhatian kepada askar-askar kita yang berpangkat rendah ini.

Saya takut satu hari nanti apabila ekonomi kita membangun dengan begitu pesat sekali, kilang-kilang begitu banyak dalam negara kita, ramai yang tidak hendak masuk jadi askar. Kenapa saya masuk jadi askar, saya dapat RM300, RM400

sebulan? Saya lebih baik kerja kilang. Kalau kerja kilang campur *overtime* itu ini, saya dapat RM1,000; kenapa saya harus memperjuangkan diri saya untuk bangsa dan negara, tidak ada keprihatinan terhadap diri saya sendiri apabila saya bersara nanti. Jadi, harus diberi penekanan tentang isu-isu yang melibatkan prebet-prebet ataupun askar-askar yang berpangkat rendah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', masa yang diperuntukkan 10 minit untuk Yang Berhormat sudah cukup.

Dato' Omar bin Faudzar: Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu maksud B.38, Kementerian Pengangkutan tambahan sebanyak RM19 juta untuk bayaran pekerja kontrak, kos penyelenggaraan, utiliti, sewaan bangunan dan bayaran rebet. Saya cuma ingin menyentuh tentang isu sewa bangunan. Ini satu lagi yang saya hairan, kenapa kerajaan selama berpuluh-puluh tahun masih lagi menyewa bangunan-bangunan. Saya kira kalau dengan jumlah bayaran tiap-tiap bulan kalau dikirakan kalau kita ambil *Am Financing* bangunan ini sudah jadi hak milik kerajaan. Tetapi kalau 20 tahun kita sewa, 30 tahun kita sewa bangunan itu tetap tidak menjadi hak milik kerajaan.

Ini saya rasa merugikan, dalam 20 tahun kalau katakan kita membeli rumah, kita bayar kepada bank rumah itu sudah menjadi hak kita tetapi kita menyewa, bila kita menyewa sampai bila benda ini tidak akan jadi hak kita. Kalau orang yang baca *Rich Debt, Poor Debt* punya buku itu mungkin tahu benda ini. Tetapi saya rasa kerajaan ini lebih fasih dan lebih tahu perkara-perkara ini sebab kalau tidak setiap tahun kita memerlukan tambahan kepada sewaan bangunan sebab sewaan bangunan ini kalau kita tengok setiap dua tahun atau setiap tiga tahun sekali dia akan naik. Jadi lebih baik kalau kita beli sahaja bangunan itu, bangunan sudah menjadi hak kita, kita tidak perlu lagi risau tentang bayaran kepada sewaan bulanan kepada premis kerajaan.

Jadi, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong Akta Perbekalan Tambahan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Sharifah Azizah dan saya akan terus menguatkuasakan peraturan 10 minit seorang, sebab itu saya minta Yang Berhormat Puan Mariah untuk bersedia, disusuli oleh Yang Berhormat Puan Siw Chun dan Yang Berhormat Puan Norli. Saya ingat itu sahaja yang hendak berbahas pada petang ini. Okey, silakan Yang Berhormat.

4.14 ptg.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: *Bismillahir Rahmanir Rahim dan Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-Undang yang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2003 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu baginya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana dapat menguruskan perbelanjaan dengan cara berhemah sehingga berjaya menjana ekonomi negara dalam keadaan tersusun.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca sekali lalu wang tambahan yang hendak diluluskan telah dibelanjakan dengan menggunakan Kumpulan Wang Luar Jangka. Daripada peruntukan tersebut sejumlah RM938 juta diperuntukkan untuk bayaran imbuhan tahunan, bayaran prestasi, bayaran kenaikan gaji dan sebagainya. Bagi kepentingan kakitangan awam, ini jelas bahawa kerajaan sedaya upaya ingin memberikan keselesaan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang telah diberi mandat oleh rakyat untuk meneruskan pentadbiran negara. Kemenangan Barisan Nasional baru-baru ini bukan sahaja mengiktiraf parti Barisan Nasional daripada satu parti yang berkemampuan lagi matang tetapi ia juga telah membuktikan betapa rakyat Malaysia merupakan rakyat yang berkemampuan dan matang. *Track record* demokrasi negara kita mungkin yang terbaik di dunia terutamanya di rantau Asia. Saya katakan begitu kerana kita telah berjaya untuk memastikan negara terus maju dan terus dibangunkan dari satu tahap ke satu tahap. Betapa kita telah membangun negara, kemerdekaan, membuka hutan dan meneroka pendidikan, perindustrian dan perdagangan. Kini kita di tahap mencapai kecemerlangan, kegemilangan dan keterbilangan. Ia satu tahap pengurusan manusia yang perlu dipertingkatkan kemahiran dan keupayaan mereka agar dapat menjadi manusia terurus tahap dunia (*world-class*), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam apa pengurusan pun selain daripada faktor kemahiran dan faktor yang sama atau mungkin lebih penting ialah faktor kewangan. Bajet yang mencukupi akan dapat memastikan apa yang dirancang akan tercapai.

Justeru itu adalah amat penting diperbahas dan diluluskan rang undang-undang yang dibentangkan kepada hari kelmarin.

Pertamanya wang tidak dapat diurus dengan baik jika tidak ada keselamatan dan keamanan dalam dan luar negara. Hari ini banyak dibaca dalam akhbar tempatan bagaimana keselamatan rakyat tidak dapat dijamin. Rompakan sama ada dalam bentuk ragut atau rompakan secara terbuka di bank dan juga pecah rumah begitu lumrah sekali seolah-olah polis hampir dilihat kurang berfungsi.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri kita kerana telah menubuhkan Suruhanjaya Polis Diraja Malaysia untuk menambahbaikkan perjalanan dan pengurusan PDRM. Ini adalah satu langkah yang amat dialu-alukan daripada apa yang dibaca diakhbar, ahli-ahli Suruhanjaya begitu serius menjalankan tugas mereka di seluruh pelosok negara di bandar besar dan kecil. Tahniah dan syabas kepada Pengerusinya Tun Zaidi dan semua ahli-ahlinya.

Beberapa cadangan telah dipaparkan dalam akhbar yang telah diambil tindakan oleh pihak polis. Nampaknya pihak polis yang diketuai oleh Dato' Seri Bakri adalah sangat menggalakkan. Ini adalah satu petanda yang baik, kedua-dua belah pihak perlulah bekerjasama demi untuk kebaikan negara. Untuk memastikan segala usaha kedua-dua pihak ini dapat mencapai matlamat ini hendaklah disegerakan bayarannya agar pihak PDRM dapat melipatgandakan usaha pembaikan PDRM. Saya juga ingin tahu berapakah ramai jumlah anggota polis di seluruh negara dan adakah ia mencukupi.

Untuk membanteras rasuah dan salah guna kuasa oleh pihak polis, saya mencadangkan satu unit khas rasuah dan salah guna kuasa diwujudkan dan peruntukan kewangan diberi terutamanya untuk memastikan cukup kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas disiplin. Satu badan pemantau yang efektif perlu distrukturkan agar dapat memantau gerakan polis di semua peringkat agar tahap kecekapan khidmat polis meningkat.

Peruntukan kewangan juga perlu untuk memodenkan infrastruktur polis seperti peralatan pejabat, ruang pejabat, peralatan siasatan dan penyelidikan termasuk juga tempat tinggal polis yang ada di sesetengah tempat bukan sahaja tidak mencukupi tetapi dalam keadaan yang daif dan memalukan. Tentu sekali polis tidak dapat berkhidmat jika keadaan tempat tinggal dan kerja tidak memberangsangkan.

Mutu kelayakan untuk masuk ke perkhidmatan polis juga perlu dipertingkatkan termasuk juga mutu nilai moral mereka. Kurikulum latihan perlu diberi dan dikaji untuk memastikan polis yang dilatih menepati etika kepolisan negara. Saya ingin mencadangkan Kor Agama Polis diwujudkan dan dimulakan Maktab Polis Diraja seperti RMC daripada pelajar-pelajar Tingkatan 4 untuk menyemai semangat kepolisan yang tinggi.

Saya percaya dan yakin Suruhanjaya akan dapat memberi cadangan yang bernas untuk menambahbaikkan khidmat PDRM. Mungkin selepas habis tempoh Suruhanjaya, kerajaan akan menambahkan fungsi dan keberkesanan Suruhanjaya Polis Diraja yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, penguasaan undang-undang oleh PDRM hanya akan dapat berjalan lancar dengan wujudnya sistem mahkamah yang cekap. Tahniah juga kepada kerajaan kerana telah menambah lebih ramai hakim-hakim untuk memastikan kelancaran kes-kes di mahkamah. Kini kita dapati kes-kes tertunggak di Mahkamah Sivil sudah berkurangan. Begitu juga di Mahkamah Syariah, walaupun di Mahkamah Syariah mungkin ada lagi rungutan terutamanya tentang pembayaran nafkah kepada wanita yang ditinggalkan suami.

Saya mengharapkan pihak Mahkamah Syariah akan terus berusaha mengurangkan masalah kes-kes liwat dan dapat mengguna pakai arahan-arahan Mahkamah Syariah yang telah digubal dengan efisien. Baru-baru ini kita telah terbaca dalam akhbar mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah yang telah diatasi oleh bidang kuasa Mahkamah Sivil. Perkara bidang kuasa Mahkamah Syariah yang melibatkan orang Islam dan bukan Islam ini bukanlah baru. Satu keputusan dibuat mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam keputusan yang melibatkan dua pihak iaitu Islam dan bukan Islam. Mahkamah Syariah hendaklah diberikan keutamaan. Dalam kita hendak mempertingkat dan memperluaskan pelaksanaan hukum Islam terutamanya dalam konteks Islam Hadhari, saya ingin mencadangkan satu pusat penyelidikan perundangan Islam diwujudkan khusus untuk kajian dan penyelidikan, penguatkuasaan, pelaksanaan dan peningkatan hukum Islam dalam guna pakai hukum Islam harian seperti perbankan dan kewangan Islam.

Selain daripada itu, isu sosial dan jenayah, perundangan Islam adalah yang terbaik, justeru itu, pelaksanaannya juga perlulah yang terbaik. Adalah dicadangkan Mahkamah Syariah perlu mengkaji pelantikan hakimnya yang perlu juga mempunyai

latar belakang sivil dan syariah untuk memperkemarkan pelaksanaan hukum syariah, dan sudahlah tiba masanya wanita diberikan tempat untuk menjadi hakim di Mahkamah Syariah yang bertalu-talu minta dilantik sebagai hakim di Mahkamah Syariah.

Islam adalah 'ad-din' iaitu satu cara hidup. Saya juga turut bimbang seperti kawan-kawan yang lain tentang perkembangan masalah sosial di negara ini. Ramai antara kita memperkatakan tentang Islam, tetapi penghayatannya masih perlu diperbaiki terutamanya dalam peri laku antara kita.

Saya sedih membaca seks bebas dan rambang. Saya masyghul mendengar tentang rogol dan sumbang mahram. Saya dukacita mendengar peningkatan dadah dan GRO, yang mana kita tahu yang berdaftar 370 orang GRO wanita Islam berada di persekitaran dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini. Dan pelbagai lagi isu seperti anak ditinggalkan ibu bapa. Betapa malangnya negara yang masalah sosial yang kian meningkat bukan sahaja di bandar, tetapi juga di kampung dan di desa.

Saya mencadangkan kerajaan mewujudkan jawatankuasa perkembangan sosial di bandar dan di kampung seperti Jawatankuasa Pembangunan Kampung (JKK) yang perlu dianggotai oleh wanita dan diwakili oleh kaum lelaki, untuk memantau kegiatan dan perkembangan sosial di satu tempat ataupun kampung. Ahli JKK ini hendaklah juga dibayar elaun mesyuarat untuk pengiktirafan jawatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Sedikit lagi, boleh tahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat 10 minit sudah cukup. Saya beri 1 minit lagi.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Untuk mengatasi masalah sosial, saya juga bercadang supaya kerajaan mengkaji infrastruktur sosial negara, cuba buat perbandingan dengan negara-negara maju bukan hanya melihat kepada negara Eropah, tetapi cuba lihat apa yang dilaksanakan oleh Rusia sebagai contohnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek penting untuk membendung masalah sosial ialah pendidikan. Tahniah di atas pembahagian dua Kementerian Pendidikan. Saya ingin mencadangkan tadika diberi perhatian yang serius. Guru tadika hendaklah diberikan latihan yang cukup. *Syllabusnya* dikaji teliti dan hendaklah berteraskan

agama Islam sejagat. Saya difahamkan Majlis Rundingan Wanita Islam, YADIM telah memulakan satu Tadika YADIM, model Islam yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu sudah cukup Yang Berhormat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih. Saya mohon menyokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya terpaksa tegas kerana masa kita adalah terhad dan kita perlu bagi masa yang mencukupi kepada pihak kerajaan untuk menjawab serta menggulung di atas perbahasan-perbahasan yang telah pun dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Mariah Haji Abdullah.

4.23 ptg.

Puan Mariah binti Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004. Memandangkan kepada jumlah perbelanjaan tambahan yang diperlukan oleh beberapa kementerian didapati amat besar iaitu berjumlah kesemuanya RM18,988,403,497, maka perbelanjaan tambahan ini perlu dikawal dengan sebaik-baiknya supaya perbelanjaannya tidak lari daripada kehendak Perdana Menteri yang mana pada suatu ketika, beberapa bulan yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengingatkan supaya setiap perbelanjaan yang digunakan itu hendaklah dipergunakan dengan cukup cermat dan berhemah supaya terhindar daripada berlaku pembaziran yang merugikan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada peruntukan tambahan B.8, Jabatan Perkhidmatan Awam, sebanyak RM170 juta, dan B.28, Perbendaharaan Kerajaan sebanyak RM172,700,000 maka kedua-duanya jabatan ini perlulah ingat bersama kepada golongan pesara-pesara kerajaan, yang mana tidak dibayar bonus atau hadiah tahunan pada tahun 2003 yang lalu, sedangkan pada tahun sebelumnya hadiah dan bonus ini telah disumbangkan kepada mereka ini. Kita perlu ingat kepada golongan pesara kerana mereka juga memerlukan perbelanjaan tambahan untuk rawatan

kesihatan dan sebagainya. Jasa bakti golongan ini perlu dihargai kerana kebanyakan daripada mereka telah memberi khidmat bakti kepada kerajaan kita juga negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sentuhkan di sini ialah peruntukan tambahan kepada B.34, Kementerian Kesihatan berjumlah sebanyak RM528,862,200. Pertambahan yang sebegini besar akan dapat memberi keselesaan kepada rakyat untuk mendapat khidmat kesihatan daripada hospital-hospital kerajaan yang adalah di seluruh negara ini, kerana patut menaikkan taraf perkhidmatan di klinik-klinik kerajaan di daerah-daerah dengan menambahkan lagi peralatan perubatan yang canggih, yang amat memerlukan sekarang ini. Contohnya, mesin Hemodialisis masih kekurangan di setiap negeri, mesin X-ray dan sebagainya. Contohnya, di seluruh hospital terpaksa kalau kita hendak menggunakan mesin tersebut untuk mencuci darah terpaksa kena menunggu bergilir-gilir, tak sempat satu hari, dua hari, tiga hari, kerana apa? Mesin Hemodialisis tidak cukup.

Jika peralatan ini tidak dapat diadakan oleh pihak kerajaan pesakit-pesakit tidak perlu lagi pergi memeriksa kesihatan mereka di hospital-hospital yang jauh atau di bandar-bandar besar. Cara sedemikian ini akan dapat mengatasi masalah pesakit-pesakit menunggu untuk mendapatkan rawatan, pemeriksaan doktor berjam-jam lamanya seperti mana yang sedang berlaku ketika ini.

Perkara ketiga yang saya ingin sentuhkan di sini ialah peruntukan B.44, Kementerian Penerangan yang mendapat tambahan sebanyak RM45,395,500. Tambahan yang sebegini besar patutlah pihak Kementerian Penerangan melipatgandakan usaha berkempen atau memberi penerangan kepada rakyat jelata terutama golongan muda mengenai bahaya kejadian jenayah, mendera, meragut dan sebagainya.

Negara pada ketika ini, sekiranya Kementerian Penerangan mengadakan program-program Sure Heboh mendapat sambutan dari golongan belia sebegini hebat sekali, maka usaha membasmi jenayah dengan mengadakan penerangan-penerangan yang lebih hebat lagi boleh disiarkan di kaca TV. Kesedaran mental perlu juga diperhebatkan supaya dengan cara ini kita dapat membantu pihak-pihak kerajaan dan pihak-pihak polis menangani masalah jenayah dan sebagainya yang sering berlaku dalam masyarakat kita pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana tidak melebihi 10 minit. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Puan Siw Chun.

4.30 ptg.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya untuk bersama-sama membahaskan dan seterusnya menyokong suatu akta yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2003) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat bekas Perdana Menteri iaitu Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir Mohamad berkata bahawa kerajaan akan mengambil alih semua pembinaan rumah kos rendah dan sederhana serta projek-projek perumahan terbengkalai melalui satu syarikat iaitu Syarikat Perumahan Negara dengan mewujudkan satu skim yang dinamakan Skim Mampu Milik.

Niat beliau tak lain dan tak bukan adalah untuk melihat satu projek yang berjaya untuk mengatasi masalah perumahan khususnya bagi pegawai kerajaan, pegawai kerajaan yang berpendapatan rendah, Polis dan tentera yang hari ini masih ramai lagi yang menduduki kawasan setinggan dalam negara kita.

Anak-anak mereka tidak dapat belajar dengan baik dan tinggal dengan selesa, maka dengan sebab itu masalah-masalah sosial seperti budaya lepak di pusat-pusat membeli belah dan di taman-taman dengan terdedah kepada pelbagai gejala sosial semakin berleluasa. Beliau juga mengumumkan bahawa SPN akan diberi tanggungjawab membina 150,000 unit rumah kos rendah dan sederhana di seluruh negara hingga tahun 2005 supaya impian ataupun hasrat kerajaan untuk menyelesaikan dan membantu 25 juta rakyat Malaysia supaya satu keluarga mempunyai satu rumah yang mereka mampu miliki yang boleh mensejahterakan anak-anak mereka.

Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memberi laporan atau penjelasan mengenai hal ini semasa menggulung perbahasan rang undang-undang ini nanti.

Satu lagi kemusykilan yang saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian mengenai dengan Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan Syarikat Perumahan Negara (SPN) dan di kerajaan-kerajaan negeri pula diwujudkan Jabatan Perumahan Negeri (JPNN) di mana pada pendapat saya ketiga-tiga agensi ini mempunyai fungsi, matlamat ataupun objektif yang sama iaitu semata-mata untuk membina rumah-rumah rakyat atau rumah mampu milik demi kepentingan rakyat.

Kenapa ketiga-tiga agensi ini tidak disatukan dan hanya mewujudkan satu agensi sahaja bagi melaksanakan tanggungjawab ini bagi mengelakkan timbul tindih kerja di antara ketiga-tiga agensi ini. Saya ingin mencadangkan supaya kuasa ini diturunkan kepada SPN supaya hanya SPN sahaja dengan kerjasama kerajaan negeri tentang pengambilan tanah untuk pembinaan rumah-rumah yang dimaksudkan mengikut keperluan rakyat masing-masing dengan mengambil kira lokasi yang strategik, reka bentuk yang bersesuaian supaya tidak wujudlah sejumlah 9,000 lebih unit rumah murah yang tidak dapat dijual dalam negara kita seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan semasa menjawab soalan lisan salah seorang Ahli Dewan Negara dalam Dewan yang mulia ini pada dua hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya dengan pelantikan Ahli Yang Berhormat bagi Putrajaya dapat membawa SPN kepada hala tuju ke satu tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang dan menyelesaikan masalah-masalah yang timbul sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menjawab soalan bertulis saya pada 27 Julai 2004 mengatakan bahawa bilangan pesakit hemodialisis di dalam negara sehingga 31 Disember 2003 adalah sebanyak 9,795 orang dan bilangan pesakit yang mendapat rawatan di hospital-hospital kerajaan setakat 31 Disember 2003 adalah 3,918 orang. Maka baki lagi 5,877 orang pesakit hemodialisis yang perlukan rawatan.

Katakanlah 3,000 pesakit berkemampuan mendapatkan rawatan di pusat-pusat rawatan hemodialisis swasta sebagaimana yang kita mengetahui bahawa caj yang dikenakan agak tinggi, iaitu di antara RM150 sehingga RM170 sekali rawatan. Jadi tiga kali dalam seminggu, 12 kali sebulan sudah menjadi RM1,800 sebulan. Maka tidak hairanlah bila saya diberitahu oleh ahli keluarga pesakit, bahawa mereka terpaksa menjual harta benda mereka hanya untuk membayar kos rawatan tersebut. Itu bagi orang yang ada duit. Bagaimana pula jadinya baki yang 2,877 pesakit yang kurang berkemampuan? Jadi tidak hairanlah ada juga ahli keluarga mereka yang memberitahu saya bahawa ibu bapa ataupun ahli keluarga mereka mati begitu sahaja kerana terpaksa menunggu giliran untuk mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan kerana tidak berkemampuan untuk membayar kos rawatan yang begitu tinggi sekali di pusat-pusat hemodialisis swasta.

Oleh yang demikian, saya memohon supaya pihak Kementerian Kesihatan memandang serius tentang perkara ini dan membuat kajian yang terperinci memandangkan kian meningkatnya bilangan pesakit-pesakit hemodialisis di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya turut menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkas dan padat juga tidak melebihi 10 minit. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Wan Nordin dan saya minta Yang Berhormat Puan Jaya Partiban kerana beliau juga berdiri tadi semasa Tuan Yang di-Pertua mengira jumlah Ahli-ahli yang hendak berbahas. Saya minta Puan Jaya Partiban bersedia. Saya minta Yang Berhormat Tuan Wan Nordin dahulu.

4.40 ptg.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira saya orang ketiga, saya kira orang terakhir yang akan membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (2003) 2004. Rupa-rupanya ada Yang Berhormat Puan Jaya Partiban yang *last*. Kalau tidak ketiga-tiga orang Perlis berbincang akhirnya sesuai dengan kami duduk di utara sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ungkapan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Omar Fauzar tadi berkenaan dengan jenama. Ini saya hendak cerita kisah benar. Saya satu hari pergi ke Kelantan untuk membeli batik. Saya masuk ke suatu kedai dan di suatu penjuru kedai itu saya terbaca "*C O M E* lepas itu *L.O T T E*" bagi saya ini satu jenama baru yang mungkin hendak diperkenalkan di Kelantan. Tetapi bila saya tanya tuan punya kedai itu, dia kata sudut ini ialah sudut "*Come dan Lotte*" jadi saya ingat kot jenama itu jenama baru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membincangkan Akta Perbekalan Tambahan ini, apa yang kita hendak sentuh ialah tujuan akta dikemukakan kepada Dewan ialah untuk mendapatkan kelulusan daripada Dewan Negara ini tentang perbelanjaan tambahan bagi tahun 2003 yang tidak diperuntukkan di bawah belanjawan yang lalu.

Kepada kita, ia jelas menunjukkan bahawa kita kena lihat kembali semasa kita menyediakan belanjawan untuk tahun 2005 kita akan bincang pada bulan Oktober,

insya-Allah supaya perbelanjaan ini yang sepatutnya merangkumi dalam belanjawan tahun 2003 itu melebihi apa yang kita rancang.

Oleh sebab itu, jumlah yang disebutkan di sini ialah sebanyak dekat-dekat dengan RM19 bilion. Ini satu angka yang begitu besar. Ini memberi kita satu anggapan bahawa perancangan belanjawan yang diadakan tempoh hari itu tidak mengambil kira peruntukan-peruntukan yang memohon kelulusan. Kalau angkanya di persekitaran dalam perniagaannya *within 10% variance*, maka kita biasa menerima tanpa menyoalkan mereka yang terlibat dalam penyediaan belanjawan tiap-tiap tahun. Sebab itu kita mohon supaya belanjawan yang akan datang, yang akan dibentangkan pada bulan September ini, semua faktor untuk 2005 diambil kira supaya *variance* dalam belanjawan ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tidak melebihi 10%. Ini akan membuktikan bahawa kita mempunyai anggota-anggota yang merancang belanjawan ini yang begitu cekap.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak ambil kira apa yang dibangkitkan di dalam Dewan ini dalam dua hari yang lalu apabila kita membincangkan akta ini, saya ingat setakat RM19 bilion pun tidak cukup. Jadi mungkin kalau hendak memenuhi semua tuntutan sama ada daripada Sabah, Sarawak, Perlis dan sebagainya, mungkin RM50 bilion pun tidak cukup tambahannya.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menambah jumlah itu kalau boleh kepada Kementerian Pertahanan kerana kementerian ini adalah satu kementerian yang akan menjamin bahawa keutuhan negara ini dapat dipertahankan daripada serangan-serangan luar, maka jangan kita cuai terhadap peruntukannya supaya dapat kita menjenterakan ketenteraan kita - *"Today's world, the war is fight no longer with the number of soldiers you have, is the weapon that you had"*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dahulu ada saya sebut menjenterakan industri binaan, sekarang disebut menjenterakan ketenteraan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya tidak akan mengambil 10 minit masa yang diperuntukkan itu, saya pohon untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Jaya Partiban. Yang Berhormat ada masa lebih sedikit yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Puan Jaya Partiban: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Saya beri lebih dua minit.

Puan Jaya Partiban: ... dan juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang memberi masa yang lebih sedikit. Terima kasih.

Sebelum saya menyokong Perbekalan Tambahan ini, saya ingin menyentuh sedikit tentang Jabatan Perdana Menteri. Dalam keluarga kita apabila berlaku perselisihan faham ataupun apa-apa yang kita kurang puas hati, kita selalunya membuat aduan kepada ketua keluarga iaitu bapa. Dalam negara, kalau kita tidak berpuas hati tentang hal apa jua pun, kita biasanya mengadu kepada Ketua Negara iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mengikut kebiasaan inilah, saya akan membangkitkan beberapa isu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila seorang Ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini membangkitkan sesuatu soalan, maka kita mengharapkan bahawa ada wakil-wakil dari kementerian tertentu memberi jawapan. Mungkin kadang-kadang kita tidak bersetuju dengan jawapan, kadang-kadang kita kurang berpuas hati dengan jawapan tetapi kita memerlukan satu jawapan. Dengan tujuan itulah saya mahu membangkitkan satu soalan pada 21 hari bulan yang lalu dan saya merasa kecewa bahawa tidak ada wakil dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk memberi jawapan. Bukan sahaja itu, sehingga ke hari ini tidak mendapat jawapan dari pihak kementerian tersebut.

Saya rasa mungkin ini adalah macam tidak kisah sangat tentang Dewan Negara tetapi kalau itu berlaku di Dewan Rakyat, ia akan dijadikan satu isu. Apabila Dewan Rakyat bersidang kita sering mendapati bahawa semua wakil dari kementerian-kementerian turut hadir tetapi di Dewan Negara kadang-kadang kita toleh ke belakang, kita tengok adakah siapa-siapa wakil dari kementerian ataupun kerajaan, mereka tidak ada di sini. Setiausaha Parlimen pun tidak ada. Dewan Negara bersidang hanya 6 hari, bukan berbulan-bulan ataupun berminggu-minggu.

Saya merayu kepada Jabatan Perdana Menteri khususnya ada seorang Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal-ehwal Parlimen supaya memberi perhatian kepada isu ini dan juga apabila pandangan diberi ataupun soalan ditimbulkan, walaupun pada masa sesi soal jawab tidak dapat membangkitkan soalan kita, selepas itu mengagihkan jawapan kepada kami.

Di samping itu, saya juga ingin Jabatan Perdana Menteri ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memberi perhatian kepada pengambilan

kakitangan perkhidmatan awam. Masih terdapat kalau saya sebutkan diskriminasi, mungkin ada rakan di antara kita berkata tidak ada diskriminasi tetapi saya rasa kadang-kadang ada juga rakan saya tanya saya, kenapa sering membangkitkan soal macam ini ataupun soal berhubung dengan isu-isu kaum India. Di sini, semua Senator adalah dilantik mengikut kumpulan tertentu. Kami ada enam, tujuh orang di sini adalah dilantik atas cadangan Presiden Parti MIC dan kita mewakili masyarakat India. Inilah sebabnya kita sering bangkitkan.

Kita tidak rasa tersinggung ataupun rasa kurang berpuas hati apabila dibangkitkan soal-soal berhubung dengan kaum bumiputera. Begitu juga ada golongan yang membangkitkan isu-isu yang berhubung dengan kaum bumiputera, ada yang membangkitkan isu-isu yang bersabit dengan pekerja kaum Cina, kaum India, Orang Asli sebab kita mewakili masyarakat tertentu di Dewan ini, maka kerana itulah kita bangkitkan. Bukan isu perkauman.

Saya pun rasa sedih apabila ada pertanyaan, apakah ini kerana tidak kesetiaan yang bukan Melayu tidak memasuki tentera atau pasukan polis? Dengan izin, *I can assure you* taat setia kita tidak boleh dipersoalkan. Saya tidak tahu negara lain. Saya dilahirkan di negara ini. Saya mempunyai rumah. Apa juga harta benda saya ada, adalah di negara ini. Anak-anak saya adalah warganegara Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara Malaysia?

Puan Jaya Partiban: Tentu, betul. Kita tidak ada, macam masih hendak pandang kepada kita sebagai mungkin taat setia kita berbelah bagi, itu saya rasa adalah kurang tepat. Saya hanya hendak membuat penjelasan ini supaya rakan-rakan kita di sini tidak salah faham bahawa kita membangkitkan isu perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hal perkhidmatan awam, saya ingin berucap di sini bagi menyatakan bahawa dasar-dasar kerajaan adalah baik, adalah adil tetapi dari segi pelaksanaannya, dengan izin, *enforcement*, ada kelemahan, ada kekurangan. Sama-samalah kita cuba mengatasi, cuba kaji apakah kelemahan dan mengatasinya supaya integrasi kaum itu diberi jaminan, perpaduan negara ini diberi jaminan.

Kestabilan dan keamanan negara ini banyak bergantung kepada isu perpaduan. Itu adalah penting. Sesudah 47 tahun negara Merdeka, sepatutnya saya tidak perlu lagi pada setiap kali ada pengambilan bagi kemasukan ke universiti, saya mesti buat *appeal*, rayuan. Ini sepatutnya tidak perlu lagi. Siapa sahaja yang ada

kelayakan yang penting, yang memerlukan, mesti diberikan tempat. Kenapa mesti perlu menghantar rayuan untuk meminta pinjaman ataupun biasiswa, mesti ada rayuan, mesti ada sokongan sehingga Perdana Menteri sendiri pun perlu campur tangan. Kenapa perkara itu berlaku?

Kalau katakan mereka yang mendapat gred ini, *points* ini perlu diberi tempat, berilah walau kepada sesiapa pun, apa yang kita tanya? Peluang untuk melanjutkan pelajaran untuk masa hadapan yang dijamin bukan seperti meminta kekayaan, bukan minta peruntukan yang berlebihan. Saya merayu kepada Jabatan Perdana Menteri supaya mengambil perhatian terhadap isu-isu ini.

Oleh sebab Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua ada di sini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apabila kita mempunyai satu akaun di bank, misalnya saya mempunyai akaun bank di Bank Bumiputera Jalan Tun Sambanthan tetapi saya hendak *cash cheque* saya sendiri di cawangan PWTC, saya perlu membayar RM5. Saya rasa itu adalah terlalu banyak dan tidak adil. Itu akaun saya sendiri, bukan orang lain pergi mengambil wang tunai. Akaun saya sendiri saya tidak boleh ambil kecuali saya sanggup membayar RM5. Saya berharap Kementerian Kewangan dapat memberi satu penjelasan.

Saya juga ingin meminta Kementerian Dalam Negeri supaya membuat satu keputusan untuk menutup semua pusat hiburan termasuk kelab malam pada tengah malam, pada pukul 12.00 tengah malam. Saya rasa selepas waktu itu, selepas pukul 12.00 tengah malam, kita ada tugas lain – tidur, rehat. Ini juga secara tidak langsung menambahkan produktiviti negara kerana rakyat akan bangun awal pagi, boleh menumpukan kepada kerja-kerja harian. Kenapakah ia dibenarkan beroperasi berterusan sampai pukul satu, dua, tiga pagi, lagi pun semua agama di negara kita juga melarang kegiatan-kegiatan yang kurang sihat.

Jadi saya harap Kementerian Dalam Negeri mengambil kira semua faktor ini mengikut kebudayaan, keadaan, keperluan negara dan juga semua bangsa. Kita bukan hendak adakan hiburan untuk orang-orang Barat. Di negara-negara Barat pun selepas pukul 11.00 malam kita tidak dapat membeli makanan kerana semua kedai sudah ditutup, tetapi di sini kita ada restoran 24 jam. Saya pun tidak tahu siapa yang makan 24 jam? Selepas pukul 12.00 malam kita tidur, kenapa perlu makan lagi? Kalau perlu pun, bolehlah, kalau hendak minum atau apa-apa, boleh dilakukan di

rumah kita sendiri. Saya berharap Kementerian Dalam Negeri mengambil perhatian perkara ini.

Satu lagi perkara yang saya minta kepada Kementerian Dalam Negeri adalah tentang keselamatan dalam negeri. Maksud saya, sekarang banyak berlaku kejadian ragut dan juga perbuatan jenayah lain, mungkinkah kementerian boleh mengkaji supaya mengadakan satu kempen "Bebas Jenayah" or dengan izin, "*Crime Free Campaign*" dengan bertujuan untuk membawa kesedaran kepada orang awam supaya memberi respons secara spontan apabila berlaku sesuatu kejadian yang tidak diinginkan. Kalau tidak, jika ada orang berlari, ada orang dikejar, orang awam tidak ambil kisah.

Pada satu kejadian ada ramai lelaki di dalam sebuah kedai di mana saya pun berada, saya nampak mereka. Ada seorang wanita menjerit dan lari sementara seorang lelaki mengekori dan mengejanya, dan di sana pula terdapat beberapa orang belia, hampir 20 orang tetapi tidak mengambil kisah sesiapa pun. Untuk membawa kesedaran kepada mereka supaya dapat memberi respons secara spontan, apabila berlaku sesuatu kejadian maka perlulah ada respons. Untuk membawa kesedaran itu, saya rasa kita perlukan satu kempen, mungkin selama satu bulan "*crime free*". Saya minta kepada Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil perhatian.

Kepada Kementerian Kesihatan saya juga ingin membuat satu saranan iaitu selepas saya dilantik sebagai Senator, saya ada membangkitkan soalan ini iaitu semua klinik di sektor perladangan hendaklah diletakkan di bawah Kementerian Kesihatan. Pada ketika itu pihak kementerian memberi jawapan bahawa kementerian "Sedang membuat kajian, akan mengambil langkah yang perlu" tetapi sehingga sekarang sudah hampir lima tahun saya tidak nampak apa-apa *follow-up action*, dengan izin, dari Kementerian Kesihatan. Saya berharap sektor perladangan ini akan diberi perhatian oleh Kementerian Kesihatan dan bukan tumpuan diberi kepada hospital-hospital besar di bandar-bandar besar sahaja.

Saya juga ada satu permohonan kepada Kementerian Sumber Alam oh, Kementerian Sumber Manusia, mohon maaf. Pada satu ketika dulu, semua penjaga ataupun pengasuh (TASKA) di taman asuhan kanak-kanak di sektor perladangan diberi latihan oleh majikan sendiri. Sebelum itu Kementerian Kebajikan memberi latihan dan selepas itu diserahkan kepada Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Sumber Manusia pula memberi tugas ataupun tanggungjawab itu kepada tuan punya estet, tetapi sampai masa sekarang masih terdapat tadika seperti itu

bukan tadika, saya minta maaf, TASKA, tidak mempunyai pengasuh yang memberi latihan yang perlu.

Saya mintalah, dengan adanya tambahan-tambahan peruntukan ini, ada peruntukan yang begitu besar daripada kerajaan, kementerian-kementerian perlulah mengadakan latihan-latihan yang perlu supaya kanak-kanak di ladang juga diperbesarkan dalam satu suasana yang kondusif, yang sihat dan mereka juga tidak ketinggalan sebab ramai daripada mereka tidak dapat pergi ke tadika kerana bukan semua sekolah ada tadika. Di sektor ladang banyak sekolah yang tidak ada tadika dan kalau mereka hendak hantar anak-anak mereka ke tadika yang berhampiran, ibu bapa tidak mampu berbuat sedemikian.

Jadi saya benar-benar berharap supaya kita lebih sensitif terhadap isu-isu ini dan dengan ini saya rasa masa pun [*Memandang ke arah jam dalam Dewan*] sudah sampai, saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua untuk menjawab serta menggulung bagi pihak kerajaan.

5.00 ptg.

Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop]: Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.*

Terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi tabik hormat kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, yang telah memberi cadangan, teguran dan yang telah membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 dan saya ingin mengucapkan terima kasih atas segala pandangan yang telah diberi.

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana saya berpeluang hadir di dalam Dewan yang mulia ini pada petang ini sebagai seorang rakyat bumi bertuah bernama Malaysia ini. Ketika negara-negara lain mengalami berbagai-bagai masalah, negara kita negara tercinta, bukan sahaja berada di dalam

keadaan aman damai tetapi diakui sebagai negara Islam contoh yang disegani oleh masyarakat dunia. Ini ialah kerana negara kita sejak merdeka dahulu dianugerahkan dengan pemimpin-pemimpin yang berani, ikhlas dan berwawasan.

Contohnya, ketika negara mengalami krisis ekonomi yang dahsyat akibat serangan spekulator mata wang pada tahun 1997, Perdana Menteri kita pada ketika itu, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melaksanakan kawalan mata wang dan akhirnya telah menyelamatkan negara kita daripada meminta sedekah daripada IMF. *[Tepuk]*

Semalam Tuan Yang di-Pertua telah menyebut beberapa kali tentang *nation building*, saya ingin, Tuan Yang di-Pertua, memberi sedikit statistik tentang perkembangan sejak kita merdeka dan khasnya sejak tahun 1980. Kadang-kadang kita sendiri tidak begitu sedar tentang kemajuan yang telah dicapai oleh negara kita.

Misalan, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1980, *per capita income* kita hanyalah RM3,730. Tiap-tiap rakyat Malaysia secara purata pendapatan mereka ialah RM3,730. Sekarang, alhamdulillah, pendapatan rakyat Malaysia secara purata ialah RM15,376. Dari segi *purchasing power parity*, dengan izin, sebab *cost of living* adalah begitu rendah di Malaysia, pada tahun 1980, *purchasing power parity* ialah sama dengan USD4,487. Sekarang kuasa beli Ringgit ialah hampir RM10,000.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1980, kadar kemiskinan kita ialah 37% dan di kalangan bumiputera, kadar kemiskinan ialah 49%, bagi kaum Cina 16% dan kaum India 19%. Alhamdulillah, hari ini kadar peratus hanyalah 5% dan semakin lama semakin kurang.

Dari segi kenderaan misalannya, pada tahun 1980, jumlah *passenger car* di seluruh Malaysia hanyalah 60,000. Hari ini jumlah *passenger car* ialah 450,000. Telefon bagi tiap-tiap 100 penduduk Malaysia pada tahun 1980 hanya empat orang yang mempunyai telefon, sekarang hampir 20 orang. *Registered motorcar* pada tahun 1980, jumlah kereta di Malaysia hanyalah 843,000 buah, sekarang lebih daripada 4.5 juta buah.

Literacy rate pada tahun 1980 ialah 70%, sekarang 94%. Satu perkara yang mungkin kita ingin ambil perhatian ialah kadar penceraian pada tahun 1980 ialah 0.25% dan sekarang turun kepada 0.13%. Biasanya bila sesebuah negara maju menjadi moden, kadar penceraian akan naik meningkat, tetapi di Malaysia berlainan

sedikit, kita semakin lama semakin maju, tetapi kadar penceraian semakin kurang. Itu adalah satu petanda yang baik.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang jumlah profesional yang telah diwujudkan di negara kita. Pada tahun 1980, jumlah doktor di Malaysia hanyalah 3,300 orang dan jumlah doktor bumiputera dalam tahun 1980 hanyalah 341 orang. Ini termasuk Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri dan juga Tun Dr. Mahathir dan isteri Tun Dr. Mahathir. Kalau kita tolak Tuan Yang di-Pertua dengan Tun Dr. Mahathir dan isterinya, Dr. Siti Hasmah, hanyalah 338 orang doktor bumiputera pada tahun 1980. Sekarang, alhamdulillah, hampir 5,000 orang doktor bumiputera.

Pada tahun 1980, 3,300 orang doktor, sekarang hampir 13,000 orang doktor. Arkitek pada tahun 1980 hanya 520 orang arkitek di Malaysia bagi warga Malaysia, sekarang lebih daripada 3,000 orang arkitek warga Malaysia. Arkitek bumiputera dalam tahun 1980 hanya 57 orang di Malaysia, sekarang hampir 1,400 orang arkitek bumiputera. Jumlah rakyat Malaysia yang menjadi akauntan di Malaysia pada tahun 1980 hanyalah 1,500 orang dan bumiputera hanyalah 120 orang yang jadi akauntan di Malaysia. Sekarang jumlah akauntan melebihi 17,000 orang dan akauntan bumiputera melebihi 3,000 orang.

Jurutera, pada tahun 1980 – 8,000 orang warganegara Malaysia jadi jurutera, sekarang melebihi 38,000, hampir 40,000. Bumiputera pada tahun 1980 hanya 1,500 orang sahaja yang jadi jurutera, sekarang hampir 17,000 kaum bumiputera yang bertugas sebagai jurutera. Sama juga dengan peguam. Pada tahun 1980, jumlah peguam di Malaysia hanyalah 1,150 orang, sekarang lebih dari 10,000. Dahulu 173 bumiputera yang jadi peguam, sekarang melebihi 3,000.

Akhir sekali juruukur. Jumlah pada tahun 1980 – 405, sekarang melebihi 2,000 iaitu 2,334 bumiputera dari 130, sekarang melebihi 1,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi sedikit statistik untuk menegaskan bahawa negara kita telah begitu maju sejak merdeka dan sejak tahun 80-an. Saya dengar di Dewan yang mulia ini banyak teguran dan cadangan. Memang benar, kita ini bukan *perfect*, dengan izin. Banyak perjuangan masih belum diselesaikan dan banyak perkara harus dilakukan, memang banyak lagi kelemahan. Tetapi kadang-kadang kita lupa tentang kemajuan yang telah dicapai dan barangkali elok juga sekali sekala kita pandang ke belakang dan sedar tentang kemajuan yang telah dicapai oleh negara kita.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang perbankan Islam dan juga pajak gadai Islam yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, dan sebelum itu saya ingin mengesahkan bahawa pajak gadai Islam yang berasaskan kepada sistem Ar-Rahnu memang boleh digunakan oleh kaum muslim dan juga kaum bukan muslim, tidak terhad kepada kaum Islam sahaja, sama juga dengan perbankan Islam.

Saya ingin berhujah sedikit tentang perbankan Islam. Kita mula perbankan Islam dalam tahun 80-an dan mungkin kita tidak sedar bahawa satu keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri kita pada tahun 1981, sebaik sahaja Tun Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai Perdana Menteri dalam tahun 1981. Satu keputusan awal yang dibuat oleh beliau ialah untuk mewujudkan sistem perbankan Islam. Pada masa itu, tahun 80-an tidak ada negara lain yang berani untuk mewujudkan sistem perbankan Islam sebab mereka khuatir bahawa sistem yang ada, sistem yang konvensional sudah begitu maju, sudah begitu kukuh dan kalau kita mewujudkan satu sistem yang berlainan, mungkin akan menjadi huru-hara, *upset the apple cart* negara lain tidak berani tetapi Tun Dr. Mahathir Mohamad berani, negara Malaysia kita berani.

Kita mewujudkan perbankan Islam pada tahun 1983, bermula tahun 1981 kita mewujudkan satu Jawatankuasa Pemandu dan selepas itu jawatankuasa membuat syor, dan syor itu diterima oleh kerajaan dan Bank Islam Malaysia Berhad telah mula bertugas pada tahun 1983. Setapak demi setapak kita memperbaiki sistem perbankan Islam, sehingga sekarang kita menjadi contoh kepada dunia bukan sahaja dunia Arab, tetapi juga dunia Islam dan negara bukan Islam tentang perbankan Islam.

Model Malaysia berhubung dengan perbankan Islam adalah satu model yang unik, tidak ada negara lain yang mempunyai sistem yang kita punyai sekarang. Biar saya jelaskan. Kalau kita bahagikan negara-negara OIC, jumlah negara-negara OIC ialah 57 buah negara dan kita boleh bahagikan negara-negara OIC kepada beberapa kumpulan dari segi pelaksanaan sistem perbankan Islam. Ada negara yang hanya mempunyai sistem perbankan Islam dan tidak mempunyai sistem konvensional. Misalnya Sudan, Pakistan, Iran tetapi sistem itu tidak begitu canggih, sistem itu *simple*, itu kategori yang pertama.

Kategori yang kedua, ada juga negara yang tidak ada langsung, sungguhpun negara OIC tetapi tidak ada langsung sistem perbankan Islam. Hanya terdapat sistem perbankan konvensional, itu kategori yang kedua.

Kategori yang ketiga, ada sistem perbankan Islam tetapi sistem perbankan Islam ataupun institusi perbankan Islam adalah di pinggir sistem aliran utama. Ia bukan jadi sistem aliran utama, tetapi ia ada satu atau dua institusi yang wujud di pinggiran sistem aliran utama, itu kategori yang ketiga.

Kategori yang keempat ialah kita. Hanya Malaysia yang mempunyai dua sistem perbankan; satu konvensional, satu *Islamic*, dua-dua canggih, dua-dua komprehensif, kedua-dua sistem mempunyai rangkaian yang begitu kukuh, dua-dua sistem mempunyai prasarana yang begitu baik, hanya Malaysia dan sistem kita telah wujud. Setakat ini alhamdulillah hampir 10% sistem perbankan adalah sistem perbankan Islam. Matlamat dan objektif kita ialah untuk mencapai 20% sebelum tahun 2010. Itu adalah satu keunikan, satu kelebihan yang dipunyai Malaysia. Kita mempunyai bukan sahaja sistem perbankan Islam, kita mempunyai insurans Islam, sistem Takaful dan kita juga mempunyai seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sistem pajak gadai Islam.

Sistem pajak gadai Islam diwujudkan dalam tahun 1993 dan sistem ini memang berlainan kalau dibandingkan dengan Sistem Pajak Gadai Konvensional dari beberapa segi. Sistem pajak gadai Islam berasaskan Konsep Ar-Rahnu dan juga berasaskan kepada beberapa konsep perbankan dan kewangan Islam termasuk Konsep Qardul Hassan. Cara sistem pajak gadai Islam diwujudkan ialah untuk mengelakkan eksploitasi, mengelakkan riba, mengelakkan pembayaran balik yang tinggi, memang tidak ada faedah langsung dan fi yang kena dibayar adalah rendah dan juga penyelesaian dalam kedai pajak gadai Islam yang berasaskan kepada Ar-Rahnu berlainan sedikit. Kalau kita pernah pergi, saya haraplah kita tidak pernah pergi ke pajak gadai Islam, tetapi kalau kita kena pergi, kita tahu bahawa sebelum kita masuk pajak gadai Islam, kita tengok kiri kanan dahulu, supaya kawan tidak nampak, kita malu. Bila kita masuk ke dalam, tauke duduk atas platform, kita seolah-olah minta sedekah, dia duduk atas, kita duduk di bawah. Tetapi Sistem Ar-Rahnu lain sedikit, kita masuk ke dalam macam pejabat biasa, depa bagi kita minum teh, kita boleh minum teh dan urusan biasa.

Saya tidak harap Ahli-ahli Yang Berhormat terpaksa pergi ke Kedai Ar-Rahnu tetapi kalau setakat pergi turun padang, hendak tengok bolehlah. Itu satu kelebihan Malaysia sebab tidak ada negara lain yang pernah wujud pajak gadai Islam. Tidak ada negara lain, hanya Malaysia. Memang kita harap suatu hari nanti tidak wujud keadaan

di mana rakyat terpaksa pergi ke sistem pajak gadai konvensional ataupun sistem pajak gadai Islam. Tapi setakat ini kita memang cuba sedaya upaya untuk memberi penyelesaian dalam keadaan tertentu. Itu perkara yang kedua.

Perkara yang ketiga yang juga pernah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat ialah tentang peranan wanita dalam kerajaan dari segi politik dan dari segi pentadbiran kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu lagi kelebihan sebab di antara negara-negara di seluruh dunia, kalau kita tanya soalan mana satu negara yang mempunyai tiga ciri iaitu negara Islam, ia demokratik dan ia progresif dan moden. Mana dia? Hanya Malaysia, tidak ada negara lain dalam dunia yang mempunyai ketiga-tiga ciri iaitu *Islamic*, demokrasi dan maju serta moden. Ada negara demokratik tetapi tidak *Islamic* dan mungkin tidak progresif. Ada negara yang progresif tetapi tidak demokratik. Tetapi kalau kita letakkan ketiga-tiga syarat hanya Malaysia negara kita yang mempunyai ketiga-tiga ciri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini satu ciri yang penting ialah peranan wanita. Dari segi peranan wanita dalam pentadbiran swasta, kerajaan tidak ada negara lain, sungguhpun kita ambil contoh negara Eropah, US, Britain, dan France berbanding negara kita, kita lebih maju dari segi peranan wanita dalam negara, dari segi ekonomi. Misal di Kementerian saya sendiri, di Kementerian Kewangan hampir 50% dari ketua-ketua jabatan adalah dari kaum wanita. Dua dari tiga Timbalan Ketua Setiausaha adalah wanita dan kita nampaknya lebih progresif dari segi peranan wanita, dari segi memastikan bahawa wanita memainkan peranan yang penting, kita lebih progresif dari negara-negara lain termasuk negara yang dianggap maju, seperti negara US.

Kita tidak ada diskriminasi berasaskan tangga gaji, kalau lelaki mendapat gaji sekian banyak, kaum wanita pun mendapat gaji yang sama, tetapi di negara maju yang lain wanita diberi gaji yang lebih rendah tetapi bukan di Malaysia. Sejak tahun 60'an kita tidak pakai diskriminasi. Kaum lelaki dan kaum perempuan mendapat gaji yang sama. Dan ada KSU lelaki dan ada juga KSU perempuan, dan ada KSU lelaki berkahwin dengan KSU perempuan. *[Ketawa]* Kedua-duanya menjadi KSU. Di negara lain mana ada kedua-duanya menjadi KSU. Kalau tidak silap saya suami jadi KSU, isteri jadi KSU tetapi isteri jadi KSU lebih awal dari suami jadi KSU. Itulah satu kelebihannya.

Timbalan Yang di-Pertua: Dahulu Yang Berhormat, kita juga ada suami itu Menteri dan isterinya juga Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Ya, kita ada pernah sekali dahulu. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kelebihan kita di Malaysia yang jarang disebut ialah tentang *fiscal discipline*. Kita selalu sebut kita *fiscal discipline*, kita adalah negara disiplin tentang perbelanjaan kita. Tetapi saya hendak beri satu contoh untuk menunjukkan bagaimana sejak awal dahulu sejak merdeka dahulu kita begitu disiplin.

Setiap negara khasnya negara membangun bila ia merdeka, memang diwujudkan bank pusat iaitu Bank Negaranya. Apabila diwujudkan Bank Negara ada satu syarat bahawa kerajaan bolehlah meminjam dari Bank Pusat sekiranya perlu. Bank Pusat boleh memberi pinjaman kepada kerajaan dan pinjaman ini harus dibayar balik dalam tempoh sekian.

Hampir semua negara membangun pernah meminjam dari Bank Pusat mereka. Itu perkara biasa. Kadang-kadang bayar balik, kadang-kadang tidak bayar balik. Tetapi di Malaysia sejak tahun 1957 kerajaan tidak pernah meminjam dari Bank Negara, tidak pernah. Bahkan deposit kita di Bank Negara begitu banyak. Tidak pinjam satu hal tetapi kita letak lagi deposit kita. Jadi itu satu lagi kelebihan negara Malaysia berbanding negara-negara yang lain. Saya berhujah sedikit tentang....

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri di atas laluan yang diberikan kepada saya. Pertama sekali tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri kerana hadir sendiri untuk menjawab soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dan merupakan satu penghormatan kepada Dewan Negara pada hari ini. *[Tepuk]* Tahniah diucapkan dan sekali lagi tahniah kerana Tan Sri jugalah merupakan pencetus idea kepada siling *at the three eighty* (US\$3.80) yang memberi cadangan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir pada masa itu.

Cuma kita lihat sekarang ini sebaik sahaja Tan Sri menerajui Kementerian Kewangan, kepercayaan kepada tenaga muda terutamanya kepada teraju-teraju utama dalam GLC dan juga jawatan-jawatan penting seperti Setiausaha Politik dan sebagainya telah diberi peluang kepada tenaga muda dan dinamik untuk bersama-sama memajukan negara yang kita sayangi ini. Apa yang Tan Sri bentangkan di awal

tadi ialah melihat bahawa segala-galanya kita telah mencapai kejayaan. Tetapi apa yang menimbulkan sedikit kekeliruan dan masalah-masalah yang remeh-temeh ialah bagaimana kita hendak menguruskan kejayaan yang telah kita capai sekarang ini. Apa pandangan Tan Sri berhubung perkara ini. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat. Memang dari segi pengurusan ekonomi, isu kita sekarang ini adalah untuk menguruskan negara. *The problem of prosperity*, dengan izin. Kita memang ada *prosperity* tetapi ada isu *prosperity* yang kita harus menguruskan negara dari segi *prosperity*.

Kerajaan memang sedar bahawa sungguhpun kita telah mencapai begitu banyak objektif tetapi masih banyak yang belum dicapai, masih banyak yang harus dicapai dan kita harus berikhtiar, bekerja bersungguh-sungguh dan menerima teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat seperti di Dewan yang mulia ini dan mengambil tindakan untuk melengkapkan lagi negara kita. Ada Ahli Yang Berhormat menyebutkan tentang beberapa kelemahan negara pada masa ini. Satu dari kelemahannya ialah mungkin ada kawasan pedalaman, kawasan Orang-orang Asli di mana belum ada lagi api, belum ada lagi air, belum ada lagi jalan dan kerajaan memang sedar atas segala kekurangan yang kita hadapi.

Saya tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memang sedar dan memang ingin dan memang berhasrat untuk melaksanakan projek-projek supaya tidak ada masyarakat yang terpinggir. Tidak ada lagi masyarakat yang miskin dan tidak ada masyarakat yang *hard core poor*. Polisi kerajaan dan rancangan kerajaan dalam *budget* yang akan datang pada 10 September 2004, insya-Allah dan juga dalam *Malaysia Plan* yang ke-9, kerajaan memang berhasrat untuk mengambil beberapa kaedah untuk melaksanakan projek-projek demi kepentingan rakyat khususnya rakyat yang berpendapatan rendah.

Ini termasuk satu isu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tentang rumah. Rumah – kerajaan sedar rumah adalah satu perkara yang sangat penting, dan saya tahu dan beberapa kali telah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ini adalah satu perkara yang dekat, yang diberi penekanan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang perumahan, perumahan untuk rakyat miskin, perumahan untuk rakyat yang berpendapatan rendah, dari semua kaum.

Kita sedar bahawa satu aset yang penting untuk rakyat ialah rumah. Rakyat mesti mempunyai rumah yang selesa dan cadangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Tuan Hassan Shukri tadi akan diambil maklum oleh kerajaan dan kita dalam rancangan-rancangan yang akan datang akan membina sebanyak yang boleh rumah-rumah rakyat, rumah-rumah mesra rakyat untuk semua kaum termasuk kaum Orang Asli. Projek Orang Asli ini akan dititikberatkan. Saya memberi jaminan bahawa projek-projek untuk Orang Asli dari segi api, air, jalan akan dititikberatkan dalam segala rancangan yang kita buat. *[Tepuk]*

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Saya sememangnya kagum di atas penglibatan Yang Berhormat Tan Sri di dalam menyumbangkan nasihat ataupun gagasan, cadangan terhadap kerajaan selama beliau di dalam perkhidmatan kerajaan dan sehingga kini.

Saya ingin juruskan kepada pandangan Yang Berhormat Tan Sri kepada relevannya angka-angka yang Yang Berhormat Tan Sri hujahkan di peringkat awal, dari tahun 1980 sehingga kini, iaitu lebih kurang 20 tahun. Saya cuba meninjau relevannya angka-angka tersebut, dalam tahun 1980, jumlah penduduknya sekitar mungkin 11 juta dan kini hampir 25 juta.

Pertambahan dari kategori profesional yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tan Sri itu saya cuba mencari satu rasional. Memang kita tidak dapat menafikan rancangan kerajaan telah pun membawa kepada satu kejayaan yang begitu tidak dapat dinafikan. Kita harus memberi satu penghargaan setinggi-tingginya kepada pucuk pimpinan sehingga menjana pertumbuhan peringkat profesional ke tahap yang sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri.

Cuma yang saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Tan Sri di sini, tahun 1980 jumlah angka-angka yang disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri antara bumiputera dan bukan bumiputera dengan kategori-kategori arkitek, peguam, doktor dan sebagainya, jurangnya antara 80% bukan bumiputera, 20% bumiputera.

Jadi seiring selepas 20 tahun lebih, jurangnya masih di tahap itu, antara 80% dan juga 20% ataupun paling-paling 70% dan 30%, masih di tahap yang begitu jurangnya. Persoalan saya, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tan Sri, apa

pandangan Yang Berhormat Tan Sri kerana ada pihak-pihak yang masih beranggapan terdapat diskriminasi kerajaan di dalam menangani soal antara bumiputera dan bukan bumiputera.

Padahal kalau kita hendak persoalkan soal diskriminasi sememangnya pihak kerajaan telah pun sedaya upaya untuk mendekatkan jurang di antara yang berada dengan yang tidak berada. Jadi, persoalan saya Yang Berhormat Tan Sri, soal diskriminasi ini sering kali dibangkitkan oleh beberapa pihak, seolah-olah ada unsur negatif di pihak kerajaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, memang dari segi angka-angka yang disebutkan tadi peningkatan dalam jumlah profesional berlaku untuk semua kaum, kaum bumiputera, kaum Cina, kaum India dan kaum lain-lain. Ini memang saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa kerajaan memang sentiasa tidak berdiskriminasi, sungguhpun mungkin ada dalam beberapa aspek pelaksanaan mungkin nampak sebagai diskriminasi dan kalau boleh kita akan membetulkan keadaan ini.

Tetapi dari segi polisi memang tidak ada diskriminasi dan saya ingin memberi sedikit lagi butir, Tuan Yang di-Pertua, untuk membuktikan perkara isu ini. Saya sebut tadi tentang doktor, arkitek, akauntan, jurutera, peguam, juru ukur dan saya sebut khas tentang kaum bumiputera, yang pada masa tahun 1980 begitu kecil jumlahnya dan sekarang sudah nampak munasabah.

Tetapi biar saya sebut juga supaya lengkap kedudukan profesional kaum Cina dan kaum India pada tahun 1980 berbanding dengan sekarang untuk membuktikan bahawa kerajaan memang tidak mengamalkan dasar diskriminasi.

KAUM	PROFESION	1980	SEKARANG
Cina India	Doktor	1,534 1,467	Hampir 4,000 3,730
Cina India	Arkitek	461 7	1,700 48
Cina India	Peguam	565 412	4,000 Hampir 3,000

Ini membuktikan bahawa kerajaan memang berhasrat untuk membawa kemajuan kepada semua kaum dan yang penting ialah mereka tidak kira kaum yang berpendapatan rendah yang miskin dari kaum bumiputera, kaum India, kaum Cina,

Orang Asli, memang akan diberi, telah diberi, dan memang akan diberi perhatian oleh kerajaan. Percayalah saya, kerajaan memang ikhlas, memang kerajaan ikhlas dalam tujuan ini.

Mungkin dari segi pelaksanaan ada kelemahan sedikit. Saya mengaku ada kelemahan, kita memang ada kelemahan dan kita akan memperbetulkan kelemahan. Tetapi dari segi hasrat, dari segi tujuan, kita memang dari sejak dahulu memang ikhlas tentang tujuan kita untuk melaksanakan perkara ini.

Mungkin Ahli Yang Berhormat bertanya, kita begitu banyak program yang harus dilaksanakan, kita memerlukan peruntukan yang begitu banyak untuk mencapai tujuan. Mana datangnya peruntukan? Memanglah kita ada *income tax* dan lain-lain, tetapi dari segi, satu perkara, satu isu yang diberi keutamaan kerajaan sekarang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ialah untuk memastikan bahawa GLC, syarikat-syarikat kerajaan, syarikat-syarikat di mana kerajaan memiliki ekuiti atau saham diuruskan, dijalankan dengan begitu baik supaya kerajaan dapat untung dan cukai yang lebih dari GLC supaya kerajaan dapat memastikan bahawa program-program khususnya program-program untuk rakyat miskin dapat dijalankan.

Cara kita memastikan bahawa syarikat-syarikat kerajaan yang selalu disebut sebagai GLC menjalankan urusan dengan lebih baik. Satu caranya ialah untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai, ketua-ketua yang dilantik untuk menerajui GLC ini adalah mereka yang harus dilantik.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat .

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Jadi kepada Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:dan juga memberi tabik hormat dan memang dari dahulu lagi saya mengagumi keikhlasan dan keterampilan Tuan Yang di-Pertua, yang saya telah kenali begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sedikit tentang GLC ini sebab GLC ini penting untuk mendapat hasil bagi kerajaan sebab 40% dari segi modal Bursa Saham Malaysia merupakan GLC dari segi modal. 40% adalah syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan dan adalah penting kita mentadbirkan syarikat-syarikat ini

dengan baik. Sebagai langkah yang pertama, kita memastikan bahawa ketua-ketua GLC adalah orang yang baik. Apa maksud, apa kriteria orang-orang yang baik. Kita telah menetapkan bahawa empat kriteria yang penting untuk melantik pegawai-pegawai GLC iaitu:-

- (i) integriti dan *honesty*, itu syarat mereka mesti mempunyai integriti, orang yang warak, orang yang baik;
- (ii) mesti rajin, kalau dia itu orang yang baik tetapi malas tidak boleh juga,
- (iii) warak, rajin dan juga mestilah cerdik, *intelligent*.
- (iv) kita telah menetapkan juga bahawa mereka yang dilantik mesti mempunyai ciri-ciri bermuhasabah, tidak boleh angkuh tetapi ada juga pegawai-pegawai yang berfikir mereka ini adalah dia tahu semua perkara, tidak boleh ditegur, tidak mendengar pandangan orang lain. Orang seperti ini kita tidak akan melantik. Kita melantik mereka yang bermuhasabah, *self-critical*, yang tidak sombong, yang sedar tentang kelemahan dan pegawai-pegawai yang kita telah lantik, kita telah melantik beberapa pegawai untuk menerajui GLC mempunyai ciri-ciri ini, alhamdulillah. Mereka yang akan dilantik kemudian kita memastikan bahawa mereka mempunyai ciri-ciri ini. Tetapi mereka tidak seharusnya dari kaum bumiputera atau beragama Islam tetapi dari semua rakyat Malaysia.

Saya ingin juga menyentuh satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut tentang kelebihan Malaysia dari segi negara demokratik, Islam dan progresif. Satu lagi ciri-ciri penting ialah tidak ada negara lain di dunia di mana negara dapat mencapai kemajuan dengan masyarakat yang berbilang kaum. Ya, ada juga negara lain di merata tempat, yang mana ada kaum minoriti. Tetapi di sini, di Malaysia, kaum minoriti ini jumlahnya besar. Lebih 40% dari penduduk rakyat Malaysia merupakan kaum yang bukan Islam, kaum yang bukan bumiputera. Sungguhpun kita mempunyai kaum minoriti yang begitu besar jumlahnya, kita dapat maju bahkan negara-negara lain yang mempunyai hanya satu kaum tidak dapat maju.

Ada negara di mana penduduknya adalah Kristian tetapi mereka berlawan di antara Kristian Protestan dengan Kristian Katolik. Di negara lain orang Islam tetapi ada Islam Syiah, ada Islam Sunni dan mereka berlawan di antara mereka. Kita bukan sahaja ada orang Islam, kita ada orang Kristian, Buddha, Hindu dan lain-lain, tetapi kita tidak bergaduh, kita boleh maju. Sebab itu satu lagi kelebihan Malaysia, bumi yang bertuah ini.

Ada beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya cuba menjawab setakat yang boleh dan sungguhpun ada yang tidak dapat dijawab oleh saya, saya memberi jaminan bahawa perkara-perkara ini akan diambil maklum dan akan diberi perhatian oleh kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan perkara berhubung dengan LHDN, sama ada LHDN patut mengkaji semula cara bekerja kerana tugas mentaksirkan cukai telah dipertanggungjawabkan kepada pembayar cukai, selaras dengan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri (*Self-Assessment*).

Tuan Yang di-Pertua, semalam Tuan Yang di-Pertua telah menyebut tentang 3E iaitu *Enforcement*, *Education* dan *Engineering*. Dari segi LHDN kita memang setelah berhijrah ke sistem *Self-Assessment*, Sistem Taksir Sendiri, LHDN akan memberi penekanan kepada *Education*, *Enforcement* dan juga *Engineering*. Kita akan berfikir sebab kita sekarang mempunyai mungkin lebih kakitangan yang terlibat dengan taksiran dan kakitangan-kakitangan pegawai-pegawai ini akan memberi fokus kepada memberi *education*, memberi maklumat kepada penduduk dan *tax* serta juga untuk memastikan bahawa mereka harus membayar cukai.

Ada juga penduduk Malaysia yang harus membayar cukai tetapi tidak membayar cukai. Tetapi ada satu pepatah Inggeris, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bahawa *there are only two things certain in life*, satu ialah *debt* dan satu lagi ialah *income tax*. Jadi, sungguhpun kita mungkin fikir kita boleh mengelakkan dari membayar cukai, percayalah satu hari nanti Lembaga Hasil Dalam Negeri akan menghantar surat juga dan sekarang kita dari segi *Enforcement*, kita mempunyai lebih kakitangan.

Dari segi *Engineering* kita sedang fikir dan kaji cara untuk mewujudkan satu sistem yang lebih efektif dan lebih berkesan.

Tuan Lee Sing Choi: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit kepada Menteri Kewangan Kedua

berkenaan dengan *Self-Assessment*. Saya hendak bertanya apakah ciri-ciri yang kritikal supaya *Self-Assessment* ini boleh berjaya.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh kuat sedikit?

Tuan Lee Sing Chooi: Ciri-ciri yang utama supaya *Self-Assessment* ini boleh berjaya dan tidak pihak pembayar cukai itu kena bayar di *income tax*. Adakah ciri-ciri itu sudah wujud? Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, dua ciri yang penting untuk *Self-Assessment System*, satu ialah rakyat yang ikhlas. Kalau rakyat bertujuan hendak menipu kerajaan - susah. Itu salah satu, memang saya berpendapat 90.9% rakyat Malaysia tidak bertujuan hendak menipu kerajaan dan mungkin juga ada seorang dua. Jadi, ciri yang kedua ialah kita mempunyai satu sistem *enforcement* yang kukuh, yang elok, yang dapat *enforce*, yang dapat wujudkan satu sistem di mana mereka yang tidak bayar cukai, tindakan akan diambil terhadap mereka. Jadi, dua ciri yang penting Yang Berhormat ialah yang pertama, rakyat yang ikhlas; yang kedua sistem *enforcement*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh telah minta butiran terperinci perbelanjaan sejumlah RM45 juta oleh Kementerian Penerangan. Sebahagian besar RM38 juta dalam peruntukan ini ialah untuk membayar pembayaran kepada Syarikat Telekom Malaysia Berhad untuk perkhidmatan yang diberi oleh Syarikat Telekom.

Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad telah memberi pandangan bahawa JPA harus tambah peruntukan untuk menghantar lebih ramai pelajar ke luar negara. Itu memang satu cadangan yang baik dan pada masa ini pun, JPA menghantar banyak juga pelajar pergi ke luar negeri, dalam tahun 2002 – 314 orang, tahun 2003 – 631 orang dan tahun ini 613 orang. Mungkin elok juga kita menambah bilangan yang pergi kursus di luar negara dan saya sendiri berpendapat bahawa mereka yang balik dari universiti-universiti di luar negara khususnya di universiti-universiti *i-Village* nampaknya begitu cekap, mempunyai sikap yang begitu baik.

Pada masa yang sama, kita juga memastikan bahawa penuntut yang pergi ke universiti tempatan juga mempunyai peluang untuk membina sikap dan mendapat maklumat dan pengetahuan yang baik untuk bertugas, sama ada bertugas di sektor kerajaan atau sektor swasta.

Yang Berhormat Datuk Yaakob juga telah membangkitkan berhubung dengan perkara perkhidmatan JPA, peluang kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam, kenapa proses kenaikan pangkat begitu perlahan, itu yang pertama. Yang kedua, perbandingan dengan pihak swasta dari segi peluang kenaikan pangkat.

Kerajaan memang telah melaksanakan Sistem Saraan Malaysia pada tahun 2002 yang merupakan satu tindakan untuk memastikan bahawa sistem kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam dilaksanakan dengan efektif. Mungkin sistem yang terdapat sekarang mungkin ada kekurangan sedikit dan kerajaan memang akan sentiasa mengkaji sistem yang ada supaya mereka yang harus dinaikkan pangkat, dinaikkan pangkat dengan cepat.

Yang Berhormat Datuk Yaakob juga telah bertanya tentang berapa banyakkah laporan audit yang terpaksa dibuat untuk dibentangkan kepada Parlimen dan PAC. Laporan yang dikemukakan kepada Parlimen dan PAC adalah seperti berikut:-

- (i) Laporan Audit Persekutuan; dan
- (ii) Laporan Audit Negeri

Sehingga September 2003, kesemua laporan audit bagi tahun 2002 telah dibentangkan. Laporan Audit Persekutuan bagi tahun 2003 telah diselesaikan dan akan dibentangkan pada bulan September 2004.

Yang Berhormat Datuk Mansor telah menanyakan kekurangan hospital-hospital awam di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya di negara kita tidak mempunyai masalah kekurangan hospital. Pada masa ini, terdapat 124 buah hospital dan 25 buah hospital lagi diperuntukkan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Sebelum pembinaan sebuah hospital dilaksanakan, terdapat tiga norma utama yang perlu ditekankan iaitu satu hospital bagi satu daerah, jarak di antara sebuah hospital dengan sebuah hospital lain adalah dalam lingkungan 30 hingga 50 kilometer dan bilangan penduduk melebihi 50,000 orang.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak 35 pembinaan hospital baru dilaksanakan di mana lapan buah hospital telah siap, 16 buah dalam pembinaan sekarang, manakala 11 lagi dalam perancangan yang dibawa ke Rancangan Malaysia Kesembilan. Pada masa ini, hospital-hospital adalah mencukupi dan polisi kementerian adalah untuk tidak menambahkan banyak lagi hospital. Kita memberi penekanan kepada.....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua atas jawapan itu. Tetapi, walaupun barangkali ada daerah-daerah yang mungkin mencukupi, taburan daerah-daerah itu sendiri kadang-kadang tidak diambil kira tetapi kita ambil satu contoh yang dekat sebagaimana yang saya sampaikan semalam. Shah Alam mempunyai penduduk lebih daripada 300,000. Tidak ada hospital di dalam Shah Alam, hospital awam. Maknanya, yang ada, yang paling hampir ialah Klang. Benar yang saya katakan, Klang sudah sesak dengan tempat-tempat yang untuk rawatan. Tidak ada tempat lagi sebenarnya. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Sukacitanya kita ingin memaklumkan bahawa pembinaan hospital di kawasan Shah Alam yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kelapan, pihak kementerian telah memilih kontraktor untuk hospital ini dan LOI telah pun diberi. Saya harap maklumat ini diterima oleh Datuk Mansor. Kita akan membina hospital di Shah Alam. Memang kita sedar tempat itu sesak.

Tuan Yang di-Pertua: Lihat betapa responsif kerajaan, Yang Berhormat. Serta-merta diputuskan. *[Tepuk]*

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Padahal, Tuan Yang di-Pertua, Datuk Mansor hanya sebut perkara ini semalam. Hari ini kita telah membuat keputusan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: *[Ketawa]*

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Saya bergurau sahaja, Yang Berhormat. Keputusan ini telah dibuat bulan lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh telah membuat syor supaya *billboard* diletakkan di tempat-tempat awam dan adakah berpadanan dengan *billboard* sahaja, gerakan *mobile unit* ikut keperluan semasa. Tuan Yang di-Pertua, *billboard* pada masa ini memang diletakkan di tempat-tempat yang strategik seperti di dalam sekolah, luar sekolah, pasar, perhentian pengangkutan awam dan lain-lain tempat awam. Di samping *billboard*, mesej-mesej “Anti Merokok” dihebahkan menerusi video dan televisyen. Ini termasuklah perkhidmatan oleh Unit Bergerak Pendidikan Kesihatan.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan perkara *private wings* di hospital-hospital kerajaan. Pihak kementerian sedang mengkaji

semua aspek perundangan dan juga aspek kewangan dan juga aspek sosial yang lain tentang perwujudan *private wings* di hospital-hospital dan kerajaan sedang mengkaji tentang perkara ini untuk memastikan bahawa tidak menjejaskan mana-mana pihak.

Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam telah menimbulkan perkara penjualan ubat-ubatan yang tidak diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang berleluasa. Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengawal dan memantau penjualan ubat-ubatan dan aktiviti rawatan perubatan termasuk perubatan alternatif. Kawalan dikuatkuasakan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga telah membangkitkan isu Program Latihan Kemahiran Siswazah, mengapa perlu program sedemikian sedangkan universiti-universiti menawarkan program-program yang diiktiraf. Memang benar tetapi walau bagaimanapun, tugas universiti ialah untuk memberi pengetahuan yang *fundamental*, pengetahuan yang *basic* dari segi *technical knowledge* ataupun kemahiran yang khusus, memang kadang-kadang tidak diberikan dan tidak menjadi tujuan utama universiti. Tujuan utama universiti ialah untuk memberi pengetahuan dan skill-skill khusus yang ada kalanya diberi oleh pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya dapat memberi penjelasan petang ini, yang saya tidak dapat memberi penjelasan dan jawapan kerajaan memang akan memberi penekanan semua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat termasuk isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Shukri tentang jalan-jalan dan kawasan Putrajaya, elok juga cadangan untuk menamakan jalan-jalan, kawasan, mengikut acuan kita sendiri, mungkin mengikut sultan-sultan atau pemimpin-pemimpin kita.

Memang nama Putrajaya pun adalah nama Yang Teramat Mulia Allahyarham Tuanku Abdul Rahman dan elok juga kita kerajaan memang akan menimbangkan cadangan ini yang saya anggap sebagai satu cadangan yang begitu baik, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tan Sri Nor Mohamed bin Yackop: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2003 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya memohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), Rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak Timbalan Yang di-Pertua dan bagi diri saya, saya ingin menyuarakan penghargaan kami kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat semua kerana telah memberi sumbangan nyata sehingga sidang kali ini boleh disifatkan satu sidang yang memberangsangkan [*Tepuk*] lebih penting lagi sidang ini menyerlahkan peranan Dewan ini sebagai forum utama pemerintah untuk menampakkan dan menegakkan prinsip-prinsip ketelusan dan akauntabiliti kepada negara dan rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat dengan penghargaan dan terima kasih, saya tangguhkan Dewan sehingga suatu masa yang akan ditetapkan. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.05 petang.